

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003

Jawatankuasa:

Jadual:

Maksud B. 18	(Halaman 18)
Maksud B. 21	(Halaman 23)
Maksud B. 26	(Halaman 40)
Maksud B. 28 dan B. 30	(Halaman 53)
Maksud B. 34	(Halaman 70)
Maksud B. 35	(Halaman 90)
Maksud B. 40	(Halaman 98)
Maksud B. 41	(Halaman 108)
Maksud B. 45	(Halaman 112)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 2002

Jawatankuasa:

Maksud P. 18	(Halaman 18)
Maksud P. 20	(Halaman 23)
Maksud P. 25	(Halaman 34)
Maksud P. 26	(Halaman 40)
Maksud P. 28	(Halaman 53)
Maksud P. 33	(Halaman 62)
Maksud P. 34	(Halaman 70)
Maksud P. 36	(Halaman 97)
Maksud P. 38	(Halaman 98)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 14)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beras)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGNP., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taph)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)

Yang Berhormat	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

Yang Berhormat	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnun bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)

Yang Berhormat	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Khamis, 3 April 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****[Soalan No. 1 – Y.B. Puan Sukinam Domo (Batang Sadong) tidak hadir]****[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) tidak hadir]****[Soalan No. 3 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) tidak hadir]****[Soalan No. 4 – Y.B. Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) tidak hadir]**

5. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah kes-kes tertangguh di mahkamah (semua peringkat) telah diselesaikan dalam usaha memendekkan tempoh menunggu sesuatu kes itu dibicarakan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Kenapa? Menteri yang menjawab tidak ada [*Dewan riuh dengan ketawa*] Menteri tidak ada hendak jawab.

Beberapa Ahli: Baru sampai.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Menteri baru masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila. Nombor lima Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terus nombor lima ya Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya dan Yang Amat Arif Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah dari masa ke semasa memberi arahan kepada para hakim dan pegawai kehakiman berkaitan dengan pelupusan kes pengawalan ke atas penangguhan dan meneliti statistik untuk tujuan pemantauan.

Pejabat ketua pendaftar sentiasa mengkaji prosedur-prosedur mahkamah, pekeliling-pekeliling dan arahan-arahan amalan supaya keupayaan mahkamah dalam melupuskan kes dapat dipertingkatkan. Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan arahan Amalan Bil 1/2003, 2/2003 dan 3/2003 yang memberi garis panduan kepada para hakim dan pegawai kehakiman mengenai penangguhan kes, perbicaraan kes-kes keutamaan dan perintah tahanan di bawah seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah.

Kes-kes yang ditakrif sebagai kes keutamaan telah ditentukan untuk diselesaikan mengikut jangka masa yang ditetapkan. Arahan ini berkesan dan sedang dipantau, usaha-usaha pada tahap awal ini telah memendekkan tempoh menunggu sesuatu kes itu dibicarakan. Ini juga telah menunjukkan bahawa tempoh perbicaraan kes-kes tertangguh telah dapat dipendekkan yang antara lain juga bergantung kepada kerumitan sesuatu kes. Pada masa yang sama langkah telah diambil dengan penambahan pegawai kehakiman dan kakitangan sokongan bagi melicinkan proses berhubung dengan penyediaan fail untuk perbicaraan. Secara keseluruhannya

mahkamah telah dapat menyelesaikan kes-kes tertangguh kadar pelupusan kes-kes di semua peringkat mahkamah-mahkamah pada tahun 2001 adalah sebanyak 96%, pada tahun 2002 kadar pelupusan kes-kes di semua peringkat mahkamah-mahkamah telah meningkat kepada 107%. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan mengenai apakah kriteria yang digunakan untuk mengkategorikan kes-kes itu sebagai kes yang harus diberikan keutamaan kes yang patut diperlahankan perbicaraannya. Mengapakah kes-kes yang tertangguh itu jadi tertangguh adakah faktornya kerana terlalu banyak kes atau berlaku *brain drain* di kalangan anggota-anggota badan kehakiman yang meninggalkan jawatan mereka untuk pergi menjadi peguam dalam sektor swasta?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok, jika mengikut arahan amalan Ketua Hakim Negara Bil 2/2003, kes-kes keutamaan adalah seperti berikut, dalam menjalankan perbicaraan kes-kes di mahkamah, keutamaan hendaklah diberi mengikut susunan berikut iaitu kes reman. Kita tahu kes reman ini belum lagi didapati bersalah ataupun tidak tetapi tidak boleh dijamin.

Yang kedua, kes anggota kerajaan termasuk badan berkanun, kes kanak-kanak, kes yang melibatkan kepentingan awam dan kes cetak rompak. Mengenai penangguhan-penangguhan kes ini kita sedia maklum bahawa di dalam mahkamah ianya melibatkan bukan sahaja pihak mahkamah tetapi juga melibatkan pihak peguam, pihak *defendant* begitu juga saksi-saksi, jadi banyak pihak yang terlibat.

Dalam masa yang sama kita juga cuba berusaha untuk mengisi kekosongan yang ada di dalam bidang kehakiman dan kita jangkakan dalam bulan Jun, Insya-Allah kekosongan-kekosongan yang ada di dalam bidang kehakiman ini akan dapat kita isi. Juga masalah yang kita hadapi juga ialah masalah jurubahasa kerana masalah jurubahasa terutamanya jurubahasa yang pada bahasa Cina, ini juga kita menghadapi masalah kerana kita dapati memang kita kekurangan jurubahasa ini dan apabila kes ini dihadapkan di mahkamah jika pihak yang dituduh mendesak juga menggunakan jurubahasa ataupun yang dituduh itu ialah orang Cina maka walaupun *lawyer* sudah ada hakim sudah ada tetapi tidak ada jurubahasa seperti yang dikehendaki maka kes kita terpaksa juga kita tangguh. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah mengambil tindakan positif berhubung dengan untuk mengatasi *backlog cases* ini. Jadi tidak ada satu formula yang komprehensif boleh dilaksanakan. Oleh kerana arahan amalan umpamanya tidak boleh dijadikan satu *instrument* untuk mengatasi masalah keseluruhannya oleh kerana kerenah peguam, kerenah saksi, kerenah orang yang dituduhkan dan bermacam-macam lagi. Jadi yang pentingnya sudah disebutkan tadi iaitu *interpreter* ataupun penterjemah yakni kalau skim penterjemah itu tidak dilihat secara menyeluruh orang tidak hendak menjadi penterjemah. Jadi dalam keadaan yang sama tidak ada orang yang jadi penterjemah jadi *backlog* akan berlaku oleh kerana tidak ada penterjemah. Ini yang pertama.

Yang kedua kemudahan di mahkamah, umpamanya *recorder*, *transcript*, hakim yang ambil gunakan *longhand*. Selepas itu dia *transcript*, kalau hakim itu *blockdown* dengan *so many cases*, *long trial* dan dengan sendirinya dia akan lambat membuat *reporting* dan sebagainya untuk membuat keputusan. Jadi apakah tindakan kerajaan supaya kita mengadakan *recorder* dalam mahkamah macam orang yang macam *shorthand typewriter* menolong hakim ini untuk mendapat *recording* semasa *trial* berlaku dan juga soalan *interpreter* ini dilihat semula skim *and service* dan gaji mereka supaya dapat menarik minat kepada pihak ini masuk dalam jabatan kehakiman ini, terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Batang Lupa, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita menghadapi masalah mengenai jurubahasa seperti yang ada pada hari ini dengan bilangan jawatan yang ada 895 tapi yang kita mampu isi 692, ini bermakna kita kekurangan 233 jurubahasa. Ada satu mahkamah di satu negeri, ada empat mahkamah tinggi tetapi jurubahasa dia seorang sahaja. Jadi jurubahasa ini dia kena *rotate*, berlari dari satu mahkamah ke

satu mahkamah dan kadang-kadang yang saya nyatakan tadi, bila jurubahasa ini tidak dapat kita gunakan maka kes ini pun telah pun tertangguh.

Mengenai persoalan skim gaji dan juga perkhidmatan yang lebih baik kepada jurubahasa ini sedang dikaji oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan kita juga sedar bahawa kurangnya mereka-mereka yang berminat untuk menjadi jurubahasa ini kemungkinan skim yang disediakan kurang memuaskan tetapi oleh itu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengkaji mengenai supaya perkhidmatan ini, bidang jurubahasa ini diberikan skim yang lebih baik dan gaji yang lebih baik. Mengenai cadangan Yang Berhormat mengenai tulisan ataupun ringkasan-ringkasan atau penulisan yang dibuat di mahkamah saya suka maklumkan bahawa pihak mahkamah pada sekarang sedang berusaha untuk menggunakan ICT di dalam urusan-urusan pentadbiran mahkamah dan saya percaya kita akan sampai satu tahap nanti ICT yang baru ini, mungkin nanti orang bercakap kita sudah tidak tulis lagi. Kita dah bercakap dan dia akan automatik dia akan boleh ditulis di dalam komputer yang disediakan. Jadi segala pandangan dan cadangan Yang Berhormat Insya-Allah kita akan ambil perhatian terima kasih.

6. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bahru]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, alasan-alasan tidak meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membina sebuah pelabuhan yang moden yang bertaraf antarabangsa di Tumpat bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan pelancongan bagi negeri Kelantan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam tahun 1997 kerajaan pusat telah meluluskan cadangan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membina sebuah pelabuhan di Tumpat secara penswastaaan yang akan dilaksanakan oleh syarikat Hongkew Holdings Sdn. Bhd. Pelabuhan yang diluluskan akan beroperasi sebagai *specialize dedicated port* dengan izin bagi tujuan pengangkutan simen dan bahan mentah simen kilang, kepunyaan syarikat tersebut. Walau bagaimanapun sehingga kini pelaksanaan pembinaan pelabuhan berkenaan masih belum dilakukan. Baru-baru ini kementerian pengangkutan telah menerima permohonan daripada syarikat terbabit untuk menukar konsep asal pelabuhan kepada sebuah pelabuhan perdagangan serba guna di mana permohonan ini sedang diteliti oleh Kementerian Pengangkutan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana sentiasa menyokong projek-projek yang baik khususnya bagi kawasan saya di Tumpat. Ekoran daripada keputusan kementerian ini, bolehkah kita mengharap supaya Kementerian Pengangkutan melihat pelabuhan yang bakal dibina untuk Tumpat itu diintegrasikan dengan projek-projek Kementerian Pengangkutan yang lainnya, khususnya projek kereta api yang saya bangkitkan tiap-tiap kali kita bersidang kerana nampaknya tumpuan pembangunan kereta api ialah di Pantai Barat tetapi di Pantai Timur untuk menghidupkan pelabuhan yang sudah pun diluluskan ini perlukan sistem pengangkutan kereta api yang baik, yang efisien, yang dua hala dan sebagainya. Jadi, bolehkah kita mendapat seterusnya jaminan daripada pihak Kementerian Pengangkutan untuk membina suatu sistem pengangkutan yang hebat di Pantai Timur termasuklah jalan kereta api di Pantai Timur hinggalah ke Tumpat. Terima kasih.

Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Memang projek ini ada di Tumpat, saya tidak tahu Yang Berhormat ada saham atau tidak [*Ketawa*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dahulu adalah, sekarang tak ada.

Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, pada satu mesyuarat yang kita ada dengan syarikat terbabit, kita telah memberi syarat kepada syarikat yang terbabit supaya mereka boleh membina sebuah pelabuhan perdagangan yang serba guna atau *multi-purpose commercial port*, dan syarat-syarat yang kita beri kepada mereka adalah disebabkan pada masa ini Kementerian Pengangkutan ada sebuah jeti berada di sana. Kita harap syarikat ini boleh menggabungkan jeti dengan pelabuhan yang mereka ingin bina, dan kita beri masa mereka satu bulan untuk memberi maklum balas. Buat masa ini kita belum dapat apa-apa lagi.

Mengenai hubungan antara rel dan pelabuhan, saya ingat itu kita akan bincang selepas pelabuhan itu dibina. Sekian.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rasionalnya satu pelabuhan yang bertaraf antarabangsa perlu di Pantai Timur khususnya di Kelantan, menyokong kepada apa yang telah pun dibina di Kuantan kerana kedudukan Tumpat ini berdekatan dengan Indo-China khususnya hubungan perdagangan menerusi laut di antara Thailand, Kampuchea serta Vietnam, mungkin sampai ke Taiwan. Di atas asas ini saya yakin pihak Kementerian Pengangkutan mempunyai satu pandangan positif untuk meluluskan, permohonan telah pun dicadangkan daripada *specialize dedicated port* kepada *multi-purpose port*. Jadi, apakah pihak kementerian mempunyai satu pandangan balas untuk mempercepatkan permohonan telah pun dibuat untuk kali kedua bagi tujuan *multi-purpose port* ini. Terima kasih.

Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya telah jawab tadi sebab sekarang kita tunggu syarikat yang terbabit untuk memberi maklum balas kepada Kementerian Pengangkutan. Memang kementerian mengambil perhatian perkara ini. Di Pantai Timur kita pun ada dua pelabuhan yang sedia ada iaitu Pelabuhan Kuantan dan Kemaman. Memang kalau syarikat *private* yang membina pelabuhan, kita selalu memberi bantuan. Sekian.

7. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sama ada projek Lebuhraya Karak akan disambungkan dari Gombak ke Jalan Pahang, Kuala Lumpur seperti yang dirancang dan jika projek ini akan dimulakan semula, bila ia akan dibina dan disiapkan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tiada cadangan untuk menyambung Lebuhraya Karak dari Gombak ke Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang menimbang cadangan penswastan projek Lebuhraya Utara-Timur Kuala Lumpur. Projek ini bermula dari pertemuan persimpangan bertingkat lebuhraya baru Lembah Klang dan Lebuhraya Penyuraian Trafik Barat Kuala Lumpur (SPRIN) dan jajaran akan melalui Segambut Dalam, Sentul, Setapak hingga ke Lebuhraya Lingkaran Tengah Dua di Hill View Hulu Klang.

Terdapat keperluan untuk menyambungkan lebuhraya ini ke Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak melalui Jalan Bandar ke Sentul Pasar.. Keperluan ini akan dipertimbangkan semasa rundingan cadangan penswastan Lebuhraya Utara-Timur Kuala Lumpur nanti.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu sebelum rancangan itu dilaksanakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kesesakan di Utara Kuala Lumpur, dan apabila penswastan itu dilaksanakan, berapa kadar tol yang akan dikenakan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat oleh kerana banyak di antara Ahli Yang Berhormat suka untuk mendapat jalan tetapi mereka sebelum itu suka mendapat tahu mana satu penting, tol kah atau jalan [*Ketawa*] Walaupun jalan belum bermula, rancangan itu ada dalam pertimbangan, macam mana saya boleh menjawab berkenaan dengan tol, Yang Berhormat. Tol akan dikenakan iaitu munasabah, *people oriented*, tol mesti diterima oleh rakyat jelata. Kerajaan bukan mahu menggunakan tol yang boleh memberi keberatan kepada rakyat jelata.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini kita lihat bahawa lebuhraya sudah sampai ke Gombak. Daripada Lebuhraya Karak sudah sampai ke Middle Ring Road. Tetapi daripada Middle Ring Road sampai ke Sentul hanya sedikit sahaja kerana kebetulan jalan di sebelah kanan daripada Gombak menghala ke Sentul adalah tanah kerajaan. Kenapa tidak dilebarkan jalan sepanjang daripada Gombak sampai ke persimpangan Sentul, yang mana di situ sekarang ini kesesakannya luar biasa. Saya fikir kos yang terlibat pun tidak begitu banyak. Kenapa tidak difikirkan untuk meneruskan sahaja projek itu kerana tidak

melibatkan pengambilan balik tanah yang begitu mahal sekali di Kuala Lumpur. Minta penjelasan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan pertama untuk membina jalan ini sampai ke persimpangan yang sedia ada sahaja. Walaupun ada juga rancangan untuk mengambil balik tanah, tanah sudah diambil balik tetapi rancangan untuk meneruskan jalan ini masuk dalam kuasa Dewan Bandaraya. Oleh kerana itu, kita tidak meneruskan dengan pembinaan. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat satu hari nanti kita mesti mengadakan jalan itu diteruskan. Jikalau tidak, saya percaya kita akan menghadapi lebih kesesakan lalu lintas. Saya sendiri pun menggunakan jalan itu tiap-tiap minggu dua tiga kali. Saya sendiri juga menghadapi masalah seperti Ahli Yang Berhormat. Terima kasih. *[Ketawa]*

8. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan untuk membantu golongan petani dan nelayan bagi menaikkan taraf ekonomi mereka yang mana sebahagian besarnya sangat jelas kelihatan hidup dalam tahap kemiskinan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Sri Gading yang sangat prihatin terhadap golongan petani, penternak dan nelayan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian menerusi jabatan dan agensi di bawahnya melaksanakan langkah-langkah seperti berikut untuk membantu golongan petani dan nelayan bagi menaikkan taraf ekonomi mereka. Di antaranya ialah:

- (i) transformasi petani dan nelayan tradisional kepada pengusaha komersial melalui projek kelompok, Program Pembangunan Nakhoda dan lain-lainnya;
- (ii) meningkatkan pemindahan teknologi terkini kepada petani dan nelayan, melalui projek-projek pertanian seperti projek padi 10 tan dan program percubaan dan demonstrasi, peralatan penangkapan ikan dan peralatan mengawal mutu ikan selepas tuai;
- (iii) memberi kemudahan pinjaman daripada Bank Pertanian, Dana Nelayan dan Tabung Pembangunan Ekonomi Persatuan Nelayan;
- (iv) menyediakan kemudahan-kemudahan asas di kompleks pendaratan ikan seperti jeti dan di kampung-kampung nelayan seperti balai nelayan dan tambatan bot dan sebagainya;
- (v) melaksanakan program-program pembangunan seperti Program Pembangunan Usahawan, Anak Angkat Pemprosesan, Kumpulan Ekonomi Nelayan di mana masyarakat petani dan nelayan digalakkan untuk menceburi industri hiliran;
- (vi) melaksanakan pembinaan unjam-unjam sebagai usaha meningkatkan hasil tangkapan nelayan pantai;
- (vii) mewujudkan pusat-pusat pengumpulan dan pemasaran hasil pertanian dan perikanan seperti membangunkan pasar tani dan memperkenalkan *fish on wheel* dan *fish kiosk* sebagai cara pemasaran hasil tangkapan nelayan;
- (viii) memberi latihan dan kursus untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang pertanian di pusat latihan dan pertanian dan perikanan; dan
- (ix) memberi input-input pertanian dan bantuan teknikal kepada petani dan nelayan seperti baja, benih, khidmat nasihat dan sebagainya.

Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tidak dinafikan usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh Kementerian Pertanian bagi membantu golongan di mana inilah peratus yang terbesar golongan yang termiskin di negara ini adalah golongan petani dan nelayan tetapi kunci soalan saya ini ialah apakah langkah-langkah yang lebih berkesan tanpa menafikan segala usaha yang telah dilakukan tetapi apakah langkah-langkah yang lebih berkesan kerana selama ini dengan segala bantuan itu ramai lagi petani atau nelayan masih duduk di takuk kemiskinan, yang tidak berubah.

Jadi, saya berharap dikaji segala usaha yang telah dijalankan itu untuk lebih mendatangkan kesan bagi menghapuskan ataupun boleh meningkatkan ekonomi golongan ini supaya mereka benar-benar rasa terbela. Umpamanya, pekebun kelapa sawit, getah diberikan bantuan kewangan. Kenapa tidak golongan ini yang benar-benar miskin tidak ada skim bantuan seperti kelapa sawit dan juga getah kepada petani-petani, nelayan-nelayan. Sebagaimana saya pernah bercakap di Dewan ini nelayan ini cuma enam bulan sahaja setahun mata pencariannya untuk nafkah hidup selama setahun kerana lautan gelora dan sebagainya. Jadi, langkah-langkah yang lebih berkesan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Semalam kita telah mengadakan taklimat kepada BBC dan telah menyatakan pelbagai program telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, kami sendiri masih lagi kurang puas hati keadaan apa yang dilakukan. Insya-Allah, kita akan teruskan usaha ini. Sekiranya kawasan Yang Berhormat ada petani yang terlalu miskin hendakkan maju, sila kemukakan kepada saya ataupun terus kepada Menteri. Kita akan teruskan usaha ini, kerana usaha inilah usaha yang murni bagi kita dan selagi ada orang miskin, selagi ada peladang, nelayan dan penternak di takuk lama kita akan cuba menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin. Insya-Allah, Yang Berhormat kalau ada yang belum lagi kita buat, beritahu kepada kita dan cubalah kita akan sama-sama turun di kawasan berkenaan.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkaitan dengan nelayan. Rintihan daripada nelayan dalam kawasan saya daripada Kuala Sala contohnya apabila mereka menangkap ikan, sekiranya mereka melakukan kesalahan, antara masalah besar yang mereka hadapi ialah bot mereka dirampas yang mengakibatkan kalau bot mereka dirampas, sudah tentulah ini tidak akan memberikan kesan kepada mereka. Mereka tidak akan dapat lagi pergi ke laut.

Kenapa tidak dikaji satu kaedah kalau pun kesalahan mereka lakukan, hanya denda sahaja dikenakan ke atas mereka iaitu denda yang munasabah dan bot-bot mereka ini tidak dirampas kerana kesannya mereka membeli semula bot ataupun menebus bot ini adalah terlampau tinggi yang tidak mampu dibiayai oleh nelayan-nelayan yang pendapatan mereka terhad. Minta penjelasan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Selalunya kalaulah nelayan yang kita tangkap terhadap apa yang dilakukan ialah *first offence* atau kesalahan pertama, kita kompaun sahaja atau memberi amaran. Kalau berlaku kesalahan yang kedua, dikompaun dan kalau berlaku kali yang ketiga itu, barulah kita rampas bot kerana mengikut undang-undang kita, kita terpaksa kerana *repeated offenders* ini adalah sangat banyak.

Yang Berhormat pun tahu kita di Kedah sana di Sala, kadang-kadang itu mereka mencerobohi Taman Laut. Taman Laut ini untuk kita membanyakkan ikan, tempat beranak ikan. Dan seterusnya kadang-kadang itu pergi ke Langkawi, kerana kita tahu mereka ini adalah *repeated offenders*. Walau bagaimanapun, kita akan *review* balik kerana kita akan cuba menyelesaikan perkara ini secepat mungkin. Tetapi Yang Berhormat beritahu orang-orang kita supaya janganlah sering kali, empat kali, tentulah kita akan terus mengambil tindakan. Itu sahaja, terima kasih.

9. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] minta Menteri Pendidikan menyatakan, hasil kaji selidik yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan tentang celek huruf jawi dalam masa sepuluh tahun terakhir. Bagaimana program bagi mengatasi masalah buta huruf Al-Quran, dan apakah langkah-langkah yang telah dan

sedang diambil bagi mengatasi masalah buta jawi yang terus meningkat di kalangan masyarakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan beberapa kajian mengenai celik huruf jawi. Antaranya Pusat Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan telah mengadakan kajian pelaksanaan Pelajaran Jawi di kalangan pelajar KBSR pada tahun 1992. Pada keseluruhan kajian ini mendapati 66.8% murid Tahun 1, 49% murid Tahun 2 dan 61.4% murid Tahun 3 boleh membaca jawi mengikut tahap mereka.

Bagi Tahap 2, sebanyak 57.7% murid Tahun 4, 67% murid Tahun 5 dan 67.1% murid Tahun 6 boleh membaca jawi. Manakala kajian yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam dengan kerjasama Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia pada tahun 1998 terhadap murid tahun 6 di tiga buah negeri iaitu Johor, Selangor dan Pulau Pinang mendapati bahawa 61% murid menguasai kemahiran membaca jawi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa berusaha mengatasi masalah buta huruf Al-Quran dan jawi. Kementerian Pendidikan telah mengadakan Seminar Jawi Peringkat Kebangsaan pada 16 hingga 18 Oktober 2002. Pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas ke semua sekolah untuk memberi penekanan kepada penguasaan jawi dan Al-Quran khususnya bagi enam bulan pertama Tahun 1.

Guru-guru yang mengajar Jawi dan Al-Quran diberi kursus dari semasa ke semasa. Mereka juga dikehendaki melaksanakan berbagai-bagi aktiviti untuk mempertingkatkan penguasaan dan pengukuhan jawi di kalangan murid. Satu masa pembelajaran khas diperuntukkan ke dalam jadual rasmi pembelajaran peringkat KBSR untuk Pelajaran Jawi. Sementara itu, di peringkat KBSM, Pelajaran Jawi diperkukuh menerusi pelajaran Pendidikan Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Jawapan yang begitu panjang lebar tetapi tidak berapa jelas. Masalah buta huruf jawi sebenarnya bermula bila mana kerajaan Perikatan dahulunya, sekarang BN, membuang tulisan jawi dari arus perdana sukatan pelajaran di sekolah-sekolah pada tahun 1965 menjadikan generasi selepas itu ramai yang buta jawi dan sekali gus buta Al-Quran. Sekarang kita tengok akhbar-akhbar Utusan Melayu dalam tulisan jawi tidak mendapat sambutan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Langsung ditutup.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dah, dah tutupkah?

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Ya, nasib baik ada Sekolah Agama Rakyat. Soalan tambahan saya, sampai bilakah sikap tidak amanah kerajaan kepada Islam dan masyarakatnya di negara ini akan dipulihkan balik dan supaya tidak dikatakan yang kerajaan UMNO – BN membuat pengakuan kosong memperjuangkan agama dan bangsa di negara kita. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita bernasib baik. Ini saya pakai *Stop War* kita di sini bernasib baik. Hari ini hari ke-15 kota Baghdad masih tidak boleh ditembusi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Di waktu subuh, Tuan Yang di-Pertua, dan di waktu Maghrib, bom turun tetapi kita hari ini kita boleh bersidang di dalam Dewan begitu aman dan damai di bawah pemerintahan Barisan Nasional. *[Tepuk] [Disorak]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saya membuat penjelasan tidak jelas tidak timbul. Saya begitu jelas, kita sedang menjalankan usaha ini dan kita dapati ada kelemahan. Tidak perlulah Yang Berhormat bagi Jerlun berkali-kali, berulang-ulang kali

mengungkit-ungkit sejak Perikatan memerintah inilah jadi orang buta jawi dan sebagainya. Ada sebab bukan kerana Perikatan, bukan kerana Barisan Nasional tetapi sebenarnya apa usaha yang kita lakukan ini adalah untuk kebaikan bersama. Malah pada hari ini, kita sudah pun mengadakan Tulisan Jawi sebagai satu mata pelajaran di Tahap 1. Begitu juga di sekolah menengah, kita gunakan buku teks dalam tulisan jawi.

Jadi saya berharap *Harakah* pun tidak tulis dalam tulisan jawi. [*Disorak*] Itu kata orang yang hendak membela tulisan jawi [*Ketawa*]. Dahulu marah dengan bahasa Inggeris malah sebahagian daripada *Harakah* juga ditulis dalam bahasa Inggeris. Jadi lain cakap, lain bikin. Inilah PAS [*Ketawa*] [*Dewan riu*] Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, jangan kita ungkit dan jangan kita mengata-ngatai bahawa kita tidak melakukan ini.

Saya berharap pihak PAS bersama dengan kerajaan boleh kita usaha memperbaiki di mana ada kelemahan, mari kita buat cadangan. Kita sila dengar. Saya tahu Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar berkali-kali mengatakan mengenai tulisan jawi. Langkah-langkah kita sudah ambil dengan secara serius. Kita bukan main-main. Begitu juga soal SAR dan tulisan jawi ini adalah berbeza. Jangan kata lulus daripada SAR boleh tulisan jawi lebih baik daripada sekolah kebangsaan. Semuanya kita kata kalau usaha itu kita lakukan anak-anak kita tetap boleh dalam tulisan jawi dan Al-Quran.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setuju bahawa tuduhan tak amanah kepada Islam kerana tidak melaksanakan tulisan jawi di sekolah sebagai satu tuduhan yang melampau batasan dan cukup liar. Adakah Yang Berhormat juga setuju bahawa tidak semestinya buta jawi itu buta Al-Quran. Ramai orang baca Al-Quran tetapi tidak tahu tulisan jawi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan langkah surat khabar *Utusan Melayu* yang memperkenalkan sistem ejaan baru jawi supaya tulisan dan bacaan jawi boleh difahami dengan mudah dan adakah Yang Berhormat bersetuju juga akhbar *Utusan Melayu* bertulisan Jawi ini dijadikan sebagai akhbar rasmi bagi pengajaran Tahap 1 dan tahap selanjutnya untuk dihantar ke sekolah-sekolah dan dicadangkan supaya *Harakah* itu ditulis dan diterbitkan dalam tulisan jawi, baru cakap serupa bikin [*Dewan riu*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yah!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Cakap tak serupa bikin.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ada tak amanah pula.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datok. Saya berkali-kali sudah bercakap mengenai dengan tulisan jawi malah banyak benda-benda yang kita lakukan di sekolah seperti dalam bidang seni pun kita masukkan tulisan jawi, tulisan khat ini untuk menggalakkan anak-anak kita membiasakan dengan tulisan jawi. Ini suatu *heritage* kita yang begitu tinggi nilainya.

Begitu juga dengan akhbar *Utusan Melayu* yang hari ini sudah menjadi akhbar mingguan. Begitu juga kita sedang memikirkan perkara ini supaya akhbar tulisan jawi tadi, *Utusan Melayu* maksud saya, dapat diedarkan ke sekolah-sekolah untuk diminati kepada ini. Jadi soal rasmi atau tidak rasmi itu tidak timbul. Bagaimana sekarang ini kita hendak cari jalan supaya akhbar ini dapat digunakan di dalam bilik darjah pada masa yang akan datang.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Bagan Datok telah membangkitkan mengenai *Harakah* sama ada dia dalam tulisan jawi, itu saya rasa terpulanglah kepada pihak sana. [*Ketawa*] Dia cakap, dia tidak buat. Begitu juga dia duduk kempen mengenai dengan Al-Quran kata begitu begini, tetapi dia tidak praktis seperti mana yang dikehendaki dalam Islam. Seperti mengata orang, mengutuk orang, mencaci orang, dahsyat! Tetapi inilah yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, lain cakap, lain bikin oleh pihak PAS. Terima kasih. [*Disorak*]

10. Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan penyertaan bukan bumiputera di seluruh negara dan bumiputera Sabah dan Sarawak

dalam pasukan tentera negara dan adakah Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian setakat ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan mempunyai berbagai program dan perancangan bagi menarik minat golongan bukan bumiputera dan bumiputera Sabah dan Sarawak untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menganjurkan Expo Kerjaya ATM di beberapa bandar termasuk Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Pulau Pinang;
- (ii) mengadakan pameran dan ceramah kerjaya di sekolah-sekolah terutamanya di sekolah-sekolah yang majoriti pelajarannya terdiri daripada golongan bukan bumiputera; dan
- (iii) memperluas program pengambilan anggota dengan menyiarkan iklan pengambilan di dalam akhbar-akhbar utama termasuk akhbar berbahasa Cina dan Tamil.

Dari masa ke semasa kerajaan juga berusaha untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan, gaji, elaun dan jawatan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada selaras dengan keadaan semasa dan perkembangan ekonomi negara. Pihak ATM juga bersedia untuk memberi ceramah di majlis perhimpunan kaum atau bangsa sekiranya dijemput.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun berbagai program telah dilaksanakan, sambutan dari kaum Cina dan India bagi menyertai Angkatan Tentera Malaysia terutama di peringkat askar atau lasykar masih kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Tahniahlah atas usaha-usaha ini, langkah-langkah yang telah diambil tetapi kalau boleh yang expo-expo tadi itu bukan sahaja di Kuala Lumpur, di Johor tetapi cubalah, ada cadangan kah kalau diadakan di Kota Kinabalu, di Semporna atau di Tuaran?

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, suatu ketika dahulu masyarakat bumiputera di Sabah juga banyak terutama sekali juga di Sarawak yang menyertai Angkatan Tentera, tetapi selepas itu nampaknya ada penurunan. Saya tidak tahu sama ada berkesan dan di sekolah-sekolah ada Kadet Polis untuk mendedahkan para pelajar dalam kepolisan. Tetapi adakah kementerian atau kerajaan bercadang untuk mengadakan Kadet Tentera di sekolah-sekolah menengah supaya pelajar-pelajar kita terdedah dengan ketenteraan? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita memang mempunyai langkah dalam menggalakkan lebih ramai lagi anak-anak sekolah yang menyertai pasukan-pasukan beruniform, dan kita telah menggalakkan perwujudan pasukan-pasukan seperti PALAPES dan juga badan-badan yang lain. Itu sebahagian daripada galakan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan Ekspo di Sabah sama ada di Tuaran ataupun di Semporna, insya-Allah kita akan ambil perhatian dan saya dapati dengan perwujudan beberapa pangkalan hadapan, seperti Sepanggar Bay berhampiran dengan Tuaran dan juga Forward Base Tentera Laut Diraja Malaysia di Semporna. Ini adalah menjadi pendorong ke arah menggalakkan lebih ramai lagi, saya yakin, rakyat Malaysia yang datang daripada pelbagai kaum di negeri Sabah untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, beberapa kali Yang Berhormat telah menjawab dalam Dewan ini bahawa program-program yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menarik lebih ramai terutama sekali penyertaan bukan bumiputera -

kaum Cina dan India - di dalam angkatan tentera ini. Yang kita hairan ialah masyarakat Cina jelas menyatakan bahawa faktor gaji yang begitu rendah tidak sesuai bagi orang-orang Cina menyertai tentera ini.

Dan yang kedua, saya ingin tahu adakah pihak kementerian telah membuat penyelidikan atau pemantauan keadaan dunia hari ini, keadaan peperangan yang timbul, yang wujud di mana setiap hari kita melihat tentera-tentera yang berdepan dengan peperangan, kematian dan kecederaan. Adakah perkara-perkara ini telah mempengaruhi minda mereka untuk tidak menyertai tentera? Jadi sebab itulah setengah golongan menolak tentera dan tidak ingin menyertai tentera. Adakah ini mempengaruhi masyarakat kita untuk menyertai tentera? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah, dalam perkhidmatan angkatan tentera ini kita tidak ada paksaan kepada mana-mana pihak. Kita tidak mengira anutan agama ataupun apa kaum mereka, umpama agama kita tidak ada paksaan dalam perkara ini. Walaupun demikian, seperti Yang Berhormat sebutkan, gaji bukanlah salah satu faktor yang utama. Itu adalah saya akui salah satu faktor yang menjadi galakan atau tarikan kepada pihak-pihak kaum yang lain untuk tidak memasuki angkatan tentera, kerana saya rasa dalam pertumbuhan ekonomi yang baik sebelum ini, kita dapati ramai di antara mereka memasuki pihak swasta di mana ganjarannya lebih baik daripada apa yang kita tawarkan.

Maka dengan itu, seperti yang saya sebutkan pihak kementerian sentiasa mengkaji tentang bagaimana untuk mempertingkatkan gaji dan elaun-elaun yang diberikan. Setakat ini saya rasa kita amat berpuas hati walaupun pada tahap yang kita tidak kehendaki, peningkatan dari segi elaun-elaun yang diberikan kepada angkatan tentera semakin baik dan semakin meningkat.

Di samping itu juga, dalam usaha untuk mempertahankan negara kita menggalakkan seperti penubuhan Askar Wataniah di semua tempat-tempat yang kita rasa menjadi pasukan hadapan kita, maka dengan itu kita telah mengambil langkah untuk mewujudkan askar wataniah di setiap kawasan Parlimen.. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

11. Tuan Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa] minta Perdana Menteri menyatakan, mengapa permohonan Yayasan Islam Kelantan bagi jawatan guru yang dibuat sejak tiga tahun lepas, tidak mendapat jawapan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Setiausaha Parlimen [Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan jawatan guru sama ada di sekolah-sekolah biasa ataupun di sekolah-sekolah agama. Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerima permohonan dari Yayasan Islam Kelantan dan permohonan ini terpaksa ditangguhkan sementara menunggu kurikulum sekolah agama dikaji oleh kerajaan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Persoalannya permohonan telah diminta tiga tahun yang lepas, kenapa tidak diberi jawapan secepat yang mungkin supaya tindakan-tindakan yang lain boleh diambil kerana menunggu begitu lama baru masih tertangguh-tangguh lagi jawapan-jawapan dan alasan-alasan. Apakah kerana ada kecenderungan seperti mana tindakan sekarang tidak hendak meneruskan bantuan kepada sekolah-sekolah agama, di mana akhir-akhir ini kita perhatikan Kementerian Pendidikan secara terburu-buru telah menarik guru-guru mereka daripada sekolah-sekolah agama ini? Minta penjelasan.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, bila kita membuat kajian mestilah ia mengambil masa yang lama, sebab itu kementerian kita bagi pihak kerajaan semua kurikulum sekolah agama kita kaji untuk menambah pembaikan dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Tidak guna kita teruskan kalau dari segi aspek pengajaran akan menjejaskan masa depan kecemerlangan anak bangsa kita. Sekian.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalannya!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, ini fasal agama. *Sabahul khair*, ya! Ini Yang Berhormat tadi cakap kerana hendak kaji kurikulum, adakah memang kurikulum sekolah agama Kelantan ini dia tidak ikut kah? Itu yang pertama ya.

Kalau Yang Berhormat fikir memang dia tidak ikut, yalah, selalu kita banyak dapat laporan, guru-guru agama Kelantan, bila kita beri peluang dia, dia lama kelamaan dia menentang kerajaan yang telah memberikan dia ihsan, memberi dia tambahan tetapi akhirnya dia mengkritik kerajaan. Jadi, adakah bercadang supaya permohonan ini dapat dikaji semula dan diambil perhatian supaya tidak diluluskan?

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab kurikulum di negeri Kelantan tidak mengikut keadaan yang sebenarnya, maka produk-produk yang di sebelah nun lahir begini rupa! *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jeli, Jeli!

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, sepatutnya kurikulum kita selama ini perlu kita mencontohi Kerajaan Johor yang telah banyak menjalankan kurikulum agama yang begitu baik. *[Tepuk]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Sangkaan jahat mengatakan menyeleweng!

Tuan Yang di-Pertua: Atas apa itu? Yang Berhormat!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: 36(6) – Sangkaan jahat! Minta tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Minta tarik balik, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itulah.

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah!

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Hah, 31(1) - Tarik balik. Minta tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Dia kata sebelah sana.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Minta tarik balik sebab mengatakan menyeleweng!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat Setiu, cukuplah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tarik balik, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Setiu! Cukup Setiu! Cukuplah, perkara itu sekadar perkara biasa itu, di antara sesama sendiri. Yang Berhormat Setiu, sila duduk ya. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Sila duduk Yang Berhormat, saya tahu apa Yang Berhormat hendak cakapkan. Hendak berucap itu, ya.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron.

12. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertanian menyatakan, apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah peniaga di pasar tani mengambil bekalan dari Pasar Borong bukannya dari Ladang Kontrak atau dari Taman Kekal Pengeluaran Makanan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang diperolehi, didapati kira-kira 60% daripada peniaga-peniaga di Pasar Tani mendapatkan bekalan mereka dari ladang mereka sendiri atau dari ladang rakan-rakan petani yang berdekatan termasuklah dari ladang kontrak dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Selebihnya mendapatkan bekalan mereka daripada sumber-sumber lain termasuklah dari pasar borong. Perolehan dari pasar borong terpaksa dilakukan kerana terdapat masa-masa tertentu yang mana pengeluaran dari ladang berkurangan sedangkan peniaga-peniaga perlu memenuhi permintaan semasa. Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pergantungan kepada pasar borong ialah:-

- (i) petani-petani digalakkan untuk meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian mereka khususnya produk-produk yang mempunyai permintaan yang tinggi bagi memenuhi permintaan pengguna seperti sayur-sayuran buah-buahan dan bahan-bahan makanan segar. Usaha juga sedang dipergiatkan untuk meningkatkan lagi pengeluaran bahan makanan dengan menambah kawasan-kawasan pengeluaran secara komersial, mewujudkan lebih banyak kawasan pengeluaran secara nukleus dan mini estet dan meningkatkan kemudahan infrastruktur;
- (ii) peserta-peserta pasar tani digalakkan mendapatkan bekalan daripada projek-projek MoA Inc. seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Projek Kelompok, Dusun Nukleus, Ladang Kontrak FAMA dan lain-lain yang dikendalikan oleh Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian;
- (iii) menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan termasuk membuat lawatan-lawatan ke pasar tani bagi memastikan peniaga-peniaga pasar tani mendapatkan bekalan dari ladang sendiri atau dari ladang petani-petani lain yang berdekatan; dan
- (iv) Kementerian Pertanian juga mengadakan program pengembangan pemasaran, khidmat nasihat dan seminar untuk memastikan lebih ramai peniaga di pasar tani mendapatkan bekalan dari Pusat-pusat Jualan Borong FAMA, Pasar Tani Borong dan juga projek-projek lain yang dianjurkan oleh kementerian.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Persoalan yang timbul sekarang ini ialah rungutan daripada petani-petani sendiri. Apabila mereka membawa barang-barang mereka ke Pasar Tani, mereka berhadapan dengan peniaga-peniaga yang membawa barang daripada Pasar Borong. Barang-barang yang dibawa daripada Pasar Borong itu, lebih murah daripada barang-barang petani sendiri, yang membawa hasil tanaman mereka itu untuk dijual di Pasar Tani. Malah di beberapa tempat di Pasar Tani sekarang ini, barangkali Yang Berhormat tidak dapat mengetahui.

Sebahagian besar, bukan 60% daripada barang-barang daripada petani, tetapi terbalik 60% sampai 70% barang-barang daripada pasar borong, sedangkan 30% sahaja daripada petani-petani yang sebenarnya dan petani-petani nampaknya di akhir-akhir ini, terutama sekali petani-petani daripada ladang kontrak ini iaitu *farming contract* ini merasa kecewa terhadap pemantauan yang sepatutnya dibuat oleh pihak FAMA sewaktu pasar tani bergerak ataupun sewaktu pasar tani berjalan ini, tidak dipantau dengan sepenuhnya sehingga pemborong-pemborong daripada luar, berjauhan daripada kawasan tersebut datang untuk menandingi petani-petani yang membawa

barang-barang mereka itu di Pasar Tani sekarang. Minta Yang Berhormat membuat penjelasan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin itu berlaku di Rantau Panjang kot sebab ia berdekatan dengan Thailand. Mungkin, saya pun tidak tahulah. Mengikut butir-butir yang kita ada, kebanyakannya adalah datang daripada ladang sendiri dan petani yang lain yang berdekatan, itulah butir-butir yang kita dapat dan insya-Allah kita akan memantau dengan lebih banyak lagi. Terima kasih.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Asas penubuhan Pasar Tani ialah petani memasarkan keluaran mereka sendiri. Itu asas. Jadi, bermakna kalau sekiranya mereka membeli barang di pasar borong, itu sudah salah daripada konsep Pasar Tani. Itu jual barang pasar borong. Apakah Kementerian Yang Berhormat akan membetulkan keadaan ini dengan menggalakkan para petani untuk menanam dengan bantuan Kementerian Pertanian, supaya hasil mereka dapat dipasarkan oleh mereka sendiri di pasar-pasar tani seluruh negara kita?

Seorang Ahli: Huiih, hebat!

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah saya katakan ada kes-kes yang tertentu yang menyebabkan permintaan terlalu banyak terpaksa diambil daripada pasar borong dan selalunya kita dari segi ini pula, kita sebagai petani kita telah meningkat dari masa ke semasa. Dahulunya petani tulen sekarang sudah meningkat sedikit kepada satu tahap yang lebih sedikit iaitu memborong. Dan inilah kita galakkan sebenarnya, tetapi kalau seboleh-bolehnya kita tidak mahu menyekat seseorang petani itu hanya menjual apa yang ada sahaja, malahan kita menggalakkan dia juga membeli barangan yang lain untuk memasarkan barang-barang pertanian. Insya-Allah kita akan usahakan dengan lebih giat lagi, Yang Berhormat. Terima kasih.

13. Tuan Liow Tiong Lai [Bentong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kerajaan akan mengkaji semula kadar caj pembedaan yang masih tinggi bagi bangunan komersial dan apakah usaha yang telah diambil untuk meningkatkan perkhidmatan IWK.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa bersikap responsif terhadap maklum balas yang diterima daripada masyarakat berhubung caj perkhidmatan pembedaan.

Di atas sikap tersebut kerajaan telah membuat kajian semula caj tersebut sebanyak dua kali, semenjak tahun 1994. Hasil dari kajian semula itu, caj perkhidmatan pembedaan bagi sektor komersial telah dikurangkan dengan pemberian diskaun sehingga melebihi 30% dari caj asal yang dikenakan. Amalan mengkaji semula caj perkhidmatan pembedaan ini akan terus dijalankan berdasarkan maklum balas yang diterima serta kesesuaiannya dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Pembedaan, sebuah jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa berinteraksi dengan Indah Water Konsortium atau IWK sebagai usaha mengawal selia perkhidmatan pembedaan yang diberikan oleh syarikat yang berkenaan.

Melalui interaksi tersebut masalah-masalah utama berkaitan perkhidmatan pembedaan telah dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan akan diambil bagi mengatasinya. Pengawalseliaan juga dibuat melalui penghantaran laporan-laporan bulanan serta mesyuarat berkala yang diadakan dengan IWK bagi memastikan langkah kawalan itu dilaksanakan bagi meningkatkan perkhidmatan yang diberikan oleh IWK kepada pelanggannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana begitu prihatin dan sentiasa responsif terhadap permintaan-permintaan daripada rakyat berhubung dengan caj IWK. Seperti

kementerian sedia maklum, caj IWK sektor komersial dengan sektor industri, cara pengiraannya amat berbeza.

Cara pengiraan sektor komersial mengikut cara pengiraan penduduk biasa di rumah-rumah teres. Dan, mengikut kadar pengiraan melalui *assessment value* rumah tersebut. Memandangkan banyak rayuan daripada sektor komersial agar caj bil ini mengikut cara caj daripada cara pengiraan sektor perkilangan iaitu mengikut bilangan pekerja yang ada. Kerana ini adalah munasabah kerana *sewage system* yang digunakan juga sama dengan *sewage system* yang digunakan di sektor perkilangan.

Adakah kementerian sedang mengkaji cara pengiraan yang digunakan di sektor komersial kerana agak tidak adil bagi sektor komersial mengikut cara pengiraan *assessment* kerana nilai sektor komersial terlalu tinggi. Ini menyebabkan bayaran tiap-tiap tahunan itu amat tinggi sekali. Harap kerajaan dapat mengkaji semula.

Datuk M Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Sebarang kajian semula caj perkhidmatan pembetulan akan dikendalikan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Apa-apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat kita akan bawa ke jabatan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat. Ada usul satu Yang Berhormat, sila kemukakan usul.

[Masa untuk Soalan Jawab Lisan telah tamat]

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.04 pagi

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan;

“Bahawa mengikut peraturan mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002 diputuskan dan diselesaikan dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 7 April 2003.”

Menteri Penerangan [Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob]: Sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputus dan disetujui.

Usul disetujui.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Boleh atau tidak kita pastikan pembawa usul akan bersama-sama hadir hingga tamat sidang pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kurang dengar apa yang Yang Berhormat ucap tadi. *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong usul ini tetapi boleh atau tidak kita pastikan pembawa usul sama-sama hadir sidang hingga tamat hari ini. *[Tepuk] [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Pembawa usul dan penyokongnya, ya *[Ketawa]*
[Disampuk]

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun] [Memegang buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kejam, kejam Yang Berhormat, saya tahu apa yang Yang Berhormat hendak ucap. Saya buat silap sedikit dalam surat saya tadi. Surat kepada Yang Berhormat, saya buat silap sedikit. Saya tahu silap itu iaitu perkara itu ialah Bahawa Peraturan Mesyuarat 18(7)(b). Baiklah.

Nanti sekejap saya hendak bercakap sedikit mengenai masa kita ini. Kita mempunyai 13 lagi kementerian yang hendak dihabiskan. Dan, mengikut Peraturan Mesyuarat kita dalam Perbelanjaan Tambahan ini, perbahasan di atas Jawatankuasa hanya dihadkan kepada dua hari, yang demikian terpaksa saya mengeluarkan usul ini supaya kita menghabiskan pada hari ini juga.

Kita ada 13 lagi kementerian-kementerian yang belum selesai. Oleh yang demikian, saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasama dengan kami di sini supaya kita boleh selesaikan hari ini juga berkenaan dengan masa tambahan ini. Dengan lagi pula pada hari ini ialah hari Khamis Yang Berhormat, ada yang hendak balik segera sedikit.

Jadi, yang demikian saya mintalah kerjasama. Yang demikian, kami di sini akan cuba hendak menghadkan Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, barangkali tiga atau empat orang sahaja dalam sesuatu kementerian. Saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat hendak cakap mengenai apa?

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan satu usul di bawah Peraturan 18 dan Tuan Yang di-Pertua telah menolaknya di bawah Peraturan 18(7)(b) di mana Tuan Yang di-Pertua telah nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya sedang mengalami perkembangan. Yang pentingnya, Dewan ini mesti berfungsi kerana perkara ini kita perlu pastikan sama ada tiga syarat telah dipenuhi dan tidak hanya begitu sahaja mengatakan ia pernah dibincangkan dan ditolak dalam Kamar. Lebih-lebih lagi hari itu Timbalan Menteri Kewangan menyatakan beliau tidak boleh jawab dan Menteri Kesihatan tidak pernah datang. Sekarang sudah ada 59 kes.

Pada 1 hari bulan, Kementerian Kesihatan kata tidak ada kes tetapi dua hari yang lepas sampai hari ini, dua hari, kemudian kata ada 59 kes. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya harap untuk membolehkan Dewan ini berfungsi, Parlimen harus bahaskan perkara yang begitu penting. Saya harap tidak boleh begitu sahaja ditolak dalam kamar. Menteri, hari itu pembangkang di sini dan *Backbencher* pun*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: ... hendak bangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: *[Cakap tanpa pembesar suara] [Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah. Keputusan saya itu dibuat setelah ditimbang dan saya dapat penjelasan daripada kementerian juga. Apa Yang Berhormat katakan tadi iaitu ada beberapa kes-kes SARS yang telah pun di... *[Disampuk]* Bukan SAR sahaja, ya. SARS yang telah pun tidak diberitahu kepada orang ramai.

Jadi, apa yang telah saya dapat jawapan iaitu yang lepas-lepas mereka itu telah pun mengkaji dan didapati kesan-kesan ataupun kes-kes itu tidak menepati SARS mengikut WHO. Jikalau masa hadapan saya tidak tahulah. Itulah sebabnya saya menolak usul Yang Berhormat itu.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, sekarang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh *[Disampuk]* Yang Berhormat saya telah membuat keputusan. *[Disampuk]* Yang Berhormat.

[Dewan riuh] [Semua Ahli Pembangkang bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham itu, saya faham. *[Disampuk]* Saya faham itu.

Seorang Ahli: Hendak keluar, keluarlah.

Puan Fong Po Kuan: Ini Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham itu Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk. Saya baca dahulu. Nanti saya baca dahulu 18(3)(b)

[Tuan Yang di-Pertua membaca buku Peraturan Mesyuarat]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya harap urusan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua teruskan kerana keputusan Tuan Yang di-Pertua telah muktamad, kami patuh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), jika sekiranya saya tidak meluluskan, dia kata di sini,

“(b) jika Majlis Mesyuarat tidak memberi izin, tetapi sekurang-kurangnya lima belas orang ahli berdiri di tempatnya menyokong permintaan itu”

Benda ini ada *tricky* sedikit - Peraturan Mesyuarat ini.

[Setiausaha berbincang dengan Tuan Yang di-Pertua]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang ini telah pun menjadi satu perbincangan yang panjang di antara kami dengan Speaker-Speaker Negeri iaitu jikalau sekiranya saya puas hati dan memberi kebenaran barulah 14 orang bangun, kalau sudah memberi kebenaran, barulah 14 orang – kita bacakan ya.

“18(3) Jika Tuan Yang di-Pertua puas hati yang demikian”

Yang demikian itu, yang demikian 18(2) iaitu membenarkan. Jikalau sekiranya, saya tidak benarkan maka yang itu adalah keputusan yang muktamad. *[Disampuk]* Cuba baca sekali lagi 18(2), iaitu setelah saya membenarkan. Kemudian jikalau sekiranya 15 orang kata tidak benarkan maka tidaklah benarkan tetapi kalau saya kata telah pun tidak dibenarkan maka syarat 18(3)(b) itu tidak terpakai. *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara ini telah pun dibincangkan dengan panjang di antara beberapa orang ramai, itulah keputusannya. Iaitu jikalau sekiranya saya tidak benarkan maka tidaklah kita boleh menggunakan 18(3)(b) itu.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: 18(2) Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: sama ada usul itu adalah tidak menepati tiga-tiga syarat tetapi saya telah lihat apa yang Tuan Yang di-Pertua kata dalam surat kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang mengatakan menolak usul itu tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak mengatakan dia tidak menepati tiga syarat itu

Dua sebab yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua, tidak mengatakan ia tidak berkepentingan orang ramai, ia tidak *urgent*, ia tidak perlu disegerakan, dia bukan satu perkara yang tertentu. Tuan Yang di-Pertua yang memberi dua sebab itu adalah berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara yang ini di bawah 18(1) itu bukanlah perkara yang tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai sahaja tetapi jika sekiranya kita baca peraturan 18(7)(b) iaitu:

“Jika sesuatu perkara itu telah dibincangkan dalam mesyuarat yang sedang berlangsung dan telah diberi penerangan oleh pihak kerajaan dalam perkara itu”

Maka, yang itu bolehlah ditolakkan. Tuan Yang di-Pertua, boleh menolak dalam kamar. Jadi, saya telah menolak perkara ini dalam kamar.

Puan Chong Eng: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah itu.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. *[Bercakap tanpa pembesar suara]how you confirm SARS?* Itu pun tidak dijawab dan Yang Berhormat Menteri tidak ada dalam Dewan

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Sudah lah, cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, baiklah. Jika Yang Berhormat tidak puas hati gunalah Peraturan Mesyuarat.. *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Eh, hendak buat macam mana?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Dalam Jawatankuasa.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Peraturan 43 ada Tuan Yang di-Pertua. Keputusan kita sudah buat, satu. Yang kedua, kita di peringkat jawatankuasa, belum sempat lagi hendak bahas tentang Kementerian Kesihatan. Bolehlah Yang Berhormat hendak bangkit.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis Dalam Jawatankuasa. Nanti kejap.

Tuan Lim Hock Seng: Perkara 21 dan 22 berkenaan dengan pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua, kami ada mengemukakan soalan untuk menjawab jawapan bertulis.

Puan Chong Eng: Masih belum dapat lagi.

Tuan Lim Hock Seng: Tetapi kali ini, dekat tamat persidangan, belum ada dapat jawapan. Malahan, jawapan untuk tahun yang lepas pun belum dapat.

Tuan Chow Kon Yeow: Apa ini kerajaan?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan pada tahun yang lepas bahawa akan menyemak semua pertanyaan ini dan akan mengarahkan supaya jawapan bertulis ini diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dengan secepat mungkin. Tetapi, sehingga sekarang.....

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Lim Hock Seng:keputusan Tuan Yang di-Pertua pun tidak dipatuhi.

Beberapa Ahli: Ya! *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Hock Seng: Macam mana ini kerajaan? Tuan Yang di-Pertua, perlu membuat satu keputusan yang deras dan tegas untuk memerintah kerajaan memberi jawapan kepada kami.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Sekiranya tidak, maka tidak payahlah meminta Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Puan Chong Eng: Bolehlah ini. Dia tanya dalam sini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya akan cuba Yang Berhormat, ya. Majlis dalam Jawatankuasa.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah, saya akan jawab. Takkanlah hendak beri dalam ini, saya boleh berucap dalam waktu itu, ya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2002) 2003

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."
[Hari Kedua]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.18 [Jadual] –

Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 2002] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama, saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyambung jawapan. Ya.

11.18 pagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyambung semula jawapan-jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, oleh kerana saya telah pun mempunyai masa untuk menyediakan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan itu, maka saya akan menyediakan jawapan dengan terperinci. Maka, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan lagi tanya, ya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan dakwaan pemilihan peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin atau PPRT yang dikatakan pilih kasih dan balas dendam daripada Yang Berhormat bagi Setiu, untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan peserta adalah berasaskan kepada senarai rakyat termiskin yang telah disahkan serta memenuhi kriteria-kriteria asas untuk menjadi pengusaha PPI tembakau.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Saya fikir Yang Berhormat tidaklah boleh berprasangka buruk terhadap Kerajaan Barisan Nasional, oleh kerana Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa

dalam urusan Skim Bantuan Kayu yang telah saya sendiri sampaikan pada bulan Januari 2003 yang lalu di Kuala Terengganu dan saya sendiri sempat berbincang dengan Yang Berhormat, terdapat tiga pengusaha-pengusaha yang menikmati skim berkenaan adalah terdiri daripada penyokong-penyokong PAS dan kementerian saya tidak pernah memilih bulu dalam memberikan sebarang bantuan, pemilih bantuan asalkan mereka adalah bumiputera dan Kerajaan Barisan Nasional sentiasa komited dalam membantu bumiputera negara ini.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya, sila Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertamanya, saya ucapkan terima kasih banyak di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan pemilihan peserta PPRT di kawasan Rhu Tapai pemilihan terbaru. Ini, yang lama itu, saya akui memang menepati seperti mana yang disebutkan tadi. Tetapi, senarai yang baru sekarang ini, di mana kita sedang memilih dan pilihan ini dibuat oleh pejabat daerah dengan dibantu oleh Lembaga Tembakau Negara dan disahkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia. Tiba-tiba senarai itu sekarang ini dipulangkan balik dan diminta supaya pemilihan dibuat oleh JKK UMNO.

Jadi, ertinya kalau ini berlaku, bagaimana sebuah organisasi kerajaan seperti pejabat daerah Setiu dan Amanah Ikhtiar Malaysia diketepikan begitu sahaja, sedangkan JKK yang memang kita ketahui, dalam keadaan di Terengganu sekarang kelam-kabut dan mempunyai beberapa kelompok dan beberapa *group*, boleh dipercayai oleh pihak kerajaan. Itu soalan saya. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, senarai yang disahkan, yang bermaksud ialah senarai yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri atau JPP dan Unit Perancang Ekonomi Negeri iaitu UPEN. Kriteria asas Yang Berhormat, pemilihan peserta ialah calon mesti mempunyai kemampuan fizikal, sihat dan sikap positif serta mempunyai minat dalam bidang tembakau, pertanian dan juga dapat pembantu yang cekap. Yang Berhormat pun juga telah bertanya usaha yang dijalankan.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, boleh minta laluan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Arau?

Datuk Anifah Aman: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Tadi, disebutkan JKK. Saya rasa, JKK bukan UMNO. UMNO ini Ketua Cawangan, Ketua Wanita, Ketua Pemuda. JKK adalah institusi yang kalau di kerajaan negeri, yang di bawah Barisan Nasional, yang diiktiraf oleh kerajaan di peringkat negeri. Di Terengganu, kita ada dua kerajaan. Satu, kerajaan PAS di peringkat negeri, kita juga ada Kerajaan Federal yang memerintah Malaysia, yang juga ada hak kepada Terengganu dan JKK di bawah Kerajaan Federal. Ia bukan politik sebenarnya JKK ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang saya fahamlah di negeri Perlis. Adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Lepas bincang panjang Yang Berhormat itu.

Datuk Anifah Aman: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Sebenarnya saya telah pun jelaskan tentang kriteria-kriteria yang diperlukan untuk pemilihan peserta. Jadi, terima kasih Yang Berhormat bagi Arau yang telah pun menjelaskan tadi dan menyambung semula Tuan Pengerusi bahawa usaha kerajaan

untuk menggabungkan *resource based* yang ada seperti gelas, batu dan kayu bagi menghasilkan perabot yang lebih bermutu.

Ahli Yang Berhormat, selain kayu memang terdapat beberapa perabot-perabot yang dibuat dengan gabungan seperti kaca dan batu dan produk-produk ini adalah bermutu dan diekspor ke luar negara. Kementerian serta agensi yang berkaitan akan terus memantau dan mengambil perhatian ke atas kehendak pasaran semasa dan akan menggunakan kesemua bahan-bahan yang ada di negara ini bagi mengeluarkan perabot-perabot yang bermutu.

Yang Berhormat bagi Setiu juga telah pun bertanya tindakan kementerian untuk mencapai 30% sumbangan pengusaha perabot bumiputera di dalam pasaran eksport. Kementerian melalui MTIB telah dan akan melaksanakan program dan aktiviti pembangunan bumiputera meliputi aspek-aspek pemasaran, pembangunan produk, latihan dan pembangunan infrastruktur. Di dalam menjamin kemantapan pembangunan industri kayu-kayan bumiputera amnya serta industri perabot bumiputera khususnya, kerajaan telah pun merangka dan melaksanakan pelbagai bentuk skim, projek dan kemudahan bagi dinikmati oleh pengusaha bumiputera selaras dengan matlamat untuk mengukuhkan semangat dan sifat keusahawanan di kalangan pengusaha bumiputera ini.

Menyedari betapa pentingnya IKS bumiputera di dalam merealisasikan Wawasan 2020 ke arah program perindustrian negara, kerajaan sentiasa membantu pertumbuhan dan pembangunan IKS bumiputera dalam semua aspek. Di antaranya termasuklah penggalakan pelaburan tempatan, meningkatkan produktiviti dan kualiti, meningkatkan kemahiran, peningkatan teknologi dan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi iaitu ICT. Di samping itu, aspek sokongan pemasaran serta kemudahan kredit juga telah diberikan perhatian yang cukup demi untuk memastikan IKS bumiputera tidak jauh ketinggalan dan berdaya kompetitif.

Bagi program-program sokongan pula, pada tahun 2002, MTIB telah membimbing dan menyelaras seramai 30 orang pengusaha bumiputera yang berkecukupan dan berpotensi untuk menyertai pameran-pameran antarabangsa yang mana jumlah jualan yang dibuat bernilai RM52.9 juta. MTIB juga telah menubuhkan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) pada tahun 1998 selaras dengan hasrat untuk meningkatkan kemahiran dan penyediaan latihan *hands on* kepada pekerja sektor kayu-kayan khususnya industri perabot.

Haruslah diingati bahawa pengusaha perabot bumiputera yang hanya menyumbang setakat 1.6% sahaja daripada keseluruhan eksport perabot bernilai RM4.24 bilion pada tahun 2002. Justeru itu, adalah menjadi hasrat kerajaan dalam memastikan bumiputera dalam industri perabot terus dibimbing untuk mencapai sasaran 30% sumbangan pengusaha perabot bumiputera di dalam pasaran eksport. Sehubungan dengan itu, saya berharap agar Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini, yang menyatakan bahawa bantuan RM13 juta diberikan kepada mereka yang kaya adalah tidak benar dan saya berharap dengan penjelasan saya tadi, bahawa Yang Berhormat bagi Mambong akan lebih jelas kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh kementerian saya dalam hal ini.

Yang Berhormat bagi Mambong juga telah pun bertanya mengenai peranan MTIB dan peranan MTC. MTIB telah ditubuhkan pada tahun 1973 di bawah Akta 105, Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia yang menjalankan fungsi-fungsinya untuk memantau pembangunan industri perkayuan negara. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan yang mana melibatkan hal-hal berkaitan dengan eksport termasuklah pendaftaran, pengeluaran lesen eksport dan penguatkuasaan sementara bagi menjalankan fungsi pembangunan industri kayu berasaskan kayu, antara lain ialah latihan, pengawalan mutu, pembangunan standard dan pelaksanaan program pembangunan pengusaha bumiputera di dalam Rancangan Malaysia Kelapan di samping memantau hal-hal yang berkaitan dengan pemasaran dan perancangan.

Sementara MTC pula adalah sebuah badan yang ditubuhkan bagi memainkan peranan yang hanya memfokuskan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pemasaran melalui aktiviti-aktiviti promosi keluaran produk berasaskan kayu Malaysia ke luar negara. Yang Berhormat bagi Mambong juga telah pun bertanya tentang skim persijilan kayu-kayan di Malaysia. Standard pengurusan hutan (MC&I) yang digunakan di bawah skim MTCC sekarang adalah berasaskan kepada kriteria dan petunjuk ITTO

atau ITTOs C&I dan standard ini mempunyai 29 petunjuk. MTCC berhasrat untuk menggunakan standard baru yang berasaskan kepada prinsip dan kriteria FSC iaitu Principles of Criteria and The Forest Stewardship Council atau FSC P&C yang telah diterima pakai baru-baru ini, hasil daripada perundingan di peringkat rantau yang diadakan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, serta perundingan di peringkat nasional yang diadakan pada bulan Oktober 2002 di Kuala Lumpur. Di samping itu, terdapat standard MC&I yang mempunyai 50 petunjuk ITTO yang telah diterima pakai semasa perundingan di peringkat nasional yang diadakan pada bulan Oktober 1999.

MTCC telah diterima sebagai ahli PEFCC pada 22 November 2002 dan seterusnya dikehendaki mengemukakan skim persijilan kayu-kayan kepada PEFCC untuk tujuan penerimaan (*endorsement*). Satu kertas maklumat bertajuk *Submission of MTCC Timber Certification Scheme For Endorsement by The Pan European Forest Certification Council* atau PEFCC dengan izin, yang menghuraikan opsyen-opsyen mengenai standard pengurusan hutan untuk dikemukakan kepada PEFCC, serta opsyen-opsyen mengenai peranan MTCC dalam skim persijilannya untuk memastikan penerimaan skim MTCC oleh PEFCC. Walau bagaimanapun, pihak industri boleh memilih skim yang sesuai bagi mengeksport produk-produk mereka. Pihak Kementerian menggalakkan pihak industri menggunakan skim MTCC namun begitu, pihak industri boleh memainkan skim yang sesuai bagi memasarkan produk-produk mereka.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Tebrau, penanaman tembakau masih diperlukan kerana ia merupakan punca pergantungan hidup bagi hampir 100,000 orang. Tanaman tembakau terbukti dapat meningkatkan taraf sosioekonomi negara dan penduduk luar bandar kerana ia dapat memberi pulangan atau pendapatan yang tinggi kepada pengusaha industri tembakau dan juga menjana peluang pekerjaan dan pendapatan penduduk luar bandar sejumlah RM200 juta setahun. Tanaman tembakau juga mengukuhkan ekonomi negara melalui penggantian import dan penjimatan wang asing hampir RM500 juta setahun. Tanaman tembakau akan diteruskan sehingga ada tanaman gantian yang dapat memberi pulangan atau pendapatan yang sama atau setanding dengan tanaman tembakau.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bachok, berhubung dengan pertanyaan mengenai perparitan di kawasan beliau, kajian menyeluruh tentang perparitan utama telah dikaji dan sedang dibuat di mana pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk membina dan memperbaiki parit utama di kawasan tembakau di Kelantan berjumlah RM19 juta. Pihak kerajaan telah meluluskan pembinaan parit jejari berjumlah RM700,000 untuk kawasan Bachok daripada peruntukan rangsangan ekonomi berjumlah RM4.2 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha mengatasi banjir kilat tidak dapat diatasi dengan pembinaan parit oleh kerajaan sahaja. Penanam yang terlibat juga perlu membina parit jejari di antara lot tanaman. Ini bertujuan mengurangkan kesan banjir kilat ke atas tanaman tembakau mereka. Berhubung dengan spesifikasi perparitan, ianya juga dibuat secara terperinci oleh Jabatan Parit dan Saliran berpandukan kajian dengan izin *field study*. Pihak kerajaan memang sentiasa menggalakkan penanam-penanam tembakau menanam di kawasan tanah yang sesuai iaitu agak tinggi dan tidak mudah ditenggelami air.

Yang Berhormat bagi Tambun telah pun menyoalkan pertanyaan kenapa pengeluaran minyak sawit daripada ladang-ladang milik agensi kerajaan agak rendah berbanding dengan ladang-ladang swasta. Tuan Pengerusi, pengeluaran minyak sawit daripada ladang-ladang milik agensi kerajaan dikatakan agak rendah adalah kerana ladang-ladang tersebut kebanyakannya diusahakan oleh peneroka-peneroka belaka.

Tidak semua ladang-ladang milik agensi kerajaan mengeluarkan hasil yang rendah. Tahap pengeluaran yang rendah berlaku hanya bagi ladang-ladang agensi kerajaan yang mana penerokanya menguruskan sendiri kebun-kebun mereka. Kebiasaannya peneroka-peneroka yang berkenaan tidak mengamalkan kaedah penanaman dan penjagaan pokok sawit dengan betul berbanding dengan semasa mereka berada di bawah pengurusan agensi kerajaan. Bagi kebanyakan ladang-ladang milik FELDA, tahap pengeluaran adalah setanding dengan ladang swasta. Ini

adalah kerana pihak FELDA mengamalkan sistem kawalan dan pengurusan ladang yang sistematik bagi memastikan pengeluarannya yang tinggi.

Yang Berhormat juga bertanya sejauh manakah penglibatan kerajaan dalam mengendalikan R&D produk-produk hiliran sawit dan biomass kelapa sawit, dan sejauh mana penyertaan pihak swasta dalam mengkomersialkan hasil R&D biomass kelapa sawit yang berkenaan. Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB, telah pun mengkomersialkan sebanyak 174 teknologi dalam penyelidikan dan pembangunan R&D minyak sawit. Teknologi-teknologi tersebut telah dijual kepada pihak swasta secara melesenkan paten dan sebanyak 23 paten telah pun diluluskan dan 20 paten lagi sedang dipertimbangkan.

Berhubung dengan penglibatan R&D dalam bidang biomass pula, kerajaan melalui MPOB juga sentiasa memberi perhatian kepada aktiviti R&D ke atas biomass kelapa sawit. Pada tahun 2002, satu pusat teknologi biojisim atau BTC, telah ditubuhkan di bawah MPOB khususnya bagi menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang menggunakan biojisim kelapa sawit bagi menghasilkan produk-produk tambah nilai. Penubuhan pusat tersebut adalah selaras dengan hasrat kerajaan bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan untuk mempelbagaikan kegunaan biojisim sawit, seterusnya mengkomersialkan sebarang projek yang berasaskan kepada biojisim sawit.

Pada masa kini, pusat berkenaan sedang menumpukan penyelidikan ke atas lima projek yang menggunakan bahan mentah daripada biojisim sawit, terutama batang sawit, pulpa tandan kosong, umbut sawit dan sebagainya. Setakat ini beberapa hasil penyelidikan dan pembangunan daripada biojisim sawit telah berjaya diusahakan. Di antaranya ialah pengeluaran *medium density fibreboard* atau MDF, daripada campuran tandan kosong buah sawit dengan kayu getah, projek penggantian umbut sawit dan projek pengeluaran papan lapis, di mana sebuah kilang telah berjaya didirikan di Muar, Johor bagi pengeluaran papan lapis daripada batang kelapa sawit.

Selain daripada itu, MPOB juga kini sedang menjalankan program pengkomersialan kayu gergaji daripada batang sawit melalui teknik pengeringan asap. Mengenai penglibatan pihak swasta, kerajaan sentiasa menggalakkan pihak swasta mengusahakan projek-projek yang telah berjaya dibangunkan oleh MPOB. Sehingga kini sambutan daripada pihak swasta amat menggalakkan. Sebanyak enam *transfer of technology*, dengan izin, yang melibatkan pengkomersialan penemuan produk-produk daripada biojisim telah dipindahkan kepada pihak swasta untuk dikomersialkan. Dua *consultancy* daripada projek biojisim ini dijalankan oleh pihak swasta dan lima program pengkomersialan produk daripada biojisim sawit yang masih dalam peringkat rundingan dengan pihak swasta sedang dilaksanakan oleh pihak MPOB.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tambun juga, bertanya bagaimana perabot-perabot negara akan bersaing dengan perabot keluaran daripada negara Vietnam dan China. Kerajaan memang peka dengan kemunculan negara Vietnam dan China, yang dapat mengeluarkan perabot yang berkos rendah dan dapat bersaing di pasaran dunia. Ini disebabkan oleh buruh di negara-negara tersebut adalah rendah dan dapat mengeluarkan perabot secara *mass production*, dengan izin, dan memanglah agak sukar bagi Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara tersebut. Namun begitu perabot-perabot tersebut adalah untuk pasaran *low-end*.

Sehubungan ini kerajaan telah menggalakkan pengusaha-pengusaha perabot negara mengeluarkan perabot-perabot yang bermutu tinggi dengan reka bentuk yang menarik bagi memenuhi pasaran *middle-end* dan *high-end*, supaya dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah pun membangkitkan perkara-perkara ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat 2002 pada peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan Utama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,306,381 untuk Maksud

B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,306,381 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM44,242,790 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM44,242,790 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, oleh kerana P.20 hanya "token" sahaja, ia tidak perlu dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud B.21 (Jadual) -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat bagi Kemaman.

11.36 pagi

Tuan Abdul Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bincang pasal B.21 – 020500 – Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Akhir-akhir ini kita kedengaran bahawa banyak syarikat telah menaikkan tarif atau kenaikan harga perkhidmatan mereka. Kita tahu bahawa Tenaga Nasional telah menaikkan harga *installation* untuk mendapatkan bekalan elektrik, Telekom menaikkan *charge* RM3 untuk servis dia, Petronas menaikkan harga petrolnya sebanyak 2 sen lagi, dan banyak syarikat telah menaikkan bayaran perkhidmatannya akhir-akhir ini disebabkan dengan penarikan subsidi daripada kerajaan ataupun kerana kenaikan harga petrol yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Kalau kita lihat pada akhir-akhir ini ialah bahawa kerajaan, dalam strategi belanjawan tahun 2003 ialah untuk menjana pertumbuhan ekonomi berdasarkan daripada sumbangan sektor swasta tetapi apa yang kita lihat bahawa swasta tidak berupaya menyumbang kepada enjin pertumbuhan ini dan mereka telah menggunakan *consumers spending* ataupun perbelanjaan daripada pengguna untuk menjana pertumbuhan ekonomi ini.

Jadi, apa yang kita bimbangkan hari ini ialah apabila *consumer*, ataupun pengguna digalakkan untuk berbelanja, maka kita lihat penggunaan kad-kad kredit dan pinjaman-pinjaman yang dibuat di dalam syarikat-syarikat kewangan dan sebagainya, dan hari ini kita lihat banyak pengguna tidak berupaya untuk membayar segala hutang-hutang ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang mereka lakukan melalui pinjaman-pinjaman yang dibuat ini.

Kita lihat bahawa kerajaan juga begitu menggalakkan *road show* dari segi pameran-pameran ataupun expo-expo untuk pembelian ataupun untuk menjual barangan-barangan dan menggalakkan pengguna untuk membeli barangan-barangan ini. Kita lihat bahawa satu trend yang cukup membimbangkan di mana *consumers* sekarang ini *involve*, ataupun terlibat dalam pinjaman yang faedahnya terlalu tinggi dan ini dapat kita lihat daripada meningkatnya NPL di dalam sistem perbankan kita. Malah, yang paling membimbangkan kita ialah hasrat mereka untuk berbelanja oleh kerana kerajaan *encourage consumers spending* ini mereka terpaksa pergi buat pinjaman kepada along-along ataupun peminjam-peminjam haram.

Akibatnya kita lihat berlaku kepincangan sosial dalam masyarakat kita, di mana apabila mereka tidak boleh membayar hutang maka berlaku sama ada bunuh diri, dan ada banyak kes di mana bapa sanggup melacurkan anaknya dan juga isteri mereka untuk mendapatkan wang untuk membayar hutang-hutang yang dikejar oleh along-along ini. Ini adalah satu kebimbangan kita dalam masyarakat yang berlaku, di mana kerajaan *encourage consumers spending* dalam menjana pertumbuhan ekonomi dalam negara kita.

Jadi, sebagai kementerian yang mengawal harga-harga barangan dan juga mengawal inflasi dan sebagainya, apa yang kita lihat hari ini ialah berlakunya dari segi *manufacturing center* ini ialah deflasi. Kita lihat bahawa oleh kerana banyak barangan kita tidak boleh diekspor atau kurang permintaan daripada luar dan juga kita punya *consumers spending capacity* di kalangan *consumer* kita berkurang maka kita lihat berlaku *over-production*, atau *over-capacity of production*, daripada kilang-kilang yang menyebabkan berlaku deflasi. Kita lihat deflasi dalam *consumer products*, barangan-barangan *consumer*, yang dikeluarkan oleh kilang-kilang hari ini yang tidak mendapat pasaran. Malah ada syarikat-syarikat yang terpaksa menjual barangannya *at a loss* untuk menampung keperluan *cash-flow* dia.

Jadi, kita lihat barangan-barangan seperti komputer, barangan-barangan plastik dan sebagainya, yang hari ini oleh kerana tidak ada pembelinya maka mereka sanggup menjual barangan-barangan dia *at a loss*. Inilah yang berlaku yang kita cukup bimbang, di mana kegagalan kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi berlandaskan kepada swasta. Jadi, mereka terpaksa menggunakan enjin *consumers spending* sebagai enjin untuk menjana pertumbuhan ekonomi ini.

Saya mintalah supaya kerajaan prihatinlah dengan galakan-galakan yang diberi kepada pengguna-pengguna untuk berbelanja dengan begitu lumrah hari ini, begitu mudah – pinjaman-pinjaman daripada bank cukup mudah untuk didapati hari ini untuk *consumers spending* – pinjaman keretanya, pinjaman kredit kadnya cukup-cukup mudah. Inilah yang menyebabkan mereka tergila-gila untuk membeli dan sebagainya.

Dan juga saya ingin meminta supaya kerajaan mengkaji semula syarikat-syarikat seperti Telekom, Tenaga Nasional, Celcom dan sebagainya, yang menaikkan harga perkhidmatan mereka untuk pengguna dan ini akan membebaskan lagi pengguna. Sudahlah mereka terpaksa menanggung hutang tetapi mereka juga terpaksa meningkatkan kos dalam perbelanjaan mereka. Ini akan mengurangkan lagi *purchasing power of the public* atau oleh masyarakat. Dan sekiranya ini berlarutan, saya bimbang bahawa *consumer* Malaysia atau pengguna-pengguna tidak lagi mempunyai daya untuk berbelanja di masa hadapan.

Jadi, saya rasa itulah sahaja yang saya ingin ungkitkan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

11.43 pagi

Tuan Chang See Tan [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh tentang Maksud B.21 yang mana tambahan sebanyak RM43,600,000 untuk geran pelancaran bagi Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Baru-baru ini saya dapat banyak aduan daripada peniaga-peniaga, iaitu bila Suruhanjaya Syarikat Malaysia diwujudkan, mereka pergi memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka dan dikenakan bayaran tambahan. Pada masa dahulu, bayaran untuk pembaharuan sijil pendaftaran perniagaan adalah cuma RM25 sahaja tetapi sekarang dinaikkan hingga RM60. Adakah ini akan mendatangkan satu kesan yang buruk kepada kerajaan kerana bila

diwujudkan, dipinda undang-undang di Parlimen dan diwujudkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, para peniaga telah menghadapi beban kewangan. Ini satu misalan.

Dan saya kluatir kemungkinan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ini akan mengenakan bayaran kompaun yang tinggi kepada mereka yang lupa memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka. Biasanya sebelum ini, pihak jabatan ini tidak pernah memberikan notis kepada peniaga-peniaga supaya mereka mesti memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka, dan bila lewat sentiasa dikenakan kompaun mengikut tempoh yang mereka lupa. Bila mereka datang untuk memperbaharui pendaftaran perniagaan, mereka akan dikenakan kompaun.

Oleh kerana bayaran untuk pembaharuan telah dinaikkan kemungkinan besar Suruhanjaya Syarikat Malaysia akan mengikut dengan tambahan bayaran kompaun yang ditawarkan kepada peniaga-peniaga yang lambat memperbaharui pendaftaran perniagaan mereka. Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tentang hal ini. Yang satu perkara lagi kita dapati bahawa ada keburukan bila sesuatu kerja itu diswastakan dan saya takut bila Suruhanjaya Syarikat Malaysia ini diwujudkan kemungkinan hal-hal seperti yang saya ingin memberikan contoh seperti baru-baru ini walaupun ini keluar tetapi saya jadikan satu contoh misalan seperti di Majlis Bandaraya Johor Bahru, baru-baru ini bulan Februari mereka menswastakan kerja menunda kereta dan syarikat yang diberikan kerja ini dalam masa 24 jam satu hari. Tempat-tempat yang di belakang atau *back lane*, yang mana-mana tiada tanda boleh ditunda kereta, kereta semua ditarik. Ada budak di dalam kereta pun ditarik, bapa masuk membeli barang budak dalam kereta pun ditarik, tidak ada sikap penyayang. Ini sudah menjejaskan nama baik Majlis Bandaraya Johor Bahru selama ini. Bila wakil rakyat hadir majlis..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk tajuk Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya membuat misalan dan mereka diberhentikan kerja menunda ini dan perlu dikaji semula. Ini adalah satu misalan. Kedua IWK banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat banyak sangat misalan perkara yang lain..

Tuan Chang See Ten: Ini saya membuat misalan..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk sahaja perkara ini, kalau hendak suruh dia berhati-hati..

Tuan Chang See Ten: Saya berharap pihak kementerian berhati-hati seperti nasihat daripada Tuan Pengerusi tentang pewujudan Suruhanjaya Syarikat Malaysia mesti mengurangkan beban kepada para peniaga. Ini yang penting.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya boleh membenarkan dua orang lagi. Saya beri Yang Berhormat bagi Kepong dahulu selepas itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan selepas itu menteri menjawab.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kerajaan punya Tuan Pengerusi, satu lagi lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa lah itu keputusan saya Yang Berhormat. Tadi sudah ada diberitahu mungkin tiga atau empat orang. Empat orang, sudah ya. Tidak usah mempertikaikan Yang Berhormat, banyak lagi kementerian hendak bercakap. Ya, Kepong.

11.48 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM saya diberitahu telah mengenakan kompaun bernilai RM13 juta tahun lepas ke atas pelbagai syarikat dan perniagaan kerana gagal mematuhi peraturan di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. SSM mempunyai peranan yang penting terutamanya menyelaraskan dan meminda akta-akta yang ada sekarang supaya semua urusan dapat dibuat oleh syarikat-syarikat dengan baik kerana terdapat lebih 600 ribu syarikat di negara ini dan bilangan

perniagaan yang telah didaftarkan adalah lebih 2.5 juta dan dengan sedemikian saya berharap semua syarikat ini akan mematuhi undang-undang dan sebelum mereka mematuhi kepada undang-undang ini maka kita perlu mengkaji semula Akta Syarikat 1965 dan juga Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Di dalam urusan untuk SSM ini saya diberitahu juga bahawa daripada 1 April segala urusan mengenai SSM boleh dibuat melalui 253 pejabat pos dan bilangan ini mungkin ditambah lagi. Walau bagaimanapun saya diberitahu bahawa urusan SSM ada kekurangan juga mungkin kerana kekurangan pejabat dan kekurangan kakitangan. Misalnya kakitangan yang terlibat dengan IT dan ICT di dalam SSM mungkin sangat kurang dan ini telah menjejaskan semua urusan SSM dan saya mencadangkan supaya kita yang pertama menambahkan pejabat untuk SSM supaya ia dapat menjalankan tugas dengan baik dan juga bilangan kakitangan yang cekap untuk membuat urusan.

Sebab kita tidak mahu syarikat-syarikat kita mencontohi kesalahan-kesalahan seperti yang berlaku di Enron dan WorldCom yang mengalami kerugian yang besar dengan skandal yang terbesar di dunia. Kerana Amerika merupakan sebuah negara yang terkuat di dunia yang boleh membuat apa-apa sahaja di Iraq di mana-mana menceroob kawasan di mana sahaja yang dia mahu dan juga syarikat Amerika Syarikat boleh membuat skandal dan penipuan yang besar seperti Enron dan WorldCom yang membuat penipuan sehingga meningkat kepada nilainya, saya diberitahu US3 trilion dan di Malaysia kita tidak boleh menandingi penipuan raksasa ini.

Saya berharap kalau kita boleh meminda Akta Syarikat kita dan Akta Pendaftaran Perniagaan kita boleh memperketat undang-undang kita supaya syarikat kita tidak boleh meniru mengikut cara syarikat Amerika Syarikat. Di sini sebelum saya mengakhiri ucapan, saya hendak bertanya setakat ini lah di dalam kompaun, tindakan yang diambil oleh SSM, bilangan korporat, rasuah dan kesalahan serta kepentingan tadbir urus korporat dan sebagai yang didapati oleh SSM setakat ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian selepas itu menteri menjawab. Saya telah putus.

11.53 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian untuk membincangkan tentang peruntukan tambahan bagi kementerian ini di bawah Suruhanjaya Syarikat. Saya merujuk kepada fungsi dan kuasa Suruhanjaya Syarikat Tuan Pengerusi iaitu dalam fungsi dan Suruhanjaya Syarikat antaranya adalah untuk mendorong dan menggalakkan tata laku yang sepatutnya di kalangan pengarah, itu yang pertama. Yang kedua, untuk meningkatkan dan menggalakkan bekalan maklumat korporat di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam jadual.

Berkaitan dengan dua perkara ini saya secara spesifik merujuk kepada satu kes iaitu satu syarikat yang bernama Ireka Corporation iaitu satu *public listed company* di BSKL di mana pada hemat saya syarikat ini telah melanggar apa yang dinyatakan dalam kuasa dan fungsi Suruhanjaya Syarikat seperti yang telah saya bacakan tadi. Di mana syarikat ini telah pun dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat berkenaan dengan beberapa perjalanan yang menyalahi salah laku ataupun tata cara *corporate governance* yang baik. Antaranya ialah bahawa syarikat ini Ireka Corporation sebagai salah satu syarikat induk telah memperoleh satu projek untuk membina Hotel Westin yang mulanya dianggarkan bernilai RM270 juta dan ini adalah projek anak syarikat Ireka Corporation iaitu Iswaja Enterprise dan Warna Warni Sdn. Bhd.

Anak syarikat Ireka ini telah memberikan kontrak kepada syarikat induknya kepada Ireka Corporation dengan nilai RM270 juta seperti yang telah saya sebutkan. Pada masa yang sama satu orang anggota ataupun Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Ireka Corporation iaitu Encik Lai Voon Hon telah juga dilantik untuk menjadi projek arkitek kepada pembinaan hotel ini. Sedangkan beliau adalah anggota ataupun Lembaga Pengarah Ireka Corporation dan hasil daripada itu satu daripada perkara yang jelas telah berlaku ialah kos pembinaan hotel ini telah meningkat kepada RM380

juta daripada anggaran RM270 juta. Ini telah membebankan yang pertama kos kepada anak syarikat mereka sendiri iaitu Iswaja Enterprise dan Warna Warni Sdn. Bhd.

Yang kedua ialah membebankan bank yang telah memberikan pinjaman kepada projek ini dan projek ini telah tergendala buat beberapa lama dan 48% daripada pemegang saham dalam Ireka Corporation ialah ahli keluarga kepada Encik Lai Voon Hon tadi. Jadi, di sini adalah begitu terang *conflict of interest* iaitu Encik Lai sebagai projek arkitek telah mungkin memanipulasikan harga ataupun kos pembinaan yang telah menyebabkan anak syarikatnya mengalami tekanan kewangan tetapi syarikat induknya Ireka Corporation telah mendapat keuntungan yang begitu lumayan. Ini adalah *breach of trust* yang begitu terang dan ini telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan juga saya rasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Saya ingin tahu kedudukan perkara ini.

Yang lebih aneh lagi pada masa yang sama syarikat ini telah berjaya memperoleh pinjaman yang besar daripada Affin Bank Berhad yang pada pandangan saya adalah satu perkara yang menunjukkan kelemahan penilaian mereka atau kekurangan *wisdom* dan penilaian yang baik sehingga mereka boleh memberikan pinjaman. Walaupun pada waktu itu mengikut Right Investor Services, satu syarikat *rating company* di Kuala Lumpur, Ireka Corporation berada di bawah, dengan izin, *below investment acceptance level* pada waktu di bawah paras yang diizinkan tetapi Affin Bank masih memberikan sepenuhnya pinjaman kepada syarikat ini dan pada waktu yang sama harga saham Ireka Corporation telah jatuh kepada RM1.80 kepada 88 sen sesaham. Ini adalah satu kejatuhan lebih daripada 50%. Tetapi Affin Bank masih memberikan pinjaman.

Ini dua contoh, banyak lagi contoh-contoh dalam laporan ini yang saya tidak mempunyai masa secukupnya untuk membacakannya satu-persatu dan banyak lagi syarikat-syarikat lain yang terlibat umpamanya KUB..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat meminta penjelasan Yang Berhormat boleh? Silakan.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Penjelasan Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kubang Kerian baharu sahaja menyebut tentang KUB yang bagaimana kita maklum Suruhanjaya Syarikat Malaysia ini Tuan Pengerusi adalah bertanggungjawab antara yang terpenting untuk menjaga kebajikan keselamatan pelabur khususnya pelabur-pelabur kecil. Dalam kes KUB sebagaimana Yang Berhormat Kubang Kerian sebutkan tadi kita mendapat maklum bahawa syarikat ini sekarang telah berada di bawah penguasaan Danaharta. Walhal asalnya ada berpuluh-puluh ribu pemegang sahamnya dan pada satu ketika mempunyai sumber kewangan wang dalam syarikat lebih daripada RM800 juta. Hari ini yang RM800 juta itu telah kehilangan dan yang masih ada kurang daripada RM100 juta.

KUB ini adalah sebuah syarikat di bawah penguasaan SSM yang sudah tentunya yang mana bererti berpuluh-puluh ribu pemegang sahamnya kehilangan potensi mendapat apa-apa keuntungan ataupun dividen..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian ialah bagaimana kita boleh membantu SSM untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan lagi untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat terutamanya syarikat besar terutamanya syarikat yang mempunyai pemegang saham yang ramai terutama pula di kalangan pemegang saham yang ramai itu hampir kesemuanya masyarakat bumiputera yang melabur selama berbelas tahun, yang mengharapkan keuntungan yang agak besar yang telah mendapat kemudahan-kemudahan lesen bank dan lesen-lesen lain tetapi oleh kerana masalah pengarah-pengarah mereka tidak mengambil amanah ini dengan serius maka syarikat itu telah kerugian modalnya, harta tunainya dan hari ini telah diambil alih oleh Danaharta. Saya hendak tahu apa pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian, bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang besar seperti ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tumpat. Itulah yang saya cuba tekankan dalam perbincangan saya yang singkat ini iaitu

bagaimana peranan yang berkesan daripada Suruhanjaya Syarikat dalam masa yang kritikal ini apabila kita mengalami kegawatan ekonomi. Banyak syarikat mungkin telah melakukan salah laku daripada tatacara *good governance* yang dikehendaki oleh ...

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Ya, Setiausaha Parlimen ya.

Tuan Wong Kam Hoong: Benda-benda yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukan menjawab, dia hendak bagi penjelasan. Cuma beri penjelasan Yang Berhormat ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini apa ini?

Tuan Wong Kam Hoong: Ini tiada kaitan dengan kementerian saya iaitu di bawah bidang kuasa....

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, tahulah dia hendak apa? Dia hendak penjelasan kah, dia hendak berbahas kah, peraturan mesyuarat kah.....?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Sila duduk, sila duduk. Bukan bawah kementerian dia, dia kata Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa dia?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa yang Yang Berhormat cakapkan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Suruhanjaya Syarikat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mengenai dengan kes itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ada ini [*Menunjukkan bil yang dirujuk*] Suruhanjaya Syarikat, akta ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, betullah, betullah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya berbincang tentang fungsi dan kuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cuba mengkhususkan Yang Berhormat, yang berkaitan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: ...untuk mendorong dan menggalakkan tata laku yang sepatutnya di kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain. [*Sorak*] Baca dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bawah Yang Berhormat ini. Ingat saya datang sini tidak buat persiapan kah?

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, yang ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti atau BSKL yang mengawal selia syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya baca lagi fungsi syarikat. Untuk meningkatkan dan menggalakkan pembekalan maklumat korporat di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam jadual pertama. Saya telah menghantar beberapa orang wakil saya untuk pergi berjumpa dengan Permodalan Nasional Berhad yang menguruskan saham-saham amanah. Ini pun tidak masuk juga kah, pembekalan maklumat ini?

Apabila kita kata kita adalah bakal pelabur mereka kata bakal pelabur tidak akan diberikan laporan tahunan prestasi syarikat-syarikat ataupun saham-saham amanah. Hanya pelabur yang telah melabur diberikan maklumat-maklumat ini. Bakal pelabur sampai hari ini tidak diberikan maklumat tentang prestasi yang telah mereka tunjukkan dalam pengurusan dana-dana saham amanah. Ini satu. Oleh kerana itu harga-harga saham yang rendah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Husam bin Haji Musa: Berapa minit Tuan Pengerusi? Tuan Pengerusi baru masuk mana tahu saya sudah bercakap berapa lama?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pasal kita...

Tuan Husam bin Haji Musa: Setiausaha Parlimen sudah ganggu saya lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita memang ada catat masa. Tidak boleh, bohong-bohong ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali tentang Celcom. Saya hendak tahu kedudukan yang terakhir bila Celcom telah menandatangani satu perjanjian dengan satu syarikat telekomunikasi Belanda, DT Asia dan akhirnya DT Asia telah memfailkan satu kes di mahkamah arbitrase dunia. Dan mengikut satu rencana yang saya baca jika DT Asia ini menang dalam perbicaraan ini ia akan mengakibatkan Syarikat Telekom Malaysia yang mengambil alih Celcom daripada Tajuddin Ramli akan membayar denda ataupun pampasan sejumlah RM650 juta. Ini satu daripada perkara yang banyak berlaku dalam pengurusan syarikat-syarikat kita yang mungkin sebahagian daripada rakyat tidak didedahkan tentang perkara ini. DT Asia telah menyaman Celcom yang akan mengakibatkan pemegang saham terbesar Celcom iaitu Telekom mungkin akan membayar pampasan RM650 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya memohon penjelasan tentang perkara ini. Selain daripada itu,,,,,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya menggulung sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Masa cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cukup, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

12.04 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kemaman, Gelang Patah, Kepong dan Kubang Kerian yang mengambil bahagian dalam perbincangan kementerian saya pada peringkat jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kemaman membangkitkan berbagai isu berkenaan dengan tindakan kerajaan untuk menggalakkan pengguna-pengguna untuk berbelanja supaya menjanakan ekonomi dalam negeri iaitu *domestic economy*. Memang itulah satu cara kerajaan untuk mengembang ekonomi dalam negeri sebab ekonomi negara kita adalah bergantung kepada eksport ekonomi. Dalam hal ini memang pengguna mesti sendiri berhemat, mencari satu keseimbangan di antara perbelanjaan mereka. Pada keseluruhannya tindakan-tindakan untuk menggalakkan perkembangan supaya negara kita tidak bergantung sangat kepada eksport ekonomi atau ekonomi kita yang *export driven*. Dengan ini memang ada kesan-kesan yang buruk kalau seorang pengguna berbelanja lebih daripada pendapatan mereka.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum kementerian saya tiap-tiap tahun ada ceramah-ceramah pendidikan pengguna di mana mereka turut dinasihatkan untuk jangan meminjam daripada Along-along atau ceti haram. Mereka memang patut kalau

mereka hendak meminjam, meminjam daripada institusi-institusi kewangan atau institusi-institusi yang sah. Di samping itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga ada program pendidikan dan kesedaran kepenggunaan yang menekankan kepada pelbagai aspek kepenggunaan dalam kehidupan harian seperti perbelanjaan berhemat, tidak boros, jangan membazir, pengurusan kewangan, pentadbiran kredit dan sebagainya.

Dalam program-program seperti yang kementerian berikan kepada pengguna, mereka juga disedarkan tanggungjawab mereka kepada masyarakat mengenai budaya hidup pengguna yang bijak seperti tidak boros seperti saya katakan tadi dan pembelian mereka terhadap barangan yang tidak mengutamakan *brand* dan lain-lain atau *brand consciousness*. Topik-topik isu semasa seperti skim cepat kaya, Along dan lain-lain juga diberi penekanan di dalam program-program pendidikan untuk kesedaran mereka.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah membangkitkan isu berkenaan dengan kenaikan ...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kemaman bangun.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang kita bimbang hari ini ialah keadaan *purchasing power* daripada pengguna ini sebab daripada galakan-galakan yang dibuat oleh kerajaan mengadakan pameran-pameran, ekspo-ekspo dan memberi iklan yang besar-besaran supaya rakyat berbelanja ini, maknanya *is contradictory* dengan apa yang kementerian ingin laksanakan. Yang Berhormat cuba menggalakkan perbelanjaan secara berhemat tetapi kementerian-kementerian lain melakukan sebaliknya.

Apa kita bimbang ialah meningkatnya NPL di dalam sistem perbankan di mana ramai pengguna yang tidak bayar *credit card*, tidak bayar kereta, tidak bayar rumah dan sebagainya, menyebabkan *consumer's purchasing power* begitu rendah hari ini dalam ekonomi kita. Jadi, dari segi ini memang bercanggah dengan apa Yang Berhormat cakapkan tadi.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, dalam perbelanjaan sendiri kita terpulanglah kepada kebijaksanaan pengguna. Mereka mesti cari satu 'median' lain iaitu kalau tidak ada pendapatan jangan berbelanja lebih daripada pendapatan tetapi pada keseluruhannya kalau negara kita cuma bergantung – ini pada keseluruhannya - kepada eksport ekonomi ini bermakna bila ada kemerosotan ekonomi di seluruh dunia ini maka kesannya amat buruk kepada negara kita. Kalau ekonomi dalaman iaitu *domestic economy* kuat seperti negeri China dan sebagainya, maka ini jadi satu kekuatan kepada perkembangan negara.

Pada mikronya kepada pengguna-pengguna selain daripada kita menggalakkan perbelanjaan untuk mempergiatkan ekonomi, pengguna sendiri mesti ambil perhatian kepada perbelanjaan mereka iaitu mereka mesti cari satu keseimbangan. Sebab itu kita ada program-program untuk menyedarkan mereka berkenaan dengan perbelanjaan dengan berhemat. Jangan belanja lebih daripada pendapatan. Kalau kita buat masa lama-lama *it will catch up with us*. Sebab itulah banyak menghadapi kesempitan wang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kenaikan bayaran *fee* pendaftaran perniagaan, mulai 16 April 2002 Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 telah dipinda melibatkan kenaikan beberapa bayaran yang mesti dijelaskan bagi urusan pendaftaran perniagaan. Pindaan yang dibuat setelah kementerian mengkaji bahawa sejak ia dikuatkuasakan pindaan ini tidak pernah dipinda sedangkan proses pendaftaran melibatkan kos yang perlu ditanggung termasuk penyelenggaraan data-data perniagaan. Kementerian berpendapat kenaikan yang berlaku adalah wajar dan tidak membebankan. Perbezaan setelah pindaan dibuat adalah melibatkan bayaran pendaftaran dan pembaharuan iaitu sebelum pindaan dibuat pendaftaran perniagaan adalah sebanyak RM25 seperti disebutkan di dalam Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Melalui pindaan ini bayaran pendaftaran telah dimasukkan ke dalam kaedah pendaftaran perniagaan seperti berikut:-

- (i) pendaftaran perniagaan dengan nama sendiri adalah RM30 (bukan RM60);
- (ii) pendaftaran dengan nama perniagaan iaitu *trade name* iaitu RM60;
- (iii) pendaftaran perkongsian RM60.

Pembaharuan lesen perniagaan sebelum pindaan bayaran untuk pembaharuan adalah RM25. Melalui pindaan yang dibuat pembaharuan lesen adalah seperti berikut:

- (i) perniagaan dengan nama sendiri adalah RM30;
- (ii) perniagaan dengan nama perniagaan RM60; dan
- (iii) perniagaan perkongsian juga RM60;

Memang kementerian saya mengambil masa yang lama untuk meminda perundangan ini, untuk mengambil kira berbagai aspek dan kepentingan peniaga. Pindaan yang dibuat ini memperkenalkan konsep pembaharuan lesen perniagaan bagi memudahkan kementerian memantau dan mengawal peniaga sama ada peniaga benar-benar menjalankan perniagaan seperti yang dilaporkan dalam maklumat pendaftaran perniagaan mereka. Kementerian juga berpendapat ia adalah sesuai dengan perkembangan semasa.

Berkenaan dengan notis, notis sebagai amalan dulu, notis akan dihantar kepada peniaga sebulan sebelum lesen tamat dan untuk kompaun yang Yang Berhormat katakan terlalu tinggi, sebagai perbandingan, kompaun kalau dibandingkan dengan tahun 2000, Pendaftar Perniagaan mengutip sebanyak RM10.1 juta dan untuk tahun 2002, mengutip sebanyak RM10.6 juta. Ini bermakna peningkatan kompaun tidak begitu tinggi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat berkenaan dengan pemberitahu penamatan perniagaan? Sekiranya sesebuah syarikat, ia hendak memberhentikan perniagaannya, maka ia perlu memberitahu kepada pejabat Pendaftar Syarikat dan sekiranya ia tidak memberitahu, maka ia akan dikenakan denda.

Masalah di sini, apabila kita memberitahu kepada pejabat Pendaftar Syarikat, maka bermakna lesen perniagaan itu dibatalkan tetapi sebelum lesen ini dibatalkan, ada beberapa perkara perlu diselesaikan oleh ahli kongsi syarikat itu. Misalannya saya ambil satu contoh, sebuah syarikat sendirian berhad, mereka telah bersetuju hendak memberhentikan perniagaan tetapi masih ada harta benda, ada hutang pemiutang, ada apa-apa *debts* yang belum selesai, maka mereka memerlukan satu masa mungkin satu tahun, dua tahun atau tiga tahun untuk diselesaikan melalui peguam-peguam atau melalui perbicaraan atau melalui *understanding* antara satu ahli kongsi dengan yang lain.

Maka, mereka ini tidak betul-betul memberi notis untuk membatalkan lesen sama sekali. Dengan ini mereka boleh kena denda. Bolehkah Yang Berhormat mengambil perhatian atau pertimbangan sekiranya ada sebab-sebab yang munasabah, mereka boleh dibenarkan satu tempoh masa untuk menyelesaikan masalah dalaman dahulu, sebelum mereka membatalkan sekali gus berkenaan dengan lesen mereka.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, bila sesebuah syarikat atau perniagaan akan ditamatkan, tidak boleh ditamatkan dengan serta-merta. Kita pun tahu, mesti ada lain-lain urusan yang perlu diselesaikan macam akaun bank akan ditutup, pemiutang akan dibayar, kutip hutang dan sebagainya. Ini perlu suatu masa. Jadi, peniaga harus sedar, itu tanggungjawab mereka. Pada masa itu, sebelum perniagaan ditamatkan dengan muktamad, mereka mesti memperbaharui lesen. Lesen mereka cuma RM30 sahaja untuk peniaga perseorangan. Untuk perkongsian, RM60. Itulah satu tanggungjawab mereka dan mereka pun sedar tidak boleh ditamatkan dengan serta-merta.

Kalau kita kata hendak tamatkan hari ini, esok kita tidak memperbaharui lesen, tidak patutlah. Itu satu *closing down cost*. Mereka mesti tanggung *closing down cost* itu. So, itu penjelasan daripada saya. Itu semua tanggungjawab peniaga.

Tuan Pengerusi...

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gelang Patah.

Tuan Wong Kam Hoong: Eh, sudah habis dah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada jawab apa yang saya bawa, adakah kenaikan daripada RM25 kepada RM60 lebih 100% yang dianggap oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adalah tidak tinggi tetapi pada umumnya para peniaga yang dikenakan, yang daftar atas nama syarikat atau kongsi, mereka rasa ini adalah satu amaun yang amat tinggi.

Bolehkah pihak kementerian tinjau semula tentang hal ini? Yang atas nama individu iaitu daripada RM25 kepada RM30. Kenaikan RM5 itu satu amaun yang munasabah tetapi yang ini, tambahan RM35 ini amat tinggi. Bolehkah Yang Berhormat bagi kerana masa tidak ada, bolehkah beri garis panduan tentang tawaran kompaun?

Ada satu perkara yang saya tadi dengar Yang Berhormat kata selama ini pihak Pendaftar Perniagaan ada hantar notis satu bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran, tetapi daripada tinjauan saya, selama ini tidak pernah diberikan notis untuk memperbaharui lesen. Ini tidak dibuat dan ramai peniaga kena kompaun kerana lupa. Kalau boleh buat seperti pihak berkuasa tempatan, berikan notis pada bulan November kerana cukai pintu itu memang dua penggal, sebelum satu bulan, mereka beri notis atau lesen premis seperti yang diamalkan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bulan November sudah bagi dan selepas itu bulan Januari, mereka terus pergi bayar, tidak kena kompaun.

Kerana sudah wujud suruhanjaya, sepatutnya kualiti perkhidmatan ditingkatkan. Saya harap kerja ini perlu diadakan, pastikan bahawa notis mesti diedarkan kepada semua peniaga satu bulan sebelum tamat pendaftaran perniagaan secara tahunan. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, kita mesti tengok daripada segi objektifnya berkenaan dengan *fee* pendaftaran perniagaan. Untuk perseorangan, cuma RM30 sahaja. Ini bermakna setiap bulan RM2.50, sehari pun tidak sampai 10 sen. So, kalau hendak berniaga, dia mesti tanggung itu tidak sampai 10 sen sehari. Sebab itu, kementerian saya menetapkan untuk perseorangan tidak naik banyak, naik RM5 sahaja, dari RM25 kepada RM30 tetapi untuk perkongsian dan *trade name*, RM60. Itu pun RM5 sahaja sebulan.

Untuk memudahkan peniaga-peniaga, kita ada kaunter-kaunter servis di negeri-negeri tertentu iaitu mereka boleh memperbaharui lesen di cawangan-cawangan kita atau sekarang di *post office*, pejabat pos untuk memudahkan pengguna.

Notis sebulan sebelum lesen itu tamat, itu adalah perkhidmatan tambahan. Sepatutnya tanggungjawab adalah kepada peniaga untuk memperbaharui lesen itu, bukan tanggungjawab kita untuk mengingatkan mereka tetapi ini adalah satu perkhidmatan tambahan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan satu dua perkara iaitu dia memberitahu bahawa kutipan daripada notis kompaun pihak Pendaftar Syarikat dan juga pihak Pendaftar Perniagaan adalah satu amaun yang terlalu tinggi.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, untuk Pendaftar Syarikat, notis kompaun yang dikeluarkan adalah 64,000 notis untuk tahun 2001 dan kutipan daripada kompaun itu adalah RM11 juta. Untuk tahun 2002, notis kompaun yang dikeluarkan adalah 43,000 dan kutipan daripada kompaun itu adalah RM8 juta. Ini bermakna pada tahun 2002, kompaun yang dikeluarkan adalah kurang kalau dibandingkan dengan tahun 2001. Itu adalah satu tanda yang baik iaitu tadbir urus korporat yang dijalankan oleh kementerian adalah berkesan. Untuk Pendaftar

Perniagaan, kompaun yang dikutip, tadi saya ada kata, untuk tahun 2001 adalah RM10 juta dan untuk tahun 2002 adalah RM10.6 juta.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa selepas penswastaaan atau pengkorporatan SSM iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mereka perlulah beri perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pengguna-pengguna iaitu peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang dan dengan itu, mereka selalu sensitif kepada cadangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan juga mereka akan mengambil tindakan supaya kualiti servis setanding dengan syarikat swasta.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa SSM selalu prihatin terhadap maklum balas daripada pengguna ataupun orang yang memerlukan perkhidmatan daripada SSM.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, baru-baru ini ada aduan berkenaan dengan sistem informasi *computer based* yang dipakai oleh SSM iaitu diberikan nama Idaman yang didapati tidak dapat memenuhi kehendak daripada pengguna. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, apakah langkah yang telah pun diambil untuk mengatasi masalah yang berbangkit daripada sistem informasi Idaman ini?

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. SSM mengharapkan bekalan maklumat dapat dijalankan dengan cepat. SSM sedang berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan bekalan maklumat korporat kepada pelanggan. Pada masa ini usaha-usaha sedang dijalankan untuk memindahkan semua imej dokumen syarikat daripada dokumen sekarang dalam bentuk fizikal kepada sistem yang baru iaitu Idaman, bagi membolehkan dokumen disemak menerusi monitor komputer.

Pada masa ini sebanyak 4.5 juta imej melibatkan dokumen yang difailkan sejak tahun 1996 telah selesai dipindahkan ke dalam sistem imej ini. Kerja memindahkan semua rekod syarikat sedang dijalankan melibatkan syarikat-syarikat yang ditubuhkan, sejak tahun 1996 sehingga sekarang telah dipindahkan ke dalam sistem Idaman melibatkan lebih 200 ribu syarikat.

Tunggakan dokumen lama bagi 430 ribu syarikat sedang dilaksanakan, di mana buat masa ini 45 ribu syarikat daripada jumlah tersebut telah selesai dipindahkan ke dalam sistem Idaman. Adalah dijangka kerja pemindahan dapat diselesaikan pada akhir tahun 2003 dan dengan semua maklumat yang dipindahkan atau berhijrah kepada sistem pengkomputeran, ini bermakna pelanggan SSM dapat *retrieve* atau dapat maklumat ini dengan tekanan butang sahaja. Tekanan butang ini mengambil masa tidak kurang daripada setengah jam dengan pemindahan semua maklumat fizikal kepada *imaging* itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, tadi saya sudah kata. Ini tidak ada kaitan langsung dengan SSM sebab yang mengawal selia syarikat-syarikat tersenarai di BSKL adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Sekuriti iaitu di bawah Kementerian Kewangan dan juga BSKL. Walau bagaimanapun, kalau terdapat apa-apa pelanggaran yang dilakukan oleh syarikat-syarikat berkenaan dengan undang-undang yang termaktub di dalam Akta Syarikat, maka SSM dengan tidak teragak-agaknya akan mengambil tindakan yang tegas kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, saya berdiri minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia sudah habiskan jawapannya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya? Kenapa dia lari, berhenti macam itu? [*Disampuk*] Syarikat East Wajar Enterprise dengan Syarikat Arena Warni didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang ada dalam Jadual 1 akta ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat memang merujuk kepada Perbekalan Tambahan, butiran yang terlibat. Ada apa-apa hendak sampaikan Yang Berhormat?

Tuan Wong Kam Hoong: Tidak ada sebab saya sudah habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Tuan Wong Kam Hoong: Tetapi kalau Yang Berhormat ada bukti, boleh kemukakan kepada SSM. Yalah, kita bertindak atas maklumat daripada orang awam atau daripada akauntan-akauntan berkenaan *[Disampuk]*

Okey. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM43,600,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM43,600,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahaskan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

12.33 tgh.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada satu ketika dahulu Tentera Laut Diraja Malaysia mempunyai pangkalan di Singapura, di Woodland dan adalah menjadi satu perkara yang strategik untuk mengadakan pangkalan di tempat-tempat di mana kawasan tersebut dianggap sebagai musuh. Tetapi baru-baru ini, pangkalan tersebut dipindahkan ke beberapa pangkalan di Malaysia. Baru-baru ini dalam surat khabar *Straits Times* Singapura menyiarkan satu surat yang telah dibuat oleh Perdana Menteri kita, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju pangkalan Tentera Laut itu berada di Singapura. Jadi saya hendak tanya keputusan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri kita itu dibuat berdasarkan keputusan Jemaah Menteri ataupun Majlis Keselamatan Negara ataupun apa-apa majlis. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, ataupun mana-mana badan mesyuarat yang memutuskan sama ada perkara ini wajar ataupun tidak wajar perpindahan ini dilakukan. Adakah keputusan ini berdasarkan keputusan peribadi beliau seorang sahaja kerana apa yang telah kita lihat bahawa apabila perpindahan berlaku maka satu kerugian Malaysia kerana tidak boleh ada satu pangkalan di Singapura sedangkan kita menganggap kadangkalanya Singapura ini sebagai musuh dan sebagainya. Tetapi apabila pangkalan yang kita ada, yang mempunyai kedudukan yang cukup strategik di kawasan musuh itu, kita keluarkan daripada negara tersebut.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kementerian mengenai keputusan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri untuk berpindah daripada Woodland sebab Kerajaan Singapura sendiri mengatakan bahawa beliau tidak menghalang penggunaan Pangkalan Tentera Laut di Woodland oleh Tentera Laut Diraja Malaysia.

Yang keduanya ini kelengkapan Tentera Darat. Pada satu ketika dahulu semasa kita berdepan dengan komunis dahulu, kita ramai Angkatan Tentera ataupun kita panggil MIO iaitu Military Intelligent Officer untuk mendapat maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan subversif dan juga komunis. Setelah selesainya atau habisnya ancaman daripada komunis ini, saya hendak tanya di mana MIO-MIO ini diterapkan? Sebab difahamkan, banyak di antara mereka hari ini buat kerja-kerja

politik, buat seliaan politik dan banyak dipergunakan oleh kepimpinan negara untuk kerja-kerja politik, tidak lagi kerja-kerja ketenteraan.

Jadi saya hendak tanya MIO sekarang ini ditanggung oleh kementerian mana? Sama ada Kementerian Dalam Negeri atau pun masih di bawah perbelanjaan Kementerian Pertahanan. Ramai hari ini MIO-MIO ini menjadi orang-orang upahan untuk kerja-kerja politik kerana mereka, saya sendiri pun dijumpai oleh beberapa orang untuk membuat kaji selia, kaji selidik kedudukan politik dan sebagainya.

Jadi itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian, lepas ini Timbalan Menteri boleh jawab. Yang Berhormat tadi tidak bangun *[Sambil menunjukan kepada Yang Berhormat bagi Tebrau]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak bangun tadi, tidak. Saya boleh jadi saksi tidak bangun. Tadi dua orang sahaja yang bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila dia lepas buat ucapan, saya boleh buat keputusan.

12.37 tgh.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun bersama Yang Berhormat bagi Kemaman tadi, Yang Berhormat bagi Tebrau, saya tidak nampak dia bangun.

Kementerian Pertahanan B.25 Butiran Projek 00400 RM367 juta untuk bayaran tambahan kepada alat atau pun pembelian kapal selam daripada Perancis. Tuan Pengerusi, saya telah terbaca satu rencana dalam satu majalah luar negara, dalam bahasa Inggeris, bukan dalam bahasa Arab, yang telah menyiarkan satu maklumat iaitu pembelian ini telah dilakukan oleh satu syarikat ketiga. Saya tidak bawa nota hari ini, tertinggal di Kota Bharu tetapi kalau tidak silap saya namanya Ombak Laut, kalau silap, sila betulkan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pemegang sahamnya ialah Lembaga Tabung Angkatan Tentera, kalau tidak silap saya 30% dan selebihnya ialah satu syarikat yang dipunyai oleh seorang ahli *strategist* ketenteraan iaitu Encik Razak Baginda yang juga pernah ataupun masih lagi menjadi penasihat khas kepada Menteri Pertahanan negara kita dan seorang yang akrab dengan beliau.

Melalui syarikat ketiga ini, ada wang pulangan semula berupa keuntungan *consultation*, begitulah lebih kurang berjumlah lebih kurang RM400 juta. Oleh kerana Lembaga Tabung Angkatan Tentera telah digunakan sebagai satu premis untuk menghalalkan penggunaan pihak ketiga ini, sedangkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera hanya mempunyai 30% saham, tentulah sebahagian besar daripada RM400 juta ini akan diperolehi oleh syarikat yang dipunyai oleh Razak Baginda.

Jika kita tidak menggunakan syarikat ketiga ini, kita akan menjimatkan belanja bagi pembelian kapal selam yang sedang dipotong besinya sekarang pada tahun 2017, kapal selam itu baru siap, sekarang besi tengah dipotong. Kita akan jimatkan RM400 juta, Tuan Pengerusi, jadi lebih besar daripada jumlah peruntukan tambahan ini. Kalau kita jimatkan ini, kita *order* terus melalui Perancis, tidak melalui syarikat ini, kita tidak perlu Belanjawan Tambahan RM300 juta ini. Kita tidak perlu sama sekali, kita boleh jimatkan wang itu.

Kalau Tuan Pengerusi lihat dalam Peraturan Mesyuarat kita, apabila membincangkan Belanjawan Tambahan, ada satu klausa di mana kementerian berkenaan mesti melaporkan berapakah wang yang telah dapat diijamatkan daripada peruntukan tambahan ini. Tetapi klausa ini tidak pernah digunakan, kita tidak pernah membentangkan dalam Dewan ini perbelanjaan yang telah diijamatkan daripada peruntukan tambahan kita.

Saya berhujah bahawa jika sekiranya kita tidak menggunakan syarikat ketiga ini yang telah memperoleh keuntungan lumayan yang begitu mudah, kita akan menjimatkan RM300 juta lebih dan ini adalah satu jumlah yang sangat besar. Mengapa

kita mesti menggunakan syarikat yang ketiga ini? Cuma untuk justifikasi penggunaan syarikat ketiga ini, kita menggunakan Lembaga Tabung Angkatan Tentera yang minoriti *shareholders* kepada syarikat ini dan bahagian yang besar diperolehi oleh Encik Razak Baginda dan rakan-rakannya dalam syarikat tersebut. Saya mohon penjelasan tentang perkara ini.

Selain daripada itu saya ingin tahu berapakah kos yang telah dibayar. Ini tambahan bagi 2002. Saya rasa kerajaan telah meluluskan pembelian kapal selam ini pada akhir 2002 tetapi ini sudah menjadi tambahan bagi 2002 dan berapakah jumlah yang telah dibayar setakat hari ini?

Berkenaan dengan *rocket launcher*, ataupun sistem pelancar roket, saya tidak dapat bercakap secara teknikal kerana nota saya telah saya sebut berada di Kota Bharu tetapi saya telah membangkitkan perkara ini sebelum ini iaitu saya tidak pasti adakah pelancar roket yang dimaksudkan dalam peruntukan ini ialah yang dibeli daripada Britain? Mengapa penjelasan yang begitu ringkas? Tidak ada nama sistemnya, tidak ada negara yang kita import senjata ini. Mengapa kita tidak jadi lebih telus iaitu kita namakan senjata yang kita belikan dan juga negara yang kita import daripadanya.

Kalau tidak silap saya, kalau senjata ini yang dimaksudkan ialah daripada Britain, saya telah membangkitkan mengikut satu laporan antarabangsa yang ada *authority* dalam ketenteraan bahawa sistem ini telah ditolak oleh Arab Saudi dan beberapa negara lain yang telah terbengkalai dan tidak dibeli dan dipesan oleh mana-mana negara kerana *defect* yang begitu ketara. Dia tembak tetapi dia lari, kena orang lain. Kena Yang Berhormat bagi Sri Gading, habislah kita.

Jadi oleh kerana itu Arab Saudi telah membatalkan pesanan ini. Tetapi satu rombongan pelobi telah datang ke Malaysia dan pada waktu itu dalam nota saya, saya ada alamat yang lengkap, pelobi ini tinggal – di Langgak Golf, Jalan Ampang dan namanya sekali yang telah menghubungi Kementerian Pertahanan dan akhirnya telah berjaya meyakinkan Kementerian Pertahanan untuk membeli senjata yang telah disiapkan untuk bekalan kepada Arab Saudi yang telah ditolak tadi untuk dibeli oleh Malaysia dan kalau tidak silap saya jumlahnya ialah RM1.8 bilion.

Saya ingin penjelasan, berapakah jumlah sebenar keseluruhan bagi sistem pelancar roket serbaguna ini tetapi yang penting sekali selain daripada harganya yang mahal ialah ia telah ditolak oleh negara lain dan ada *defect* yang jelas. Adakah pasukan tentera kita mengatakan ini bukan satu *defect*? Dan apa yang saya baca tadi bukan ditulis oleh orang biasa tetapi ditulis dan ada dalam laman web penganalisis ketenteraan peringkat antarabangsa yang ada *authority*. Jadi atas dua perkara ini, saya pohon penjelasan, Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pada lazimnya, apabila saya sudah buat keputusan, keputusan muktamad. Akan tetapi memandangkan Yang Berhormat sentiasa memberikan kerjasama kepada Speaker di sini, anggaplah ini satu perkara luar biasa, "Mr. Tebrau", sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh terima kasih, memang layak jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sokong [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit sahaja pasal P.25 02000, 00400, 00600. Ini masalah, saya tahniah Angkatan Tentera kita nampaknya tambahan ini memang amat perlu, kita sokong bukan setakat jumlah yang saya sebut itu bahkan hendak tambah lagi pun tidak apa. Dalam zaman sekarang ini masalah keselamatan negara amat penting. Saya menyebut ini kerana ada negara yang berjiran dengan kita, dia tidak sibuk yang lain, sekarang dia sibuk untuk menguatkan Angkatan Tentera dia. Macam peruntukan, dia tidak potong, dia marah kalau potong, tidak boleh untuk pertahanan, dia tambah lagi peruntukannya di Singapura ini.

Dan saya tidak tuduh dia hendak apa atau tidak tetapi dari segi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mana satu Butiran?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: 00200 – Angkatan Tentera Laut, Darat dan Udara. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kelengkapan ya?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ada. Yang ini berkait beli senjata, jadi maknanya hendak ceritakan senjata ini tujuannya, mestilah ada tujuan. Saya cerita sebelah sana kenapa dia kuat lepas itu kita hendak cadangkan Angkatan Tentera kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sudah kira dasar.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya? Okeylah tidak apa, dasar. Saya sokong tambahan itu dan kalau boleh kita banyakkkan lagi pembelian peluru-peluru berpandu. Saya dahulu mencadangkan peluru berpandu ini letak di Johor *[Ketawa]* Sudah berapa kali saya cakap letak di Johor, kalau tidak letak sahaja dekat Tanjung Pengelih, bukan apa benda, kita sahaja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun dasar!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun dasar juga.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dasarlah sedikit, Ya Allah! *[Ketawa]* *[Disampuk]* sedikit dasarlah, apa, sana lagi teruk Tuan Pengerusi, kalau dia hentam semacam sahaja. Saya baik jugalah. Okeylah tidak apa, banyakkkanlah Angkatan Tentera, tambah peruntukan setuju, tentera wanita pun kita kena tambah lagi banyak saya tengok, tentera wanita kurang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bahaya tidak?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak, tidak, jadi Angkatan Tentera bertambah kuat dengan adanya wanita, jadi dapat kerjasama. Jadi saya harap peluru-peluru berpandu, latihan tentera, dengan penambahan pembelian senjata-senjata ini, perbanyakkanlah latihan tentera di Johor ya. Jadi mana yang perlu kita letak di Senai, Johor Bahru, kawasan Tebrau boleh, ia satu batu sahaja dari

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Senai tidak payah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Senai tidak perlu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak, dia *airport*. Kalau peluru-peluru salah tuju, boleh tuju tempat Yang Berhormat, Yang Berhormat bahaya *[Ketawa]*. Jadi Yang Berhormat, itu sahajalah yang saya sentuh dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

12.45 tgh.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah bangkit untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa dan menunjukkan minat yang begitu baik sekali. Usaha Kementerian Pertahanan dalam peningkatan keupayaan persenjataan yang bersifat *force multiplier* adalah bertujuan untuk memberi kekuatan kepada sistem ATM agar ia dapat mempertahankan negara. Antara keupayaan yang direncanakan ialah mempertingkatkan keupayaan perisikan dan pengawasan melalui atur gerak atau '*unman vehicle, area vehicle*' serta sistem *airborne early morning* di samping itu keupayaan strategik dengan pembelian kapal selam, peningkatan kuasa tembak dengan pembelian peluru berpandu MLRS dan meriam jarak jauh yang akan memperkuatkan kekuatan ATM.

Ahli Yang Berhormat daripada Kemaman membangkitkan tentang pemindahan daripada Woodland, pangkalan kita. Banyak faktor yang telah Jemaah Menteri telah memutuskan dan pada 28 Oktober 1992 jemaah menteri telah memutuskan agar pangkalan TLDM dipinda dari Woodland dan membina pangkalan baru di negara kita. Salah satu faktor yang telah mendorong keputusan ini dibuat ialah

oleh kerana peningkatan daripada sewaan. Pada peringkat awal sewaan yang telah dikenakan kepada negara kita iaitu sejumlah S\$1.056 juta setahun. Dan daripada Jun 1974 tempohnya sehingga 31 Disember 1990 kepada S\$1.936 juta setahun mulai 1991, maka dengan itu dari segi dasar faktor ini tetapi banyak faktor bukan hanya itu tetapi sebahagian faktor yang utama yang telah mendorong kerajaan yang telah membuat keputusan yang mengenakan kos.

Mereka juga meletakkan beberapa perkara yang agak menimbulkan ketidakmudahan bagi kita untuk meletakkannya, maka dengan itu strategi pertahanan kita rasanya agak elok bagi kita untuk meminda pangkalan ini daripada Woodland kerana dari segi sistem yang ada, rasanya perlu kita tekankan. Kalau pun kita tempatkan pangkalan di situ, pangkalan dia dengan kos yang begitu tinggi, satu. Yang kedua *limitation* dengan izin, *to upgrade the existing facilities* yang kita ada di Woodland. Ada peraturan-peraturan tertentu yang tidak membolehkan kita untuk memperkuatkan dan mempertingkatkan sistem pertahanan. Apa maknanya kita letak di situ kita sudah belanja RM1 juta lebih lepas itu letak dengan harga ...

Beberapa Ahli: Tidak dengar!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tidak dengar? Saya ingat suara saya lebih kuat sudah ini, lebih kuat lagi? [*Beberapa orang ahli menyampuk*] Dan saya rasa tidak ada manfaat bagi kita untuk membelanjakan sejumlah yang besar. Kerajaan membelanjakan sejumlah yang besar pada peringkat awal RM1 juta lebih sehingga dipertingkatkan sehingga RM1.9 juta dan di samping itu juga berapa faktor penekanan dari segi syarat-syarat yang tidak membolehkan kita *to upgrade* kemudahan-kemudahan yang ada ataupun sistem peralatan yang ada di Woodland maka dengan itu dari segi strategi kita untuk mempertingkatkan dan mempertahankan negara kita adalah elok bagi kita untuk meminda pangkalan ini.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okey, terima kasih, kita tengok daripada segi daulat negara kita kerana walaupun kita tidak boleh *upgrade* kemudahan kita di Singapura kita boleh mengadakan satu lagi pangkalan *simultaneous operation* dia dengan apa yang ada di Woodland itu. Sebab kalau ikut setakat RM1 juta sahaja saya ingat RM1 bilion boleh ambil kira, RM1 juta itu saya rasa terlalu rendahlah sedangkan kalau kita tengok tentera-tentera luar, Amerika Syarikat apa kah, kalau dia hendak mendapatkan *base* dia di sesebuah negara itu, dia sanggup bayar begitu tinggi. Baru-baru ini di Turki pun dia hendak bayar sampai RM60 bilion tetapi kalaulah setakat - adalah walaupun kita tidak dapat membesarkan operasi kita tapi itu adalah tanda daulat negara kita di dalam tanah Singapura itu. Itu yang lebih mustahak yang kita lihat daripada sudut itu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat dalam usaha untuk mempertingkatkan seperti yang saya sebutkan. Keupayaan angkatan tentera Malaysia mempertahankan negara kita, *we must be rasional* dengan izin, dari segi *strategy approach* kita. Bukan hanya dari segi faktor Yang Berhormat Kemaman sebutkan tadi. Pengawasan tempat di situ kalau ianya diletak ya, bukan seperti negara Amerika Syarikat, bila dia letak pangkalan di Turki dia gunakan pangkalan itu bukan untuk hendak mempertahankan Amerika Syarikat di Turki, dia hendak mempertahankan Amerika Syarikat di rantau yang agak luas seperti di negara-negara Arab, hendak gunakan supaya menjadi *launching pad* untuk menembak ke Iraq ataupun Syria ataupun negara-negara lain, itu matlamat dia. Negara Singapura bukan negara yang besar. Negara yang kecil, pada dasarnya kalau kita dapat lihat lagi elok kebebasan kita untuk memperluaskan dan mempertingkatkan sistem pertahanan kita di bawah jagaan dan kawalan kita. Dalam pada itu *it is within rich* dengan izin, kalau pun ada sesuatu perkara yang kita hendakkan tapi kalau dia dibendung dan dikawal maka itu agak tidak mudah bagi kita untuk dari segi bilangan tapi seperti yang saya sebutkan tadi salah satu faktor ialah dari kos.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, Malaysia antara negara yang menerima konsep doktrin pertahanan *forward defence*. Semua pangkalan utama kita duduk di sebelah sempadan dengan Siam dengan Singapura kerana kita menganut doktrin *forward defence* dan di bawah doktrin ini lebih depan kita duduk dengan musuh kita itu lebih '*tool*' dari segi doktrin ini? Jadi adakah Malaysia sudah tukar doktrin itu? Kalau kita duduk di Singapura sekiranya berlaku perang dan kita tidak hendak perang dengan Singapura dengan mana-mana. Kita negara jiran yang baik kecuali beberapa

pemimpin kita yang suka cakap perang tetapi tidak ada pun, habuk pun tidak ada. Tapi dalam kes ini jika berlaku peperangan satu masa nanti apabila pangkalan kita berada di Singapura itu lebih strategik bagi kita. Itu *forward defence* yang sebenar, kalau kita undur masuk dalam hutan, itu bukanlah *forward defence*, itu *backward defence*. Adakah UMNO sekarang ini mengamalkan atau kerajaan Barisan Nasional balik kepada *backward defence*?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, masih mengamalkan dasar seperti apa Yang Berhormat sebutkan tadi dan kita yakin dengan keputusan itu dan tidak akan menjejaskan keupayaan negara kita malah dia boleh mempertingkatkan keupayaan negara untuk mempertahankan negara ini daripada ancaman daripada luar. Yang Berhormat daripada Kubang Kerian membangkitkan tentang kapal selam tadi dan suka saya nyatakan di sini bahawa pembelian kapal selam ini di peringkat awal, kalau berdasarkan harga yang telah ditawarkan oleh pihak France agak tinggi berbanding dengan nilai kontrak yang ada pada hari ini RM4.38 bilion. Kalau dahulu jumlah dia tawarannya tidak silap saya *the exact amount* tetapi dalam lingkungan RM5 hingga RM6 bilion tetapi kita berupaya menurunkan dan menjimatkan setelah berunding tentang harga yang perlu diturunkan. Di samping itu, kita juga telah menekankan supaya ada *transfer of technology* dengan izin supaya ada kemudahan ini membolehkan bukan hanya kita membeli peralatan daripada negara France tetapi juga kita dapat mempertingkatkan seramai mungkin syarikat tempatan terlibat dalam industri ini supaya kelak tidak akan ada pergantungan sama ada dari segi peralatan-peralatan gantian ataupun kemahiran kita untuk membina kapal-kapal selam ini. Kerana kita tahu seperti negara-negara Pakistan dan negara India sudah pun berupaya untuk mengeluarkan kapal selam maka dengan itu kita membawa langkah ini dan melibatkan badan-badan seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera sedikit sebanyak dia boleh melibatkan syarikat tempatan.

Apa yang dihebahkan oleh *magazine* ataupun *journal* di peringkat antarabangsa, perkara itu seperti yang saya sebutkan saya sudah nafikan perkara itu adalah tidak benar. Malahan seperti yang saya sebutkan pembelian ini kita lanjutkan jangka masa yang agak panjang sehingga pada tahun 2008. Selepas itu *payment* pun kita *stretch*, lepas itu kita gunakan *counter purchase* dengan penggunaan komoditi seperti Kelapa Sawit sebetulnya banyak manfaat yang kita perolehi daripada pembelian kapal selam ini.

Bersabit dengan perkara yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian tadi mengenai dengan *rocket launches* tadi. *Rocket launches* yang dimaknakan dalam butiran ini ialah MLRS yang kita beli daripada Brazil. MLRS ini adalah iaitu ESTRIO 2SS60 dan nilai telah dibayar sepenuhnya ialah RM788, 363, 000 juta dan banyak lagi jumlahnya. Kita yakin dengan adanya peralatan ini, peralatan ini sebetulnya adalah peralatan yang cukup baik yang seperti yang kita tunjukkan di Lumut baru-baru ini. Ia boleh menembak sasaran dalam lingkungan 50 hingga 70 kilometer dan juga ada lagi usaha untuk kita melangkah ke arah pembelian yang agak berjarak jauh sehingga 350 kilometer untuk mempertingkatkan keupayaan penembakan kita untuk mempertahankan negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi terima kasih saya cuma ada dua perkara yang saya pohon penjelasan iaitu di akhir daripada eksais pembelian kapal selam ini berapakah jumlah keuntungan yang akan diperolehi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera, berapa jumlah yang dia akan dapat bagi pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera? ang kedua tentang JERNAS kita ada beli *rocket launches* dari Britain seperti Yang Berhormat pernah sebut dalam Dewan ini. Adakah dengan Britain menyerang Iraq sekarang ini kita membatalkan sebahagian daripada..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini semua keluar daripada tajuk?

Tuan Husam bin Haji Musa: Keluar daripada tajuk, minta maaf Tuan Pengerusi, terkeluar sedikit!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan sedikit, banyak!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat, setakat ini kita ada membayar *advance payment* sebanyak RM780,247,296 pada

keseluruhannya dan keuntungan yang akan diperolehi oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera bukan hanya dari segi kewangan bahkan seperti yang saya sebutkan industri tempatan yang turut terlibat dan yang akan ditekankan oleh badan-badan terlibat seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera untuk melibatkan diri dalam peningkatan ini saya rasa itu lebih dari segi kewangan dan dari segi nilai *knowledge* yang akan diperolehi itu adalah lebih baik. Dan saya tidak dapat perincian tentang keuntungan ini isya-Allah nanti saya akan maklumkan di luar Dewan nanti, *when I get the information* dengan izin.

Mengenai dengan *rocket launches* tadi, seperti Yang Berhormat sebutkan tadi bukanlah JERNAS walaupun pihak Arab tolak benda itu sebetulnya dengan izin, *it doesn't mean when other countries reject weapons to be purchased by them, then we have to reject*. Tidak semua *items* peralatan senjata, banyak *items* yang telah ditolak oleh negara-negara lain tetapi kita membeli kerana kita yakin bahawa bukan hanya penilaian mereka menjadi satu faktor yang boleh mendorong kita membuat keputusan dan kita harus ada penilaian kita sendiri untuk membolehkan kita memperlengkapkan angkatan tentera Malaysia. Saya, bila dia senyum ini saya rasa okeylah sedikit dan saya rasa selesai dan dengan mengenai cadangan daripada Tebrau tadi Tuan Pengerusi,

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: MIO, MIO!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Oh! MIO, mengenai dengan MIO Yang Berhormat sebutkan tadi, sebetulnya MIO yang telah bersara kita tidak boleh paksa mereka untuk terlibat daripada mana-mana pihak. Untuk yang masih berkhidmat dia di bawah jagaan dan kawalan pihak Kementerian Pertahanan kita bayar gaji mereka dan mereka melaksanakan perisikan daripada semua sudut daripada masalah sosial, masalah pertahanan, keselamatan negara dan juga ketenteraman awam yang ada di negara kita dan mereka di bawah jagaan kita tetapi yang dahulu seperti Yang Berhormat sebutkan yang bersara itu terserah kepada mereka sama ada mereka ingin melibatkan diri dalam UMNO kah, dalam PAS kah, kita tidak boleh halang kerana mereka adalah orang yang bebas untuk melibatkan diri dalam mana-mana badan.

Dalam perkara yang ditimbulkan oleh Tebrau tadi, mengenai dengan penempatan peralatan di Johor ini kita tidak perlu sebutlah mana hendak tempatkan ...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Baik, baik, saya faham!

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini adalah merupakan strategi kita hendak letak di mana, macam Saddam Hussein, kita tahu apa benda yang ada dengan Saddam Hussein yang penting kita berupaya untuk mempertahankan negara kita dan saya bagi keyakinan bukan semudah seperti apa yang diperkatakan oleh pihak-pihak lain bahawa mereka boleh *attact Malaysia within hours* dan bukan semudah itu dan kita dapat melihat di Iraq dengan pasukan bala tentera satu orang sahaja yang duduk belasah dia sampai lima orang dengan tembakan kuasa yang begitu kuat.

Saya rasa saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya berkesempatan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM855,533,780 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM855,533,780 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

**Maksud B.26 [Jadual] –
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 2002] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

2.32 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud P.26 dan ingin menyeru supaya kerajaan melayan semua jenis sekolah dalam negara kita dengan adil. Oleh kerana bukan sahaja sekolah terutama sekali SJK(C) dan SJK(T) menghadapi kekurangan sekolah, tetapi juga menghadapi masalah kekurangan guru dan juga mereka sentiasa membuat rungutan tentang ketidakadilan dalam pengagihan peruntukan pembangunan.

Mengikut satu jawapan yang diberikan kepada saya oleh kementerian, kementerian telah mengesahkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak enam buah SJK(C) akan dibina. Ini adalah satu pengesahan dan manifestasi bahawa polisi kerajaan adalah tidak adil dan ia memang berbau diskriminasi. Oleh kerana ini telah jelas menentang cogan kata kerajaan sendiri yang pernah dikatakan oleh Menteri Pendidikan bahawa dia akan melayan semua jenis sekolah dengan adil. Jadi, ini nampaknya adalah cakap tidak serupa bikin.

Ini juga telah jelas menentang keputusan kabinet pada 21 Februari 2001 di mana dia telah memutuskan akan membina semua sekolah mengikut keperluan. Ini telah didedahkan oleh Setiausaha Agung MCA. Kalau ini tidak benar ini bermakna bahawa semua akbar terutama sekali saya rasa kalau tidak silap semua akhbar Cina yang telah menjadikan pendedahan sebagai tajuk utama adalah salah. Tetapi kalau ini benar ini bermakna bahawa kalau membina enam buah itu memang tidak munasabah langsung.

Tuan Pengerusi, daripada tahun 1968 sehingga tahun 2000 sebanyak 2,637 buah sekolah kebangsaan telah dibina. Kalau kita mengambil sekolah yang telah ditambah dan jumlah murid yang ditambah, ini bermakna bahawa setiap penambahan 558 orang murid, sebuah sekolah kebangsaan akan dibina. DAP tidak bantah keputusan kerajaan untuk membina beberapa buah pun sekolah kebangsaan, cuma kita minta supaya permintaan yang munasabah daripada sekolah-sekolah lain seperti sekolah jenis kebangsaan SJK(C) dan juga SJK(T) dilayan dan diterima.

Oleh kerana kalau kita meminta atau mengira dengan nisbah itu iaitu 588 *students to one school* iaitu dalam pembinaan sekolah kebangsaan, ini bermakna bahawa sekolah SJK(C) yang perlu dibina ialah 527 iaitu dalam tahun 1957, jumlah murid adalah 310,000 dan pada tahun 2000 angka itu telah meningkat menjadi 620,000 orang. Jadi, sebenarnya kalau mengikut nisbah itu, jumlah sekolah yang harus dibina untuk SJK(C) adalah 527 buah. Tetapi pada tahun 1999 dalam memorandum yang telah dihantarkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh Dong Jiao Zhong dalam kes yang *urgent*, mereka hanya meminta membina 13 buah di Selangor; di Johor – 10; dan di Kuala Lumpur - 6 buah. Akhirnya kerajaan cuma membenarkan di Selangor - 5 buah, di Johor - 1 buah, dan di Kuala Lumpur - 0.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalannya bahawa semua kaum tidak boleh dapat apa yang mereka ingat harus dapat dan semua kaum harus membuat pengorbanan. Masalahnya ialah bagaimana kita laksanakan konsep ini. Adakah apa yang telah diminta oleh Dong Jiao Zhong ini satu permintaan yang melampau? Adakah munasabah bagi kerajaan untuk membina enam buah sekolah baru sahaja bagi SJK(C)?

Saya juga ingin membawa satu perkara iaitu di mana Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah dipaksa selama empat semasa beliau menuntut di UIA untuk memakai tudung. Ini adalah satu negara majmuk, ada satu universiti yang memaksa semua penuntut wanitanya memakai tudung. Saya terkejut bila saya diberitahu tadi. Batu Gajah sendiri pakai tudung selama empat tahun. Jadi, saya minta kerajaan masuk

campur memberhentikan. Ini juga termasuk Politeknik Ungku Omar di Ipoh, murid-murid dipaksa membeli baju kurung satu set RM60.00 dan tiap-tiap hari Jumaat terpaksa pakai. Di Melaka ada sekolah yang cuba buat, saya halang, tetapi principal sudah undur, kata ini tidak bikin lagi. Tetapi di Politeknik Ungku Omar masih buat. Di UIA semua orang Islam dan bukan Islam dipaksa pakai tudung. Jadi, inilah yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *hijacking of the system in our country*.

Jadi, saya harap Yang Berhormat yang ada di sini [*memandang Senator Datuk Aziz Shamsuddin*] orang yang kuat sekali dalam UMNO - boleh ambil tindakan tegas terhadap apa yang telah berlaku ini terutama sekali di UIA dan di Politeknik Ungku Omar.

Satu perkara yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada satu laporan akhbar Sin Chew Jit Poh di mana seorang Timbalan Menteri telah bercadang supaya SJK(T) ditutup. Saya tahu MIC akan melenting, tetapi pagi tadi pemimpin DAP telah membuat laporan polis, saya harap polis akan menyiasat menyeluruh oleh kerana kata-kata ini telah melanggar Akta Hasutan 1948. Tidak kira apa pun sebabnya beliau meminta sekolah ini ditutup, tetapi kalau minta tutup, memang kita tidak boleh terima sebab ini memang tidak menjaga perasaan komuniti lain. Saya tahu bahawa Timbalan Menteri itu ada hak untuk menukar namanya, tidak apa. Kalau K. V. Subramanian menjadi 'Kaveas' itu terpulang pada dia. Dia tidak jaga identiti dia, dia tidak bangga tak apa. Dia tukar nama kita tahu tetapi jangan tidak jaga perasaan komuniti lain.

Jadi, ini saya rasa tidak harus dikeluarkan oleh seorang Timbalan Menteri yang merupakan seorang anggota pentadbiran kerajaan. Saya menyeru supaya walaupun saya tahu apa yang dia katakan adalah oleh kerana sekolah-sekolah SJK(T) ini kekurangan *facilities*, Kalau dia adalah seorang yang bertanggungjawab haruslah dia meminta supaya kerajaan mengagihkan wang cukup untuk membangunkan sekolah-sekolah ini oleh kerana itu memang tanggungjawabnya sebagai anggota kerajaan dan bukan minta supaya tutup.

Ini bukan kali pertama. Kalau saya tidak silap bulan lalu juga beliau minta supaya kerajaan laksanakan satu sistem aliran pendidikan. Jadi, ini memang bercanggah dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan kita dan ia juga melanggar hakikat bahawa Malaysia adalah satu masyarakat majmuk. Saya harap orang yang kuat boleh ambil tindakan juga meminta beliau menarik balik kata-katanya.

Walau bagaimanapun, saya juga minta supaya polis mengambil tindakan yang sesuai oleh kerana saya kata tadi pemimpin pemuda DAP telah buat satu laporan, oleh kerana ini merupakan kali yang kedua beliau telah membuat ucapan yang tidak sesuai langsung dengan keadaan masyarakat kita.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya juga mintalah supaya apabila kerajaan mengkaji semula sistem pendidikan iaitu sekolah kebangsaan di Malaysia, kenalah faham hakikat iaitu Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang pertama. Yang kedua, iaitu adalah tanggungjawab kerajaan untuk membina *hardware* di sekolah-sekolah tetapi pilihan terpulang kepada ibu bapa sama ada mereka hendak hantar ke sekolah kebangsaan SJK(C) atau SJK(T) ini bukan ditentukan oleh kerajaan. Kalau kerajaan tidak faham prinsip-prinsip ini maka akan membawa masalah yang besar kepada masyarakat kita.

Jadi, saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Mambong.

2.40 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam Maksud P.26 saya ingin menyentuh butiran 00204 iaitu yang berkaitan dengan matrikulasi. Memang baik dan patut bagi kerajaan untuk membina banyak lagi kolej-kolej matrikulasi bagi membantu pelajar-pelajar bumiputera yang cerdik dalam bidang sains ke peringkat pra-University. Tetapi setakat ini daripada kawasan saya, ramai yang dihantarkan ke kolej matrikulasi ini di Labuan.

Pada hari Sabtu yang lepas lebih daripada 10 orang mereka yang akan berangkat ke Labuan datang meminta duit untuk membayar tambang mereka ke Labuan dan juga untuk membayar yuran semesta pertama yang diwajibkan, kata mereka. Tambang pesawat sudah RM200 lebih dan yuran semesta pertama ialah RM609. Kenapa menghantar pelajar-pelajar dari Sarawak atau dari Kuching ke Labuan? Tidak adakah Kolej Matrikulasi di Kuching? Kalau tidak cukup kolej matrikulasi di Kuching, saya mohon pihak kementerian untuk membina banyak lagi kolej matrikulasi di Kuching dan di seluruh Sarawak agar pelajar-pelajar dari Sarawak yang kurang berupaya ataupun yang miskin itu boleh belajar di Sarawak, bukannya hantar ke tempat-tempat yang jauh. Mereka ini ramai dari kawasan luar bandar seperti kawasan saya iaitu kawasan Mambong dan mereka ini memanglah betul-betul pelajar miskin. Jadi untuk membantu mereka juga, saya mohon agar kementerian menyediakan tambang dan yuran semester mereka.

Memang saya tahu selepas mereka sampai di kolej, semuanya ini ditanggung oleh kementerian, tetapi kalau mereka sudah dipilih, berilah tambang mereka dan juga jangan biarkan mereka membayar yuran semester pertama yang mereka baru masuk. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

2.46 ptg.

Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam B.26 dan P.26 serentak.

Tuan Pengerusi: B.26

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya merujuk kepada Butiran (Projek) 02100 – Universiti Teknologi MARA. Sememang kita maklum bahawa UiTM ini ditubuhkan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru di mana penumpuannya ialah untuk meningkatkan pendidikan bumiputera khususnya orang Melayu dan selepas dipinda sehingga sekarang, dasar ini masih tidak berubah.

Saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang menyentuh secara langsung mengenai UiTM, pertama ialah mengenai penubuhan Fakulti Perubatan yang dirancang sejak tahun 1995 sehingga sekarang ini masih lagi tidak ada apa-apa persediaan dilakukan oleh UiTM, walaupun mengikut kenyataan siaran akhbar yang dibuat oleh Timbalan Menteri Pendidikan sendiri yang ada di sini bahawa Fakulti Perubatan ini akan dibentuk dengan seberapa segera dan kenyataan yang dibuat oleh Canselor sendiri akan mengambil pelajarinya pada tahun ini. Tetapi tinjauan yang saya buat di UiTM sehingga sekarang perkembangan Fakulti Perubatan di UiTM tidak ada apa-apa kemajuan.

Yang kedua mengenai UiTM juga mengenai Pusat Pendidikan Islam. Seperti mana kita maklum bahawa Pusat Pendidikan Islam ini ialah salah satu elemen penting dalam keseluruhan sistem pendidikan di UiTM di mana pelajar-pelajar diwajibkan mengambil mata pelajaran ini sebagai satu pelajaran teras untuk membentuk sahsiah dan peribadi pelajar-pelajar.

Tetapi akhir-akhir ini Pusat Pendidikan Islam di UiTM ini berlaku sedikit kekecohan apabila Ketua Pusat Pendidikan Islam itu sendiri tidak dilantik dari kalangan pensyarah-pensyarah atau profesor-profesor dari fakulti yang berkaitan iaitu dilantik dari Fakulti Pentadbiran Awam. Ini menyebabkan berlaku keresahan dan kegelisahan di kalangan pensyarah-pensyarah dan tenaga pengajar di Pusat Pendidikan Islam di Universiti ini. Saya berharap Timbalan Menteri Pendidikan yang ada di sini dapat memberikan perhatian sedikit, supaya Pusat Pendidikan Islam yang telah terbukti memberi sumbangan besar kepada perkembangan pendidikan UiTM ini tidak terjejas.

Yang ketiga Tuan Pengerusi ialah mengenai Universiti Islam Antarabangsa. Saya difahamkan bahawa ISTEK yang dahulunya ditubuhkan terpisah sebagai satu institut yang mempunyai kuasa autonomi sendiri berkembang dan telah memberi sumbangan besar kepada pemikiran Islam di Malaysia untuk menjayakan dasar-dasar kerajaan dari segi penyelidikan, terutama sekali dari segi penerapan Islam dan yang selaras dengan dasar-dasar negara pada waktu itu.

Saya difahamkan akhir-akhir ini ISTEK telah dimasukkan semula di bawah Universiti Islam Antarabangsa. Saya ingin tahu apakah alasan dan rasionalnya kenapa

ISTEC yang dahulunya diberi kuasa autonomi secara tersendiri, sekarang diletakkan semula di bawah Universiti Islam Antarabangsa.

Saya juga difahamkan bahawa selepas saya membuat tinjauan di ISTEC, ada kegelisahan dan keresahan di kalangan profesor-profesor dan kakitangan ISTEC kerana perubahan ini adalah mahu tidak mahu akan menjejaskan perkembangan ISTEC itu sendiri. Saya minta kalau dapat kerajaan mesti memberi penjelasan dengan jelas kenapa berlaku perubahan secara mendadak.

Yang keempat Tuan Pengerusi mengenai Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya minta walaupun berlaku beberapa perubahan dari segi pendidikan negara akhir-akhir ini, oleh kerana penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia ini adalah secara dasarnya untuk melaksanakan Bahasa Melayu itu sebagai bahasa penghantar dan bahasa ilmu walaupun berlaku perubahan. Saya minta supaya dasar ini mesti diperkukuhkan lagi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia supaya akhirnya universiti ini menjadi satu universiti yang benar-benar mencerminkan identiti dan maruah Malaysia itu sendiri untuk memperkukuhkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dan bahasa ilmu di Malaysia ini. Saya mencadangkan supaya Universiti Kebangsaan Malaysia mesti mengadakan banyak hubungan dengan universiti-universiti lain di Asia ini seperti universiti-universiti di Indonesia misalnya. Sebab jika sekiranya kita meninjau perkembangan universiti di Indonesia barangkali kita akan dapat suatu kekuatan baru untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa penghantar di pusat pengajian tinggi ini.

Saya rasa dengan empat perkara ini saya berharap dapat diberi penjelasan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bagi Arau. Lepas itu kementerian akan menjawab.

2.52 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh perkara B.26 di bawah Kementerian Pendidikan. Saya mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kerana ini adalah merupakan satu usaha yang boleh mewujudkan pelajar-pelajar kita yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Saya dimaklumkan Tuan Pengerusi bahawa guru-guru Sains dan Matematik yang mana mereka diminta untuk mengajar bahasa Inggeris baru-baru ini telah dibekalkan dengan komputer laptop. Ini adalah satu usaha yang amat dialu-alukan. Mereka juga dibayar elaun iaitu guru ijazah diberi 5% daripada jumlah gaji dan tidak berijazah 10% dari jumlah gaji yang mereka terima.

Ini menunjukkan komitmen kerajaan yang begitu bersungguh-sungguh untuk melaksanakan dasar yang mendapat tentangan daripada sebahagian kecil masyarakat kita tetapi suara tentangan ini agak lantang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap di atas Kepala apa itu?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Perkara 26 Emolumen.

Tuan Pengerusi: Hmm..... emolumen.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, berkaitan dengan gaji.

Tuan Pengerusi: Hmm.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, ini perkara guru Tuan Pengerusi. Saya membangkitkan soal guru dan gaji guru.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Nanti sekejap. 26...

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Hmm?

Tuan Pengerusi: P or B Yang Berhormat?.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Aaaaa.....

Tuan Pengerusi: P atau B?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Di bawah P atau B? Bekalan ataupun Perbelanjaan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: B.

Tuan Pengerusi: B.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya.

Datuk Mohd. Zain bin Omar: Bekalan, Bekalan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, Bekalan. B.26. Bekalan Tuan Pengerusi. Mengenai emolumen ataupun gaji.

Tuan Pengerusi: Saya tidak ada. Tidak nampak pun Yang Berhormat. Tidak nampak pun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Aaaa.....B.26 Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak adalah saya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Muka surat 12 Kertas Perintah 2A.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Tambahan sebanyak RM394 juta itu?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: RM394 juta.

Tuan Pengerusi: Ya, ada untuk menampung perbelanjaan emolumen laporan keputusan kerajaan.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya. Tambahan sebanyak RM394,965,983.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila Yang Berhormat, ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Hmm.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memberikan elaun tambahan ini amat dialau-alukan. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian kerana dari segi pelaksanaannya cuma guru-guru yang telah mengikuti kursusnya yang akan dibayar elaun sebagaimana yang telah diputuskan. Bagi guru-guru yang belum mengikuti kursus, mereka tidak dibayar elaun padahal guru-guru ini bukan mereka tidak mahu mengikuti kursus tetapi giliran mereka belum sampai dan mungkin kemampuan pihak Kementerian Pendidikan belum lagi dapat menampung keseluruhan guru-guru ini untuk mengikuti kursus.

Saya fikir keputusan ini harus dikaji semua oleh kementerian kerana kesanggupan guru-guru untuk menerima saranan kerajaan ini harus dipertimbangkan dan mereka ini pada pandangan saya haruslah semuanya diberikan elaun sebagaimana yang dijanjikan. Kursus boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat kalau kementerian mampu menghantar kursus, boleh hantar kursus semua sekali dan mereka dibayar kerana jika ada separuh dibayar dan separuh tidak dibayar, ini akan menimbulkan rasa yang tidak senang hati di kalangan guru-guru padahal mereka adalah di antara yang menyokong dasar kerajaan. Kecuali yang tarik diri.

Tuan Pengerusi, mereka yang menarik diri tidak mahu menjadi guru dalam mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris ini jika mereka tidak diberi elaun, maka saya rasa adalah tepat. Tetapi bagi mereka yang sanggup, mereka seharusnya dipertimbangkan elaun ini. Begitu juga bagi setengah-setengah sekolah, ada guru-guru Sains yang tidak sanggup untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Sekolah ini terpaksa mengambil guru-guru lain yang berkemampuan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Syarat ini juga mengatakan bahawa mereka yang mengajar Sains dan Matematik hendaklah mempunyai pengalaman tiga tahun baru elaun diberikan. Ini juga saya rasa tidak patut diadakan peraturan yang sedemikian, kerana guru ini sanggup mengajar Sains dan Matematik walaupun ia merupakan bidang baru. Tetapi saya percaya ia mempunyai kelayakan dan kebolehan sebab itu ia dipilih oleh sekolah yang berkenaan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pendidikan, tugas guru biasanya pihak Kementerian Pendidikan menetapkan guru bertugas daripada pagi sehingga tengah hari ataupun sehingga petang dan guru bertugas mengawasi pelajar-pelajar di sekolah sahaja.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pendidikan kerana dengan masalah sosial yang berlaku hari ini, supaya guru dipertanggungjawabkan mengikut masa bukan lokasi. Ini bererti apabila seorang guru itu bertugas, ia bukan sahaja bertugas di sekolah, tetapi ia boleh bertugas juga di luar sekolah untuk menyiasat mana-mana pelajar-pelajar yang tidak datang ke sekolah. Pada hari ini kita dapati guru boleh menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang ponteng, pelajar-pelajar yang pergi main *video game* ataupun pelajar-pelajar yang ponteng daripada sekolah, guru-guru berkenaan, guru-guru yang bertanggungjawab cuma bertanggungjawab di sekolah tetapi tidak di luar sekolah. Ini saya hendak dapat komen daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian dapat ataupun telah pun mengadakan peraturan yang sedemikian.

Yang ketiganya Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian mengenai guru-guru agama. Saya dimaklumkan oleh sebahagian daripada ibu bapa dan juga ada guru-guru bahawa guru-guru agama yang mengajar di sekolah-sekolah penuh kerajaan, ada di antara mereka yang telah pun menyalahgunakan masa dan juga peranan sebagai guru agama di mana semasa mengajar mereka lebih banyak membincangkan isu-isu semasa dalam masa 45 minit kalau saya tidak silap masa untuk mengajar agama ini dan ini akan melemahkan ataupun memberikan impak yang tidak baik kepada pelajar-pelajar di mana pelajar-pelajar ini akan kerugian dari segi mereka untuk menerapkan kefahaman agama Islam.

Hari ini kita tahu kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk melahirkan orang-orang Melayu yang beragama Islam yang benar-benar menghayati dan juga memahami ajaran agama bukan sahaja sekadar dari segi fardu ainnya, tetapi juga kita hendak melihat, supaya kita juga memberikan penekanan kepada fardu kifayah sebagai satu usaha untuk kita mempertahankan umat Islam supaya kita menjadi umat yang ada ketahanan dan juga umat yang maju, berjaya di dunia dan akhirat.

Jadi saya minta supaya pihak kementerian boleh memantau keadaan ini dan guru-guru agama yang sedemikian saya berharap akan diberikan kursus, diberikan pendekatan supaya usaha-usaha yang diharapkan oleh kerajaan ini dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin bertanya mengenai pembangunan universiti KUKUM (Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia), ini adalah sebuah universiti yang memang diperjuangkan oleh Kerajaan Negeri Perlis, Perlis merupakan negeri yang kecil, kita mempunyai kurang sumber-sumber ekonomi. Telah menjadi hasrat kepada rakyat negeri Perlis dan juga Kerajaan Negeri Perlis untuk menjadikan Perlis sebagai sebuah negeri ilmu.

Oleh yang demikian, kita amat berterima kasih apabila kerajaan telah pun memulakan usaha-usaha untuk mewujudkan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, pelajar-pelajarnya kumpulan pertama pun telah pun diambil. Tetapi kebimbangan yang ingin saya utarakan di sini, dengar-dengar khabarnya bahawa kementerian kekurangan peruntukan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian di Dewan yang mulia ini, dan juga saya berharap kepada kementerian supaya Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia boleh diberikan keutamaan kerana mereka telah pun beroperasi dan hari ini beroperasi dalam keadaan yang cukup minimum dari segi infrastrukturnya,

Sungguhpun demikian, saya merasa amat kagum dengan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia ini dalam masa yang singkat, mereka telah dapat

mengadakan kampus sementara, tetapi kampus sementara ini kalau dibiarkan sementara, sehingga sekian lama, saya fikir ia akan menjejaskan pembangunan Kolej Universiti itu sendiri, dan juga akan sedikit sebanyak mengecewakan kita di negeri Perlis, di mana Perlis kita melihat bahawa industri pendidikan adalah sebagai satu industri yang boleh memberikan pemangkin kepada pembangunan ekonomi negeri Perlis.

Saya rasa setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk berucap dalam Maksud B.26 Kementerian Pendidikan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

3.02 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd.

Khir]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang membincangkan mengenai dengan Kementerian Pendidikan dan juga segala macam cadangan telah dikemukakan, kita tetap memberikan perhatian dan pada keseluruhannya, Tuan Pengerusi, saya lihat tidak ada bangkang supaya kita tidak terima wang tambahan ini tadi.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengenai pembinaan sekolah baru yang tidak adil, kerana SJK(C) kurang dibina berbanding dengan sekolah kebangsaan, ingin kita beritahu di sini, dasar pembinaan sekolah-sekolah baru adalah menjadi keutamaan kita. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat Kota Melaka prihatin tentang perkara ini, *emphasis* kita, fokus kita ialah untuk mendirikan sekolah-sekolah di luar bandar. Oleh kerana itu, jadi kita tidaklah untuk mengatakan bahawa kita tidak membina SJK (C).

Pada keseluruhannya, SJK (C) yang kita lihat kebanyakan adalah sekolah yang sudah *established* dan sekolah yang terdapat di kawasan-kawasan bandar, oleh itu janganlah berpandangan serong untuk mengatakan bahawa kita tidak memberi apa-apa peruntukan ataupun keutamaan kepada SJK(C) seperti mana yang sudah disenaraikan di dalam Akta Pendidikan kebangsaan kita.

Walaupun bagaimanapun, SJK (C) yang baru dalam Rancangan Malaysia Yang Kelapan tetap dibina, tetapi memanglah ia tidak sebanyak yang diharapkan seperti katakanlah kalau 50 buah sekolah kebangsaan, kita tidak letak 50 buah SJK(C), yang ini kita kena beri di mana prioritinya, kalau kita kata sekolah luar bandar, kita beri keutamaan sekolah luar bandar. Jadi, dalam hal SJK (C) dan SJK (T) juga, kita sekarang ini telah mengemukakan konsep sekolah wawasan, jadi tidak kenalah untuk mengatakan bahawa kita tidak membina SJK (C).

Jadi, sekolah yang SJK (C) yang sudah sedia ada, malah kalau pertambahan pelajar, kita selalu memberi pertimbangan untuk menambah bangunan-bangunan dan juga segala macam kemudahan bagi anak-anak ini dapat memasuki ke sekolah-sekolah tersebut.

Mengenai dengan isu pemakaian tudung bagi pelajar UIAM

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini, bagaimana kerajaan membuat kriteria, menentukan bahawa hanya enam buah SJK (C) dibina, apakah kriteria yang digunakan oleh kerana masalah ini berlarutan, ada murid-murid yang kena bangun pukul 5.00 pergi jauh sekolah di tempat lain oleh kerana dekat dengan rumah sekolah telah penuh. Ada orang yang tidak dapat pergi sekolah, tidak hendak pergi jauh, dia terpaksa kena pergi sekolah kebangsaan, ini bukanlah satu keadaan yang patut wujud dalam Malaysia.

la memang ada banyak masalah, tetapi saya hendak tahu sahaja, bagaimana kerajaan mempertimbangkan permintaan daripada Dong Jiao Zhong sehingga hanya enam buah sahaja dibina.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berkali-kali tekah saya nyatakan di dalam Dewan ini bahawa kita tidak mengabaikan pembinaan SJK (C), tadi sudah saya katakan SJK (C) juga hari ini kalau kita yang tubuh ialah dengan konsep sekolah wawasan. Sekolah wawasan bukan kita campur sekolah kebangsaan dengan sekolah jenis kebangsaan sekali, tetapi kita wujudkan dalam satu kompleks dan dahulu juga Yang Berhormat begitu bangkitkan mengenai dengan integrasi. Jadi, apabila kita mengambil pendekatan ini, Yang Berhormat kata kita juga tidak mengambil berat tentang soal integrasi.

Begitu juga dengan soalan Yang Berhormat mengenai dengan enam buah tadi, apa kriteria. Kita memang ada kriteria-kriteria yang tertentu, macam saya katakan tadi, saya telah sebut, saya tidak mahu kata Yang Berhormat terus mengatakan kepada saya, kita tidak membina, kenapa enam, kenapa tidak sepuluh, kenapa tidak 50.

Itu bukan soal angkanya, soalnya sekolah yang ada di bandar-bandar, kebanyakan adalah SJK (C) saya rasakan, kadangkala ada orang hendakkan juga sekolah itu, dia tak mahu, walaupun dia pergi sampai 20 batu sekali pun, dia pilih sekolah itu, pada hal sekolah yang terdekat ada pun dia tak hendak.

Ini saya tahu, Yang Berhormat saya tahu macam Kuala Lumpur ini terutama sekali di Lembah Klang, mereka pilih mati-mati hendak sekolah itu juga, jadi mereka tidak mahu pilih sekolah yang terdekat dengan rumah mereka. Kita ada sekolah kebangsaan, kita ada sekolah SJK (C) ada di sesetengah tempat, tetapi mereka pilih hendakkan sekolah yang katanya ada nama.

Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat perlulah memberi sedikit ruang kepada kita dalam soal dan saya tidak mahu bangkit lagi mengenai itu, untuk katakan kita tidak bina SJK (C) kita bina, tetapi jangan kata ini desakan Dong Jiao Zhong yang mengatakan kita hendak itu, hendak ini, kenapa tidak ini.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Minta maaf Yang Berhormat, saya hendak jawab banyak lagi perkara Yang Berhormat bangkit iaitu mengenai dengan isu tudung. Mengenai dengan isu tudung, memakai tudung di UIAM bagi pelajar perempuan hanya diwajibkan kepada pelajar-pelajar perempuan yang beragama Islam sahaja. Bagi pelajar-pelajar perempuan bukan Islam, mereka tidak diwajibkan memakai tudung. Walau bagaimanapun, mereka digalakkan, digalak itu tidak menjadi bermakna mereka dipaksa, hendak pakai – pakai, kalau tak pakai pun tidak mengapa. Jadi, jika mereka memakai tudung itu adalah atas kerelaan mereka. Macam saya berkali-kali saya sebut di sini, tidak ada arahan yang mewajibkan melainkan adalah untuk pelajar-pelajar perempuan beragama Islam sahaja.

Mengenai dengan

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau pelajar-pelajar ada membuktikan memang ada paksa bagaimana, dia kena paksa dia menuntut selama empat tahun di UIA, dia kena paksa pakai tudung.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey! kalau ada paksa, bawa surat paksaan itu - kalau itu dipaksa. Saya rasa ini soal paksa dan digalak berbeza.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya harap kedua-dua, cukuplah, cukuplah, biarlah.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Biarlah, Yang Berhormat, sila teruskan jawapan ya.

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat bangun tidak ada kebenaran. Ya, duduklah dahulu, apa hendak bangun, bangunlah mengikut Peraturan ya.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Nantilah, mintalah penjelasan daripada dia, ya Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Tak! Ya, Batu Gajah hendak bertanya apa dia?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, telah saya katakan tidak ada paksaan, sekiranya ada surat arahan sila kemukakan kepada saya, sila kemukakan sekiranya ada surat yang mengarah, yang mewajibkan, kalau dia kata 'dialakkan' itu lain. Ya, Yang Berhormat Batu Gajah. Sila.

Tuan Pengerusi: Hmm.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Keadaan itu memang benar, keadaan di Universiti Islam Antarabangsa, semua pelajar mesti menutup aurat, memakai tudung, itu adalah satu realiti yang berlanjutan sekian lama sehingga sekarang.

Jadi, pada pendapat saya, kalau kita mahu orang ramai mempunyai persepsi yang betul berkenaan Islam, tidak harus ada perkara sedemikian berlaku di Universiti Islam Antarabangsa. Ada pelajar yang enggan menghadiri konvokesyen masa saya itu, di Putra World Trade Centre, kerana dia tidak hendak gambar mereka ya, bertudung, itu realitinya. Yang Berhormat jangan kata apakah ada peraturan bertulis semua, keadaan itu kebenaran di sana, semua pelajar mesti menutup aurat.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat Batu Gajah, cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: Ini termasuk

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Jangan buat ucapan Yang Berhormat Batu Gajah, cukuplah. Sudah cukuplah sudah faham dah itu. Sudah faham dah itu, ya, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Pengerusi, sebenarnya soal aurat ini memang perbincangan ini tidak habis-habis. Memang tidak ada penyelesaian baginya, tetapi inilah sebaik-baiknya yang kita beri, yang mana saya kata yang bukan Islam kita galak, boleh jadi mereka memakai itu, dia rasa dia paksa diri dia, tak usahlah paksa diri. Itu bagi saya, saya telah katakan tadi, Tuan Pengerusi, kalau ada surat arahan yang sedemikian rupa, mewajibkan penuntut bukan Islam memakainya, saya kata sila buktikan dengan surat arahan itu, bawa kepada saya, saya sanggup mengambil tanggungjawab itu kepada diri saya.

Tuan Pengerusi: Hah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak usahlah kata gitulah, ginilah, tidak perlu, ini semuanya hendak gunakan *mileage*, *political mileage* murahan ini semua. Tidak perlu.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini saya harap suara Yang Berhormat dari Kota Melaka, tidak perlulah. Saya tidak beri jalan, tidak ada dah, terima kasih.

Yang Berhormat Kota Melaka, ini lagi saya hendak jawab ini, menyarankan kerajaan supaya menyemak semula sistem pendidikan. Kerajaan tidak pernah menghalang ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke mana-mana jenis sekolah sama ada SK atau SJK (C) atau SJK (T). Sebagai tanggungjawab untuk mengamalkan demokrasi, kita beri pilihan kepada ibu bapa, ibu bapa boleh pilih yang mana mereka hendak hantar anak-anak mereka ke sekolah mana, tetapi kita berhadapan dengan segala macam had di mana ada sekolah yang penuh melimpah terpaksa kita beri. Itu sahaja, Yang Berhormat.

Jadi, paksaan lagi tidak ada timbul. Begitu juga Yang Berhormat Kota Melaka juga membangkitkan perkara pemakaian tudung di Politeknik Ungku Umar. Tengok, bangkit lagi tudung. Isu tersebut

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka. Tolonglah, tolonglah, kalau hendak bangun, bangunlah ya. Ya!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, ya, okey, tudung dan baju kurung pun ada. Okey. Isu tersebut Yang Berhormat

Tuan Pengerusi: Baju kurung sahaja Yang Berhormat, baju kurung sahaja, bukan tudung ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okey. Isu tersebut saya beritahu di sini siang-siang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa telah pun selesai. Jadi, jangan timbul sebagai isu sekali lagi dan memang kita galakkan. Macam saya katakan tadi, Tuan Pengerusi, ingat di sini, kita lihat banyak orang pada hari Jumaat bukan Islam terutama sekali pakai baju kurung, kita tidak paksa, adakah ini arahan daripada Kerajaan Malaysia?

Jadi, saya teruskan kepada Yang Berhormat Mambong, telah mencadangkan pembinaan Matrikulasi Kuching, Sarawak bagi membantu pelajar luar bandar belajar berdekatan. Buat masa ini iaitu pembangunan sekolah ataupun Kolej Matrikulasi memerlukan perancangan yang teliti memandangkan ianya menelan peruntukan yang besar. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan masih membangunkan dan membinakan kolej-kolej itu bergantung kepada keperluan dan bilangan pelajar.

Jadi, dalam hal ini, kita sedang menilai keberkesanan. Jadi, kita masih teruskan, tidak ada kita henti di mana-mana, tetapi kita hendak juga menilai kolej-kolej yang sudah kita ada itu untuk melihat lagi sekali keberkesanannya supaya apabila dibina tadi, ia akan bertambah menjadi berkesan kepada anak-anak muda kita.

Di sini saya ingin menyatakan juga cadangan Yang Berhormat bagi Tambun tempoh hari. Kita memandangkan pandangan Yang Berhormat bagi Tambun itu secara serius. Jadi, pandangannya hendak mewujudkan kolej-kolej matrikulasi itu di satu-satu kawasan sekiranya ada dua kawasan yang berdekatan, jadi kita memilih kawasan dan tapaknya sekali.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu membangkitkan mengenai dengan perkembangan penubuhan Fakulti Perubatan di UiTM. Buat masa ini Kementerian Pendidikan telah pun meluluskan kurikulum untuk Fakulti Perubatan di UiTM. Pihak UiTM juga diminta untuk memantapkan lagi kurikulum tersebut supaya pelajar-pelajar lepasan Fakulti Perubatan UiTM nanti lebih bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi pada masa ini.

Jadi, kita hendak Fakulti Perubatan betul-betul fakulti perubatan yang unggul di negara kita. Kita tidak hendaklah nanti orang kata pula Fakulti Perubatan UiTM tadi *second class, third class*. Kita tidak hendak. Kalau kita hendak buat, buat betul-betul. Macam Fakulti Perubatan di USM misalnya yang mana adanya cawangan di Kota Bharu. Kita hendak mantap macam itu.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai dengan pelantikan Pengarah Pusat Pendidikan Islam UiTM, bukan di kalangan tenaga pengajar Pendidikan Islam. Pengarah Pusat Pendidikan Islam yang dilantik walaupun bukan dari tenaga pengajar pendidikan Islam tetapi beliau mempunyai asas pendidikan Islam yang kuat. UiTM telah menamakan calon tersebut adalah layak untuk memegang jawatan selaras dengan keperluan di UiTM.

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya membangkitkan soalan ini kerana di Pusat Pendidikan Islam ini yang telah berkembang sejak tahun 1980 sehingga sekarang dan mempunyai pensyarah-pensyarah dan profesor-profesor yang mempunyai kelayakan yang cukup. Tiba-tiba dengan

membawa masuk daripada fakulti lain adakah ini tidak mempunyai motif-motif politik seperti mana yang saya katakan tadi?

Yang kedua, perlantikan ini ada kaitannya dengan pertukaran dua puluh orang pensyarah Pusat Pendidikan Islam dari di UiTM Cawangan Jangka ke cawangan-cawangan lain ini juga adalah bermotifkan politik kerana dianggap bahawa pensyarah-pensyarah di Pusat Pendidikan Islam ini ialah tidak memberi sokongan kepada Barisan Nasional. Ini adalah sebenarnya satu anggapan daripada pihak pengurusan UiTM sendiri.

Saya minta penjelasan. Apakah pertukaran ini dan perhatian ini tidak bermotifkan politik seperti mana anggapan dan persepsi pensyarah-pensyarah di Pusat Pendidikan Islam itu sendiri?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, sebenarnya kita tidak ada niat, tidak ada motif penyokong politik partisan. Kalau kita hendak ikut parti mana, parti mana, sudah lama sudah kita buang, ramai orang sudah kita boleh buang. Tetapi kita tidak buang, kita berdasarkan kepada kehendak akademik, jadi kita lantik seseorang itu kepada kehendak akademik dan kehendak pengurusan di satu-satu pusat ataupun jabatan ataupun fakulti.

Kita tidak ada pun niat politik. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat ada anggapan itu dan Yang Berhormat kata setiap apa yang kita buat semuanya ada perkiraan politik. Tidak ada. Kalau kita ada perkiraan politik macam itu, saya rasa, Yang Berhormat semasa UiTM dahulu, sudah lama kita buang. [*Ketawa*]. Jadi, kita tidak buang Yang Berhormat, Yang Berhormat letak jawatan dan masuk bertanding. Itu kita tidak buat. Kita tahu Yang Berhormat *inclination* pada sebelah sana.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan soal 'ISTECH'. Soal 'ISTECH', oleh kerana ada beberapa perkara yang baru ini dibangkitkan, kita takut kebimbangan sekarang ini sudah ada cabar-mencabar dan sebagainya, saya akan beri jawapan itu seterusnya kepada Yang Berhormat kemudian.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat bagi Arau. Banyak juga perkara Yang Berhormat bagi Arau bangkitkan, terima kasih. Mengenai dengan elauun guru mengajar Sains dan Matematik tidak dibayar elauun insentif kerana tidak mengikuti kursus, perkara ini telah pun ditetapkan mengikut peraturan yang sudah sedia ada. Guru-guru yang mengajar akan mengikuti kursus dan apabila mengikuti kursus mereka layak menerima elauun. Ini sudah kita buat, Yang Berhormat, dan kita kata "yang pergi kursus".

Sebenarnya, latihan ini bukanlah hari ini kita hendak mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris, kita baru buat, tidak ada. Perancangan kita sebelum kita bawa itu, kita sudah latih cikgu-cikgu itu sebab itu kita berani bawa dalam Dewan ini untuk mengatakan bahawa kita akan lakukan pengajaran, pembelajaran, Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dia tetap Sains dan tetap Matematik. Dia tidak ada perubahan. Benda itu sahaja. Cuma *instructionnya* sahaja dalam bahasa Inggeris. Ini pun kita gunakan bermacam-macam kaedah dan segala apa bentuk kemudahan yang boleh membantu anak-anak kita memahami dua –dua mata pelajaran dengan begitu baik.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak minta laluan, hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kursus yang dimaksudkan adakah kursus khusus ataupun kursus yang biasa dihadiri oleh guru-guru Sains dan Matematik kerana saya dimaklumkan oleh guru yang telah pun mengajar Sains dan Matematik bertahun-tahun. Mengikut sekular yang baru, yang mereka faham bahawa mereka tidak mendapat elauun yang ditetapkan jika mereka tidak menghadiri kursus khusus.

Jadi, ini saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah kursus khusus yang mereka harus hadir ataupun bagi mereka yang memang sudah mengajar Sains dan Matematik semuanya akan mendapat elauun sebagaimana yang diharapkan? Sebab ini sedang diperbincangkan oleh guru-guru Sains dan Matematik yang hari ini mengajar dalam bahasa Inggeris. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bukan sahaja ajar dalam bahasa Inggeris Yang Berhormat, yang mengajar Sains dan Matematik pun kita bagi elauun. Itu sudah

kita buat. Jadi, kalau yang tidak dapat itu mungkin ini sedikit sebanyak ada kelemahan dari segi pengurusan dan pentadbiran. Itu kita ambil kira. Dan, boleh atau tidak Yang Berhormat berikan senarai nama-nama sekolah atau cikgu-cikgu yang tidak terima elaun itu kita tolong panjangkan dan kita percepatkan proses itu. Tetapi, namun untuk kita kata, dia tidak dibayar elaun, itu tidak betul. Jadi, kita akan bayar.

Jadi, mengenai dengan Yang Berhormat bagi Arau juga membangkitkan mengenai dengan guru agama yang menyalahgunakan peranan mereka di sekolah. Terima kasih Yang Berhormat. Inilah bukti yang jelas kepada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat yang mengatakan guru agama tadi. Guru agama, kalau dia betul-betul mengajar agama, anak-anak kita tidak jadi "tak ketahuan", kata orang utara.

Ini pasal guru-guru agama, dia tidak mengajar agama, dia mengajar benda lain, dia buat kempen, termasuk di SAR. Inilah Tuan Pengerusi, budak-budak yang jadi, "tak ketahuan", orang utara kata, pasal agama ini, pasal dok selewenglah. Jadi, kalau dia betul-betul pegang pada prinsip Islam, dia mengajar kaedah Islam, saya rasa anak-anak kita cukup baik. Jadi, ini satu pembuktian.

Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Ramli bin Ibrahim: [Bangun]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apalah, saya tidak beri laluan kalau berkenaan dengan ini. Sekejap lagi, kalau ada *time* kita boleh beri. Terima kasih.

Mengenai dengan Yang Berhormat juga. Ha, saya tahu inilah penduduk-penduduk di Perlis dok ternanti-nanti. Saya ucap terima kasihlah pada pihak yang negeri Perlis terutama sekali Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis telah bangkitkan benda ini dan dia sendiri buat *follow up*, berkali-kali.

Kita telah pun luluskan benda ini. Sebenarnya, masalahnya ialah urusan pengambilan balik tanah yang agak lambat di Perlis. Saya tidak tahulah, kalau Yang Berhormat boleh balik kacau sedikit dengan Kerajaan Negeri Perlis pengambilan tanah ini, kita cepat, kita akan ada. Contohnya, keputusan bagi penubuhan Universiti Perlis ini tadi, kita telah pun lakukan.

Jadi, saya rasa inilah, kita pun hendak cepat juga Yang Berhormat sebab kita hendak tambah universiti itu. Jadi, saya berharap benarlah kita sabar sedikit dalam soal ini, saya tahu ini satu kebanggaan orang Perlis hendakkan sebuah universiti. Tetapi universiti ini bukan untuk orang Perlis sahaja, Yang Berhormat, ia untuk semua rakyat Malaysia yang rasa dia hendak cari kursus yang dia hendak yang kita akan tawar di Negeri Perlis.

Buat setakat itu sahajalah, Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian saya ucap ribuan terima kasih dan saya juga berterima kasih kepada pihak pembangkang yang mana dia tidak membangkang tentang peruntukan ini. Saya tahu ahli-ahli pembangkang tetap dalam hati kecil mereka, mereka

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bachok, apa hendak tanya lagi?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sebab dia sebut pembangkang, saya pembangkang bangun sekejaplah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. [Ketawa]

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Berbangkit kepada apa yang telah disebut oleh pihak Yang Berhormat bagi Arau tadi, ada guru-guru agama yang tidak mengajar agama. Ini satu *statement* yang terlalu umum. Bolehkah pihak kementerian membuat suatu kajian yang terperinci di tiap-tiap sekolah yang ada guru agama ini, butirkan nama mereka dengan latar belakang dan kes-kes pengajaran yang tidak disebut dalam kurikulum tiba-tiba diajar. Perkara ini perlu didedahkan kepada rakyat supaya rakyat lebih terbuka menerima hakikat. Terima kasih. [Tepuk]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang susah ini pasal benda itu ada, Yang Berhormat. Bukan benda itu kita cakap kosong. Yang Berhormat bagi Arau pun dia cakap pun mesti ada bukti, dia bukan hendak cakap kosong. Macam kita juga, kadang-

kadang kita, sebelah pembangkang selalu buat tuduhan kepada kita tanpa bukti. Apabila kita tidak ada bukti kita cakap ikut sedap sahajalah. Bila kita cakap ikut sedap, memang orang suka dengar.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun] [Memegang buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Ya, nanti kejap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, dalam dunia ini ada beberapa perkara yang sedap dalam dunia. Satu, tidak bayar hutang. Kedua, mencerca orang.

Baik, Yang Berhormat....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dia tidak kata kepada sesiapa pun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak ada. Tuan Pengerusi, saya hendak habis sudah ini, saya hendak habis sudah. Tuan Pengerusi, saya ucap ribuan terima kasih kepada mereka

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia tidak kata kepada sesiapa pun, dia kata kepada semua orang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:yang telah mengambil bahagian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM394,965,983 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM394,965,983 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,535,145,380 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,535,145,380 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud B.28, B.30 [Jadual] - Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.(Bil.4) 2002] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.28 dan B.30 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

3.28 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan kerana telah dapat memansuhkan cukai jualan untuk mee kuning, kueh teow basah, e-mee, chi chong fun, laksa basah dan laksam mulai pada Januari tahun ini. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin kepada kepentingan rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]*

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini merujuk kepada Maksud B.28 tentang Tambahan Peruntukan sebanyak RM200 juta yang diminta bagi maksud menampung perbelanjaan mengurus Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dalam hal ini,

saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan, ke manakah peruntukan negeri dibelanjakan?

Saya berharap dengan adanya peruntukan tambahan ini perjalanan Lembaga Hasil Dalam Negeri akan lebih lancar dan efisien serta berkesan khususnya dalam usaha meningkatkan hasil negara dalam bentuk pungutan cukai. Saya memohon agar Kementerian Kewangan dapat memaklumkan Dewan yang mulia ini tentang jumlah pungutan hasil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tahun 2002 dan juga anggaran pungutan yang akan dikutip pada tahun 2003 ini.

Tuan Pengerusi, saya juga berminat untuk mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan pungutan cukai lebih berkesan dan sekali gus meningkatkan hasil negara kita. Selain itu, sebagai pembayar cukai, kita seharusnya tidak cuba mengelak daripada membayar cukai. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai bilangan kes-kes pengelakan atau lari daripada membayar cukai pendapatan serta jumlah terlibat yang sepatutnya dikutip. Berapakah jumlah kes-kes yang dibawa ke mahkamah serta jumlah pungutan cukai yang berjaya diselesaikan melalui mahkamah? Apakah tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan ke atas individu-individu yang gagal membayar cukai, sama ada pasport mereka terutama pasport antarabangsa ditahan?

Tuan Pengerusi, selain daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia juga merupakan agensi utama kerajaan yang ditugaskan untuk memungut hasil negara seperti cukai jualan, cukai eksais, cukai perkhidmatan. Dalam hal ini, kalau boleh saya harap pihak Kementerian Kewangan memaklumkan Dewan yang mulia ini, langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kutipan hasil melalui kastam.

Saya mendapat maklum bahawa pihak kastam telah dibekalkan beberapa buah *scanning machine*, dengan izin untuk ditempatkan di pintu-pintu masuk utama negara bagi mengimbas kontena-kontena yang dibawa masuk, yang mungkin cuba mengelak cukai atau cuba menyeludup barangan yang diharamkan ke negara ini. Apakah keberkesanan *scanning machine* ini? Adakah kerajaan bercadang, untuk menambah bilangan mesin pengimbas ini supaya setiap pintu masuk ke negara ini dapat dibekalkan dengan mesin pengimbas tersebut.

Saya pernah bawa hal ini dalam Dewan yang mulia ini pada sesi yang lepas bahawa keselamatan kesihatan kakitangan KDRM yang mengendalikan *scanning machine* sedia ada yang diperolehi dari Amerika Syarikat, belum dapat dipastikan lagi, kerana kemungkinan ia akan menjejaskan kesihatan para pegawai kastam. Saya mendapat tahu bahawa negara-negara Eropah dan juga Australia telah membeli alat *scanning machine* dari negara China. Saya ingin mencadangkan, oleh kerana kita memerlukan banyak lagi *scanning machine*, pembelian dibuat dari negara China dengan perjanjian G to G, melalui sistem timbal balas perdagangan dengan minyak sawit kita.

Ini, akan menguntungkan kita kerana pada masa kini, kita tidak dapat menjual minyak sawit kita ke negara-negara Timur Tengah akibat daripada pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq. Kita pun menentang pihak Amerika Syarikat. Saya harap, buat sementara kita jangan beli *scanning machine* dari Amerika Syarikat. Kita beli daripada kawan baik kita, negara China yang sentiasa sokong kita. Saya harap, cadangan saya dapat perhatian pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Bachok.

3.35 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud Bekalan 28, Perbendaharaan di bawah Butiran Peruntukan Tambahan RM4.84 juta untuk Lembaga Pembangunan Langkawi. Pertama sekali, sebagaimana telah pun diisukan dalam media massa, impian Perdana Menteri kita di penghujung perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri, mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kedah menjadikan Langkawi sebagai ibu negeri. Ini, satu impian yang mungkin pada perkataan, bersifat senda gurau tetapi ianya membawa satu visi yang jauh ke depan untuk melihat Langkawi dapat dimajukan dengan suatu pulau yang bertaraf futuristik untuk melihat lagi ianya sebagai suatu destinasi pelancongan yang bertaraf antarabangsa dan juga menjadi suatu pilihan terbaik kepada pelancong-pelancong

domestik. Apa yang penting untuk saya sebutkan ialah bahawa perkara yang harus diberi perhatian oleh pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), di antara perkara yang selalu disungutkan ialah perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ataupun produk-produk yang disediakan daripada Rancangan Pembangunan Langkawi ini, kita dapati banyak perkara yang boleh menimbulkan asas-asas untuk diperbaiki lagi demi menyahut cabaran menjadikan Langkawi sebagai suatu destinasi yang terbaik dari sudut pelancongan dan juga dari sudut misi pentadbiran kerajaan negeri ataupun dalam konteks Langkawi itu sendiri.

Pertama sekali ialah daripada sudut perkhidmatan feri, sesuatu yang harus diperbaiki lagi kerana kita lihat belum duduk kepada taraf yang terbaik, masih banyak lagi kelemahan-kelemahan daripada sudut kecekapan pengendalian sama ada di peringkat feri ataupun jeti ataupun kondisi feri itu sendiri dalam memberi perkhidmatan yang maksimum daripada sudut kepuasan kepada pelanggan-pelanggan. Daripada sudut bayarannya yang selalu berubah kerana keadaan-keadaan kosnya turun naik dan seumpamanya, perlu juga dilihat dan perjalanan yang agak menjemukan, kadangkala terutama ketika angin yang tidak stabil, ombak yang bergolak, sudah pasti memerlukan suatu feri yang memberi khidmat yang memuaskan kepada pelanggan.

Saya mencadangkan supaya jeti feri yang berbentuk transit dibina di antara pulau-pulau yang banyak kerana perjalanan yang agak memakan masa dari Tanah Besar sama ada dari Kuala Kedah ataupun Kuala Perlis, kerana ia memakan masa melebihi 30 minit. Maka, di tengah-tengah jalan perlu dibina suatu jeti transit sama ada untuk berehat ataupun untuk memberi ruang pelancong-pelancong menikmati keindahan pulau-pulau yang banyak, di antara perjalanan dari Kuala Perlis ataupun Kuala Kedah ke Jeti Kuah. Kemudiannya lagi, kita melihat suatu asas yang perlu juga difikirkan, produk pelancongan di Langkawi, bukan setakat untuk melihat daripada sudut kesan sejarah ataupun peninggalan-peninggalan sejarah Mahsuri semata-mata, tetapi harus kita melihat tempoh masa depan generasi kita akan menyaksikan suatu perkhidmatan lebih baik lagi, khususnya Langkawi sebagai suatu pusat perdagangan yang terbaik.

Di antaranya ialah suasana sekarang kita lihat perkembangan-perkembangan berlaku, semuanya perkembangan yang mutakhir seperti peperangan ataupun pencerobohan tentera bersekutu ke atas Iraq dan penyebaran penyakit SARS ini. Satu perkara yang harus dilihat juga ialah untuk menggalakkan orang terus melancong sama ada pelancong antarabangsa atau domestik untuk ke Langkawi ini, perlu diambil kira beberapa perkara. Di antaranya ialah perkhidmatan hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa dan bertaraf sederhana dengan kos penginapan yang sesuai.

Kemudiannya lagi, untuk domestic tourist ataupun pelancong tempatan ini, saya melihat beberapa komen yang mereka kemukakan ialah, bukan tempat untuk pelancong tempatan untuk mendapat sesuatu yang terbaik khususnya untuk menjadikan Langkawi sebagai pusat membeli-belah kerana didapati barang-barang yang ditawarkan pada harga yang agak mahal berbanding dengan beberapa pasar raya ataupun pusat-pusat beli belah seperti di Alor Setar dan Pekan Rabu. Perbandingan yang dibuat oleh pihak pelancong ini mendapati, Langkawi bukan tempat untuk membeli-belah yang terbaik. Ini kerana, nasihat daripada penjual-penjual sendiri betapa barang-barang di Langkawi sebenarnya bukannya untuk dibeli sebagai suatu kenangan tetapi ianya mempunyai satu nilai harga yang serupa sahaja sedangkan Langkawi adalah kawasan bebas cukai.

Demikian juga kelembapan berlaku di akhir-akhir ini di Langkawi, ekoran daripada kes-kes kelembapan ekonomi negara, apabila didapati beberapa pasar raya dan pusat membeli-belah telah memberhentikan beberapa pekerja untuk mengurangkan kos. Beberapa *supermarket* yang telah saya pergi, telah memberhentikan lif atau *escalatoma* untuk menjimatkan tenaga. Ini satu gambaran betapa keceriaan dari sudut Langkawi sebagai pusat membeli-belah kepada pelancong jelas terserlah ianya tidaklah membanggakan kita.

Oleh kerana itulah, dengan peruntukan tambahan mungkin selepas ini peruntukan tambahan lagi, ianya boleh memungkinkan suatu langkah yang lebih bijaksana lagi, pihak Lembaga Pembangunan Langkawi memikirkan tentang cita-cita untuk menjadikan Langkawi sebagai suatu pulau destinasi pelancongan yang bersifat *futurist* yang saya yakin impian Perdana Menteri itu adalah impian yang tepat, tetapi

usaha untuk menggerakkan impian itu perlu dijayakan dengan terbaik mungkin, lebih-lebih lagi dalam suasana kita menghadapi isu-isu kelembapan ekonomi menyeluruh ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya namakan dua orang, pertama Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, selepas itu Yang Berhormat bagi Kemaman dan selepas itu Menteri menjawab.

3.42 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bachok yang bercakap hal Langkawi, Kedah. Saya pula hendak bercakap hal Bachok. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh hal peruntukan RM14 juta untuk Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan. Saya sudah bercakap di peringkat dasar hari itu, iaitu mereka yang telah dijanjikan untuk mendapat bantuan ini, kemudian kerajaan tangguhkan, berhentikan bantuan itu menyebabkan mereka menggelabah, dan ada di antara mereka, setelah dijanjikan mendapat bantuan MLVK ini – saya sebut dahulu mereka mengambil bantuan along.

Jadi, mereka sekarang ini dikejar oleh along. Di antara mereka ini, yang nama mereka ada pada saya ini, mereka ini adalah orang-orang UMNO tetapi dah mengadu kepada kita. Jadi, kalau saya sebut pun nanti mereka akan kena tekan. Jadi mereka kata jangan sebut nama dan syarikat mereka. Tetapi kalau Dato' janji tidak tekan mereka, tidak mengapalah, *[Memandang ke arah Dato' Dr. Hj. Shafie Hj. Salleh, Timbalan Menteri Kewangan]* sebab mereka ini buka kedai butik dan sepatutnya mereka mendapat bantuan sebanyak RM25,000, RM30,000, RM50,000 – telah dijanjikan. Tetapi bila di *stop* bantuan, mereka ambil bantuan along, dan along mengejar mereka sekarang.

Saya harap, Tuan Pengerusi, pihak kementerian cairkan balik bantuan-bantuan ini, kecuali mereka ini menyalahgunakan bantuan itu. Seperti kata buka kedai butik, disenaraikan nama-nama orang-orang yang berkursus di situ, dapat bantuan RM5,000, tiba-tiba tidak ada orang yang pergi kursus itu. Kalau disalahgunakan, kerajaan hentikan, kita setuju. Tetapi kalau kerana tidak ada duit, belanja kepada NAM sampai dekat RM1 bilion dan sekat bantuan-bantuan yang lain untuk faedah kawan-kawan kita orang UMNO ini juga untuk berniaga, jadi kita rasa kesallah kalau disekat bantuan kerana tidak ada duit, ataupun duit dibelanjakan di tempat lain secara membazir.

Jadi, saya harap perkara ini dapat diambil perhatian supaya diumumkan secara rasmi. Cairkan balik bantuan-bantuan MLVK ini dan kerajaan bertegas menyasat kalau disalahgunakan wang itu, iaitu didaftar secara tidak betul – ada pakatan dengan pihak kementerian sedangkan orang-orang yang bertugas itu tidak ada – sepatutnya dapat bantuan RM50,000 sedangkan kalau dikaji balik mereka perlu hanya dapat RM30,000 sahaja. Tidak mengapa, kalau buat kajian seperti itu. Kita rela, tetapi yang pentingnya jangan usahawan-usahawan yang baru hendak bertapak ini terjebak dengan along, yang akhirnya mereka terpaksa lari ke sana ke sini untuk melepaskan diri daripada cengkaman along ini. Insya-Allah, saya akan bagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan nama-nama mereka yang membuat rayuan ini. Itu sahaja pandangan saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kemaman.

3.45 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap pasal B.28 – 070000 mengenai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Apa yang ingin saya cakapkan ialah pembocoran hasil kerajaan akibat daripada beberapa kegiatan yang berleluasa dalam negara pada masa sekarang ini. Yang pertama, mengenai judi ekor haram. Judi ekor haram ini sudah beroperasi di negara kita lebih 25 tahun, dan pada mulanya beroperasi di kampung baru Cina, estet-estet dan pekan-pekan kecil tetapi sekarang ini sudah berleluasa sampai ke bandar-bandar besar dan juga sudah meresap ke dalam kawasan-kawasan FELDA.

Jadi, di antara negeri-negeri yang cukup rancak kegiatan ini berlaku ialah Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, Perak dan Perlis. Secara ringkasnya, *modus operandi* judi haram ini ialah seorang ejen dilantik oleh tauke dan akan menemui pelanggan-pelanggan mereka di rumah ataupun di kedai-kedai kopi dengan membawa buku berukuran 1” x 2” panjang, berkarbon, dan menulis nombor yang akan keluar – dipanggil “tikam” kalau tidak salah, kena beli.

Sebenarnya saya suruh kawan saya beli juga untuk *prove* bahawa kegiatan ini berlaku, dan salinan daripada nombor ini diberi kepada ejen, yang akan mencatatnya kepada *master schedule*. Pada setiap minggu ada tiga lebih kurang “*race*”, ataupun tiga perlawanan, iaitu pada hari Sabtu, Ahad dan hari Rabu. Jadi, hadiah pertama daripada RM1 yang kita beli itu, hadiah yang pertama ialah RM2,200; hadiah kedua, RM1,100 dan hadiah ketiga RM550. Sepuluh hadiah istimewa bernilai RM200 setiap satu dan sepuluh hadiah sagu hati. Kita boleh tahu keputusannya dalam surat khabar rasmi kerajaan pun ada – daripada *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* untuk Empat Nombor Ekor dan *Sports Toto*, dan daripada *Malay Mail*, *Straits Times*, *Nanyang Siang Pau* dan *Sin Chew Jit Poh* untuk 1 + 3 Lumba Kuda – saya pun tidak tahu apa benda ini, Empat Nombor Ekor dan Sports Toto.

Jadi keputusan-keputusan ini boleh didapati daripada akhbar-akhbar rasmi kerajaan supaya mereka dapat meyakinkan orang-orang yang membelinya bahawa ini nombor yang sah. Apa yang kita bimbangkan ialah di tiap-tiap daerah yang ada operasi ini, di antara RM700,000 hingga RM1.2 juta wang pertaruhan yang berlaku pada tiap-tiap daerah, dan bayangkanlah kalau ada tiga perlawanan pada setiap minggu, maknanya wang pertaruhan yang terlibat antara RM2.1 juta hingga RM3.6 juta setiap minggu. Ini kalau kita lihat untuk empat minggu. Kalau dalam satu bulan bermakna perolehan, pertaruhannya melibatkan antara RM8.4 juta hingga RM14.4 juta.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Yang Berhormat bagi Bagan, ya. Minat ya? Sila.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, selain daripada cabutan biasa, masih ada “*Special Draw*” pada hari-hari tertentu dan seperti dalam akhbar *Sun* ini juga ada *Sports Toto*, *Magnum*, 3D – boleh dikatakan bermaharajalela sekarang ini, dan semua suri rumah, mereka menggunakan wang sayur atau wang untuk membeli sayur untuk bermain judi, dan akibatnya anak-anak di rumah kekurangan makanan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay, terima kasih. Sepatutnya semasa saya buat penyelidikan ini, saya patut bawa Ahli Parlimen Bagan sekalilah sebab yang saya dapat hanya “Nombor Ekor” haram sahaja. Saya tidak tahu banyak lagi yang beroperasi, dan kalau kita bayangkan ada 144 daerah di seluruh Malaysia, maknanya wang pertaruhan yang terlibat di antara RM1.2 bilion hingga RM2 bilion untuk setiap minggu; dan untuk setahun melibatkan antara RM14.5 bilion hingga RM24 bilion. Saya tidak tahulah, ini anggaran saya sahaja – saya punya *estimation*.

Jadi, dari segi perolehan kerajaan - sebab saya tidak tahulah ada judi haramkah atau judi halal, ada juga judi halal - jadi kalaulah perkiraan lima *percent* yang kerajaan ambil daripada wang pertaruhan ini, bermakna kerajaan kerugian antara RM725 juta hingga RM1.2 bilion untuk setahun.

Tempat-tempat ataupun negeri-negeri yang daerah-daerah yang cukup aktif ataupun *headquarters* dia – Negeri Sembilan di Bahau, Johor di Batu Pahat, Pahang di Triang dan Perak di Taiping. Di Jelevu pun banyak – ada juga, dan yang lainnya sub-sub ejen sahaja.

Tuan Fong Kui Lun: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Okay. [*Ketawa*]

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, Yang Berhormat pergi banyak tempat ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Oh! Tak ada. *[Ketawa]*

Tuan Fong Kui Lun: Yang Berhormat bagi Kemaman, memandangkan Malaysia telah menjadi sebuah negara perjudian, kita boleh nampak, seperti Genting dan tadi Yang Berhormat bagi Bagan kata, selain dari Magnum, Empat Ekor, *Sports Toto* dan 3D, ini menunjukkan Malaysia sebuah negara perjudian. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, bolehkah kerajaan menyatukan, hanya membenarkan satu syarikat seperti mana yang dilakukan kepada *bank merging*. Ini cara untuk mengurangkan bermain judi di negara kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya sebenarnya judi ini saya tidak setuju langsung, saya kalau hendak dicadangkan haram semua sekali. *[Ketawa]* Biar tiada judi di dalam negara kita ini. Kerana kalau kita sebut hendak restructure judi sifar, kalau kita bercakap pasal hendak restructure society kita kalau kita tengok kekayaan yang dikaut daripada wang dari judi haram tidak mungkin kita boleh restructure society kita. Begitu juga dengan wang-wang yang melibatkan pinjaman haram, along yang caj *interest* antara 20 hingga 40% sampai ke 100%. Bayangkan keuntungan yang diperolehi yang tidak payah membayar cukai pun. Begitu juga dengan pelacuran yang mereka mendapat pendapatan yang begitu besar. Jadi, ekonomi haram ini sebenarnya cukup besar dan mereka tidak payah membayar cukai dan saya difahamkan juga di antara bagaimana mereka dapat *protect* dan dapat melindungi kegiatan mereka. Mereka *allocate* itu setiap daerah lebih kurang RM30 ribu untuk *take care* pelaksana agensi undang-undang ini.

Sampai yang ada peringkat pusat pula sampai RM100 ribu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masuk tajuk ini Yang Berhormat?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ini kebocoran hasil dalam negeri, ini hasil, *income tax* *[Ketawa]* Jadi, saya mintalah supaya kerajaan mengambil satu tindakan yang serius supaya menghapuskan kegiatan ini kerana ia melibatkan kepincangan sosial dalam masyarakat kita yang melibatkan seluruh masyarakat dan kejayaan untuk kerajaan *restructure society* kita. Jadi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih Minta Timbalan Menteri menjawab.

3.52 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian terutama Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Bachok, Kuala Kedah dan juga Kemaman. Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah pun meminta kalau boleh bahawa pemansuhan cukai jualan ke atas mee, telah mengucapkan terima kasih, telah pun kita laksanakan dan langkah meningkatkan hasil iaitu *scanning machine* adakah patut ditambah keselamatan kakitangan dan kita mengambil *scanning machine* dari negeri Cina.

Penggunaan *scanning machine* telah pun mengurangkan kes-kes penyeludupan dan kita mengharapkan nanti dengan ada *scanning machine* ini di setiap pintu masuk dan pintu keluar supaya dapat kita mempertingkatkan lagi cukai kita. Hasil daripada itu saya rasakan baru-baru ini kita telah pun dapat mengunjurkan pendapatan kita..

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:.. tentang hasil..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan?

Tuan Chang See Ten: Boleh bertanya?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Belum habis lagi.

Tuan Chang See Ten: Tadi, Yang Berhormat Dato, Timbalan Menteri ada menjawab saya tentang *scanning machine*. Saya cuma tadi lupa hendak bertanya apa perbezaan harga antara *scanning machine* dari Amerika Syarikat dengan negeri China. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Pengerusi sebelum saya pergi ke arah itu ingin saya mengatakan bahawa pihak kastam telah pun dibekalkan sebanyak 12 unit mesin pengimbas ini, lima mesin 'di *locatable*' keluaran Vaxis yang menggunakan 'gammare' yang dibekalkan oleh syarikat NM Resources dan tujuh mobile unit keluaran *Replied Scan* yang dibekalkan oleh X-Scan. Sebanyak dua buah *locatable* tambahan akan sampai dalam masa tiga bulan lagi dan 12 mesin yang ada sekarang sedang beroperasi dengan baik di lokasi-lokasi yang strategik umpamanya di sempadan utara, Sabah, Sarawak dan di Johor Bahru.

Jadi, pada keseluruhannya mesin-mesin yang berkenaan telah meningkatkan hasil kutipan import di lokasi-lokasi yang berkenaan sebanyak 20%. Daripada itu kastam masih memerlukan beberapa buah mesin pengimbas lagi bagi menambah kapasiti yang ada sekarang. Kalau dilihat dari segi perbincangan-perbincangan awal bahawa *scanning machine* dari negeri Cina ini tinggi sedikit sahaja jika dibandingkan dengan *scanning machine* daripada Amerika Syarikat kerana dimasukkan juga di dalam penjelasan itu mengenai *transfer* teknologi.

Kita berharap bahawa syarikat U-Tec Company Beijing mempunyai hubungan R&D dengan UTM dari segi *transfer* teknologi yang akan membantu UTM dalam menggabungkan *high radiation lab*. Jadi, oleh kerana itu kemungkinan agaknya harga daripada negeri Cina ini tinggi sedikit oleh kerana adanya *transfer* teknologi dan sebagainya. Kita berharap juga dengan adanya *transfer* teknologi ini bahawa negeri China akan menggunakan Malaysia sebagai base mereka untuk menjual *scanning machine* ke negara-negara yang lain seperti juga India, Pakistan, Thailand, Brunei, Indonesia, Singapura dan sebagainya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya mengambil kira hubungan dua hari hala yang perlu dipelihara antara Kerajaan Negeri China dan Malaysia dan Yang Berhormat telah menyarankan supaya kita mengadakan G to G dan menggunakan timbal balas dengan menggunakan kelapa sawit. Saya sangat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat itu kalau boleh kita membeli *scanning machine* daripada China dan kita membayar balik dengan kelapa sawit. Kita harapkan kalau dengan cara itu sekarang ini kelapa sawit tidak boleh kita jual di Timur Tengah oleh kerana peperangan dan pencerobohan di Iraq. Kita berharap dapat *new market* yang lain seperti negeri China ini. Kalau sekiranya setiap orang memakan satu camca minyak kelapa sawit ini dengan beberapa bilion rakyat negeri Cina saya harapkan nanti bahawa ramai daripada penanam-penanam kelapa sawit terutamanya orang-orang miskin dan pekebun-pekebun kecil di luar bandar akan mendapat manfaatnya.

Yang Berhormat telah menanyakan bilangan kes di mahkamah. Sekarang kes di mahkamah berjumlah 3,846 kes dan kalau dimasukkan mengikut harga ataupun berapa juta yang kalau dapat kita ambil atau pungut ialah RM1.1 juta. Dengan kes seksyen 104 iaitu penahanan individu dari meninggalkan Malaysia iaitu dengan merampas pasport antarabangsanya sebanyak 5,408 kes.

Target pemungutan hasil kita pada tahun 2002 dahulu ialah sebanyak RM43 bilion tetapi alhamdulillah dengan kerja keras daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri kita telah pun mengambil ataupun memungut RM44.901 bilion.

Untuk anggaran tahun 2003 kita menganggarkan RM50.5 bilion tetapi sehingga kini 29 Mac 2003 kita baru dapat RM8.74 bilion. Jadi, kita mengharapkan nanti pungutan hasil kedua-dua sekali seperti mana Yang Berhormat bagi Gelang Patah cakapkan tadi di antara LHDN dan juga kastam ini akan dapat membantu kita menjayakan ekonomi negara kita.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat. Sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara kecil sahaja untuk meminta penjelasan iaitu tentang pembelian Menara KLCC oleh

Petronas daripada satu syarikat yang dipunyai oleh Ananda Krishnan. Sampai ke hari ini kerajaan tidak memberitahu adakah RM1.2 bilion, RM1.8 bilion, RM2.2 bilion dan yang saya hendak tahu ialah hasil yang telah dipungut oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri hasil daripada pembelian Petronas daripada Ananda tersebut.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Berapa bilion hasil daripada pungutan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Boleh saya beri secara bertulis?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dengan syarat benar-benar dipenuhi Datuk, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Selama ini insya-Allah kalau saya cakap besok pagi saya akan hantar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh membuat perjanjian lah di luar.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kedudukan akaun yang belum diterima ialah sebanyak RM2.2 bilion dan kalau kita tengok penyiasatan dan perisikan daripada 2002 jumlah cukai denda adalah sebanyak 386 ribu juta dan jumlah kes yang diselesaikan 650 dan jenis-jenisnya individu, perniagaan syarikat dan pelbagai ialah sebanyak 385,799 juta.

Kita masuk pula kepada Kuala Kedah. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah pun meminta kementerian mencairkan balik bantuan pinjaman MLVK dan menyiasat jika ada berlaku penyelewengan bantuan tersebut. Daripada percakapan Yang Berhormat tadi bahawa butik-butik ini telah pun diselenggarakan oleh peniaga-peniaga kecil dan mengharapkan supaya ada penuntut-penuntut yang belajar di situ. Jadi, di sinilah saya rasa kita hendakkan kalau ada *market analysis* ataupun *any analysis* sebelum membuat sesuatu perniagaan. Tetapi apabila perniagaan itu telah dibuka, dipinjam duit, selepas itu tidak ada *student*, inilah masalah kita. Jadi, dalam tempoh pembekuan ini juga kementerian akan menyiasat aduan-aduan yang didakwa bahawa pinjaman ini diselewengkan dan jika aduan ini berasas kementerian tidak akan meneruskan bantuan pinjaman ini kepada institusi MLVK yang berkenaan. Jadi, kita akan siasat Yang Berhormat. Sementelahan pula kata Yang Berhormat tadi orang ini orang UMNO ya. *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Sedikit sahaja. Soal ini mereka telah dijanjikan untuk diberi. Jadi, mereka pinjam dahulu kepada orang lain kerana mereka sudah *confirm* sudah dapat tetapi kerajaan beku. Yang ini kena selesai segera kalau tidak nanti kita dengar-dengar sudah jadi mayat orang ini Datuk menyesal nanti.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: *[Ketawa]* Saya akan ambil tindakan, insya-Allah.

Mengenai Yang Berhormat bagi Bachok, saya pun agak seronok mendengar Yang Berhormat bagi Bachok punya pandangan tadi dan kita ambil kira. Cuma dia katakan supaya Kuah ataupun Pulau Langkawi menjadi ibu negeri Kedah itu merupakan satu jolokan sahaja, tidak begitu serius kerana ini memerlukan komunikasi yang efisien untuk menjadikan Langkawi sebagai ibu negeri Kedah. Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa apa yang kita hendak gunakan bahawa infrastruktur-infrastruktur yang telah kita sediakan begitu canggih tetapi yang kita minta ini untuk penyelenggaraan. Jadi, kalau canggih infrastruktur tetapi tidak ada *maintenance culture*, dengan izin, dia tidak akan dapat mencerminkan kita *world class*.

Penyelenggaraan produk-produk pelancongan ini akan..

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Kubang Kerian. Ya, ya, mengenai Langkawi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, Langkawi. Tuan Pengerusi, kita lihat Langkawi ini LADA telah diberi peruntukan seratus peratus daripada peruntukan asal. Adakah Kementerian Kewangan sebelum tambahan ini telah menimbangkan laporan audit dua tahun berturut-turut yang telah dibentangkan oleh Ketua Audit Negara. Di bawah laporan ini begitu banyak kepincangan pengurusan kewangan LADA termasuk

harta-harta yang tidak disenaraikan, pinjaman kepada syarikat ini tidak dapat dikutip balik, kerugian-kerugian dalam syarikat berpuluh-puluh juta. Adakah ini ditimbangkan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita ada Jawatankuasa Pelaburan dan juga lembaga di sana dan perkara ini memang selalu disemak. Tetapi apa yang kita hendakkan supaya kita akan dapat membezakan di antara Pulau Labuan dengan Pulau Langkawi dan sekarang ini Pulau Tioman. Jadi, kita hendakkan kalau boleh Pulau Labuan itu akan menjadi pulau mengenai kewangan dan Pulau Langkawi ini ialah Pulau Lagenda dan penuh bersejarah dan akan menarik ramai *tourist* ke negara kita.

Penyelenggaraan laman padi di Pantai Cenang akan diselenggarakan. Satu lagi penyelenggaraan Galeria Perdana Menteri iaitu di Jalan Kelim, Kisap, penyelenggaraan Air Hangat Village, penyelenggaraan perkhidmatan pengurusan kereta kabel iaitu di antara Oriental Village ke Gunung Mat Cenang adalah di bawah kontrak pengurusan di antara LADA dan juga Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Ini di Teluk Berau dan juga Oriental Village. Penyelenggaraan Dataran Lang iaitu di Pekan Kuah, penyelenggaraan Taman Lagenda di Pekan Kuah dan akhir sekali penyelenggaraan jeti pelancong di Pekan Kuah. Jadi, semua ini ialah penyelenggaraan-penyelenggaraan kepada infrastruktur yang telah pun kita sediakan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Bachok.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya membangkitkan beberapa isu dalam kes LADA ini kerana pihak Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pun acap kali dia ke sana. Katanya dia hendak buat pejabat dia di sana untuk akan datang ini. [*Ketawa*] Sebab dia kata pilihan raya akan datangnya mungkin beliau salah seorang orang yang berkuasa di situ. Yang penting saya hendak lihat ialah LADA ini dari sudut penguatkuasaan ataupun bidang kuasa, maksudnya bidang kuasa untuk mengambil beberapa kes tindakan bagi memastikan perancangan yang telah pun distruktur sebegitu rupa berjaya khususnya dalam menguasai beberapa tindak laku syarikat-syarikat swasta ini. Sebab kita yakin syarikat swasta jika tidak dikontrol misalnya syarikat ferikah ataupun syarikat perdagangan yang menjalankan operasi perdagangan di sana sudah pasti ianya tidak memenuhi hasrat sebenar. Ha, itu maksudnya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. itu saya kata segala pandangan-pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil tindakan dan kita harapkan nanti dengan adanya *maintenance culture* dan juga *image building* yang hendak ditonjolkan sebagai satu pusat pelancongan yang *world class*. Perkara yang Yang Berhormat tegur tadi akan diambil kira.

Mengenai Marang, ekonomi haram tidak bayar cukai ini katanya sebanyak RM30,000. Terima kasih kepada Kemaman yang telah memberi fokus dan menzerokan kepada tempat-tempat seperti Batu Pahat, Jeniang, Jinjang, Taiping dan sebagainya. Kita akan minta nanti pasukan kita untuk mencari tempat-tempat ini. Kalau boleh Yang Berhormat bagi saya lagi senang. Walau bagaimanapun, kalau dapat kita geledah tempat-tempat ini kita akan kenakan cukai anggaran yang tidak dipungut dan cukai anggaran yang akan dipungut sekali.

Jadi, tentang ekonomi bocor ini saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat dan kita akan pantau perkara ini sedalam-dalamnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM204,840,000 untuk Maksud B.28; RM14,849,312,074 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM204,840,000 untuk Maksud B.28; RM14,849,312,074 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 2002]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Bagan.

4.08 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran projek 02000 Lingkaran Luar Butterworth.

Tuan Pengerusi, sejumlah RM7 juta telah dibelanjakan untuk membayar bayaran kemajuan projek yang sedang dijalankan di Lingkaran Luar Butterworth jambatan Sungai Prai Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, Lingkaran Luar Butterworth peringkat jambatan Sungai Prai ini bukankah ini satu projek yang telah diswastakan? Mengapa kerajaan perlu membayar sejumlah RM7 juta sebagai sebahagian bayaran kemajuan projek ini? Bolehkah Yang Berhormat memberitahu jumlah kos di peringkat ini sahaja? Setakat ini jumlah kosnya berapa? Dan setakat ini telah membayar berapa dan kemajuan statusnya masuk ke peratusan berapa, Tuan Pengerusi?.

Saya difahamkan *turnkey contractor* dari Holand telah gulung tikar buat masa ini dan sebuah kontraktor baru telah dilantik untuk menggantikannya. Saya memandangi Jambatan Sungai Prai ini sebagai satu projek yang melibatkan *technicality* yang canggih di mana strukturnya agak berat dan hendak menyeberangi ke Sungai Prai ini, kerja-kerja amatlah susah dan bahaya dan pernah berlaku di mana *gantry* untuk gantung struktur kekal itu telah patah dan pekerja-pekerja di peringkat ini ada yang menemui maut.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apa masalah sebenar yang telah dihadapi di peringkat kerja ini iaitu *technically* dan sumber kewangan untuk peringkat ini.

Tuan Pengerusi, Pakej 3 dan Pakej 4 juga turut terhenti mulai 13 Mac tahun ini. Kononnya kontraktor utama yang diberikan Pakej 3 dan 4 ini tidak mampu menjalankan kerja-kerja dan ini mengakibatkan subkontraktor-subkontraktor yang pernah bekerja dengan kontraktor utama ini, mereka tidak dibayar gaji, tidak dibayar kerja-kerja yang telah dijalankan dan dengan penggantian kontraktor yang baru, maka mereka pun belum dapat menyelesaikan masalah hutang ini. Mereka telah menjalankan satu mogok atau satu tunjuk perasaan di tapak supaya menarik perhatian kerajaan untuk membantu mereka mendapatkan hutang-hutang mereka daripada kontraktor utama yang telah gulung tikar ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengulangi supaya cadangan tol di Sungai Nyior iaitu di bahagian Butterworth-Kulim Expressway ini boleh dibatalkan kerana peringkat ini bukan dibina oleh Konsesi Lingkaran Luar Butterworth, jadi tidak patutlah sebuah konsesi yang bukan membina di peringkat lebuhraya ini dibenarkan untuk mengutip tol di bahagian Butterworth-Kulim Expressway ini.

Tuan Pengerusi, Butiran (Projek) 20000 iaitu membina persimpangan bertingkat dan jejambat di Pulau Pinang ini. Tuan Pengerusi, di bulatan Bukit Tengah, Seberang Prai Tengah, kerja-kerja telah hampir siap tetapi kerja-kerja ini mungkin kerana kontraktor yang kurang pengalaman, maka apa yang dibuat di sana itu tidak memuaskan. Dari pandangan struktur atau dari kekukuhannya, tidak ada orang boleh menentukan tetapi dari pandangannya mungkin ada kecacatan seperti *retaining wall* tidak dibuat dengan *skill* profesional dan jalan, iaitu jalan yang bersangkutan dari Prai *main road* hendak menuju ke bulatan bertingkat ini, jalan ini dilebarkan, diperluaskan tetapi tidak ada *slope*.

Sebenarnya jalan perlu ada satu *slope*, mungkin 1-40 tetapi jalan ini rata sahaja. Jadi, bila hujan, air bertakung di atas jalan baru ini. Jalan ini bukan jalan kecil, lebih kurang 10 meter di sebelah sini dan 10 meter di sebelah sana, semua rata sahaja. Apabila kereta jalan, kita boleh rasa ada air bertakung. Ini lambat-laun akan menyebabkan permukaan jalan ini cepat rosak dan juga membawa bahaya kepada pemandu-pemandu.

Road curve di tepi jalan dan di tengah-tengah jalan yang memisahkan antara sebelah kiri dan sebelah kanan begitu rendah sahaja, cuma lebih kurang 6 inci. Ini bukan satu kerja yang profesional. Saya tengok di Subang Jaya, *road curve* serupa sedemikian ini, iaitu *road curve cast in-situ*, bukan *pre-cast road curve*. Mereka *cast in-situ*, di tepi jalan di Subang Jaya itu elok sekali. Ia tinggi daripada muka jalan, lebih kurang satu kaki dan ini boleh menghalang kereta untuk melanggar ke sebelah kanan. Ini satu kerja yang patut digalakkan. Tetapi di peringkat projek ini, *road curve* hanya 6 inci sahaja. Bila-bila kereta boleh menuju atau berlanggar *road curve* ini dan pergi ke depan. Ini boleh mengakibatkan kemalangan yang teruk apabila berlakunya perkara ini dan juga pada masa depan, jalan ini hendak diturap, maka apabila diturap, *road curve* ini sudah hilang.

Jadi, kerja-kerja ini semua tidak memuaskan. Saya tidak tahulah sama ada Kementerian Yang Berhormat ada hantar pegawai-pegawai untuk memeriksa kerja-kerja atau mutu-mutu kerja ini di sana dan sekiranya ada, maka mungkin pegawai ini tidak ada pengalaman atau beliau telah gagal untuk melaksanakan tanggungjawab beliau dengan sempurna, Tuan Pengerusi.

Dengan beberapa persoalan itu, saya harap dapat satu jawapan yang memuaskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beluran.

4.17 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran (Projek) 08200 – Projek Persimpangan Bertingkat. Saya ingin tahu bersamaan dengan jumlah tambahan RM7 juta ini yang diperlukan untuk belanja projek ini, berapakah kos keseluruhan projek ini sehingga siap kelak dan dari segi kos pengambilan tanah, saya ingin tahu kos pengambilan tanah yang dihartakan untuk projek ini berbanding dengan kos tanah di sekitar Kota Kinabalu yang ada sekarang.

Daripada unjuran Kementerian Kerja Raya, keadaan lalu lintas dengan adanya projek persimpangan bertingkat ini, berapa tahun dapat diunjurkan masalah lalu lintas di Kota Kinabalu dapat diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara 08800, terutamanya Jalan Nangoh-Kanibungan,. Jalan Nangoh-Kanibungan ini merupakan sebatang jalan raya yang akan melalui kawasan pilihan raya saya dan ianya satu projek yang begitu sekali diperlukan untuk kawasan saya. Saya yakin setelah tamatnya pembinaan jalan raya ini, saya tidak perlu lagi menggunakan bot untuk ke kawasan pilihan raya saya ini dan terpaksa mengharungi Lautan Sulu yang kadang-kadang tidak boleh dilalui pada musim tengkujuh. Dengan adanya jalan ini, ia akan memudahkan perjalanan semua pihak.

Saya cuma ingin mengemukakan masalah jalan Nangoh-Kanibungan ini, ianya bermula lebih kurang 70 kilometer daripada jalan besar, jalan utama Kota Kinabalu-Sandakan. 70 kilometer ini merupakan jalan yang dipanggil Jalan Sapi-Nangoh yang tidak dimasukkan sebagai sebahagian daripada jalan Nangoh-Kanibungan ini. Jadi, bererti jika jalan Nangoh-Kanibungan ini selesai kelak, diturap dengan belanja yang saya difahamkan hampir RM400 juta ada 70 kilometer jalan sebelum sampai kepada Jalan Nangoh-Kanibungan ini yang tidak dinaiktarafkan. Jadi, bererti *diremain* jalan *gravel*.

Saya lebih terkejut Tuan Pengerusi apabila diberitahu bahawa jalan lebih kurang 75km ini, Sapi-Kanibungan yang akan menghubungkan Jalan Kanibungan-Nangoh kepada jalan besar Sandakan, Kota Kinabalu tidak dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, jadi dia *omitted* sama sekali. Jadi bererti sehingga tahun 2005 ini walaupun siap Jalan Nangoh-Kanibungan ini ada 75km lagi yang tidak akan diturap kerana tidak masuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Saya ingin tahu

apa perancangan Kementerian terhadap jalan 75km ini sama ada ia akan dimasukkan dalam *Mid Term Review* Rancangan Malaysia Kelapan ini ataupun apa perancangan kerajaan untuk memastikan bahawa *the remaining*, yang tinggal 60-70km diturap sekali dengan pembinaan Jalan Nangoh-Kanibungan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya melihat perkara ini penting kerana jika tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan manakala kita menunggu Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak tahu tahun bila dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat dimasukkan jalan ini? Bererti ada sebahagian jalan yang tidak disempurnakan oleh Kementerian. Saya tidak tahu di mana silapnya? Mungkin di pihak JKR Sabah ataupun mungkin di pihak Kementerian itu sendiri yang tidak melihat, yang tidak nampak bahawa Jalan Sapi-Nangoh ini merupakan sebahagian dari jalan besar yang hendak dibuat oleh kerajaan untuk jalan Nangoh-Kanibungan ini.

Saya ingin penjelasan dalam perkara ini dan saya juga ingin Kementerian mengambil perhatian lebih khusus terhadap perkara ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi dua orang sahaja lagi. Mula-mula Yang Berhormat bagi Tumpat, lepas itu Yang Berhormat bagi Pendang, kemudian Menteri menjawab.

4.22 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak ada suara wanita, bolehkah Tuan Pengerusi? Beri saya dua minit lagi ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tengoklah, saya akan pertimbangkan ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi, saya berhajat untuk bercakap yang amat ringkas sekali..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya silakan, silakan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: ...kerana hasrat ramai di antara kita ialah untuk tamat lebih kurang pukul 5.30 petang hari ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Di bawah B.33 ini, jumlahnya ialah RM673 juta lebih kurang dibelanjakan. Yang saya hendak bangkitkan adalah berkaitan dengan Butiran 00500, 00600, 00700, 03802 dan 30000. Secara umumnya, Tuan Pengerusi yang saya hendak bangkitkan ialah bahawa terdapat daripada perbelanjaan tambahan RM673 juta ini amat kecil sekali jumlahnya ialah untuk projek-projek di negeri-negeri Pantai Timur.

Tuan Pengerusi amat maklum apabila kita bernasib baik mempunyai seorang Perdana Menteri dari Pantai Timur dalam tahun 70-an dahulu, kita dapat menikmati suatu pembangunan infrastruktur khususnya jalan dan jambatan sedikit selepas diabaikan berpuluh-puluh tahun sebelum itu, tetapi selepas kematian Allahyarham Tun Abdul Razak kita diabaikan oleh mereka semua ini, Tuan Pengerusi. Kita yang dari Pantai Timur ini amat sedar bahawa dahulunya dalam tahun 60-an dan 70-an dahulu jalan Bentong hendak ke Kuantan dan sebagainya amat teruk tetapi dalam tahun 70-an kerana Perdana Menteri ketika itu ada visi yang baik, beliau membina peningkatan kepada jalan raya tersebut sehinggalah wujud Lebuhraya Karak hari ini. Tetapi sekarang ini kita diabaikan semula.

Kita lihat misalnya daripada 673 juta projek Butiran 00500, jalan yang sepatutnya sudah lama siap dan sebagainya belum siap-siap iaitu dari Lojing ke Pos Belau. Dari Pos Belau ke Kuala Ketil, Kelantan. Ini adalah projek yang penting kerana ianya adalah di kawasan Selatan negeri Kelantan yang mana perlu sangat kepada infrastruktur seperti ini.

Begitu juga dengan Butiran 00600 iaitu jalan yang boleh dikatakan akan merapatkan antara negeri-negeri Pantai Barat dengan Pantai Timur iaitu Jalan Kuala Kangsar-Gerik, Lebuhraya Timur Barat Fasa Dua dan seterusnya. Ini saya pohon

kepada kementerian supaya diberi keutamaan yang tinggi memandangkan projek-projek seperti ini adalah amat penting untuk bukan sekadar pembangunan negeri-negeri Pantai Timur tetapi perpaduan sebenarnya antara rakyat di negara ini. Antara kalau di Semenanjung ini Pantai Timur dengan Pantai Baratnya.

Begitu juga, Tuan Pengerusi Butiran 00700, RM5 juta diperuntukkan untuk projek-projek yang melibatkan Jalan Dabong-Jeli, Kota Bharu-Kuala Krai. Ini juga saya hendak menekankan adalah projek yang amat penting walaupun peruntukannya hanya RM5 juta sebagai tambahan tetapi saya hendak menekankan bahawa kita amat memerlukan projek-projek ini untuk menaikkan taraf negeri-negeri yang diabaikan oleh Kerajaan Pusat. Bukan Kelantan dan Terengganu sahaja termasuklah juga negeri Pahang, Tuan Pengerusi.

Butiran 03802 agak memeranjatkan iaitu RM35 juta diperuntukkan untuk pemasangan lampu jalan sepanjang lebuh raya menuju ke KLIA. Saya pohon butiran yang lebih sedikit daripada itu sebab RM35 juta untuk pasang lampu sahaja walhal untuk lebuh raya-lebuh raya, untuk jambatan-jambatan sebahagian besarnya tidak pun sampai kepada nilai RM35 juta itu. Jadi sudah tentu kita mengharapkan supaya ini bukan satu projek pembaziran, bukan satu projek yang akan hanya menguntungkan kontraktor-kontraktor tertentu yang dipilih untuk mengaut keuntungan yang terlalu besar daripada projek yang kita tidak nafikan pentingnya itu.

Butiran 30000 sekali lagi ialah projek-projek jambatan. Satu daripadanya ialah Jambatan Jalan Tendong ke Wakaf Che Yeh, Kelantan. Ini saya juga ingin bertanya apakah perlunya bantuan ataupun tambahan kepada peruntukan kerana saya fikir projek Jambatan Tendong ini sudah pun menelan belanja yang berkali-kali ganda daripada yang diketahui umum sebagai belanja kos sebenarnya jambatan itu. Umum di Kelantan mengetahui walau apa sekalipun program RTM sebut tentang gerhana di Kelantan, umum Kelantan tahu bahawa banyak wang yang dilaburkan, dibazirkan dalam projek Jambatan Tendong ini. Hendak ditambah lagi daripada itu....

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Bachok!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Bachok, sila.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: Sebagai maklumat ataupun penjelasan Yang Berhormat, Jalan Tendong-Wakaf Che Yeh di Kelantan ini sebenarnya adalah pakej berasingan dengan Jambatan Tendong ialah jalan bermula daripada Batu Empat, Wakaf Che Yeh sehingga sampai ke Salor. Soalnya ialah kalau pihak Yang Berhormat bagi Tumpat melalui jalan ini, kita dapati jalannya telah pun digunakan dan tidak ada tanda-tanda yang cukup untuk memandu para pemandu daripada mengelakkan berlakunya kemalangan. Saya ingat tambahan ini mungkin untuk tujuan tersebut. Mungkin pihak Yang Berhormat boleh mendapat penjelasan pihak kementerian.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ya saya harap pihak kementerian dapat menjelaskan dan yang menyedihkan, sudahlah projek asal belanjanya banyak, masih lagi tidak melengkapinya tambah lagi dan tambah dalam akhir tahun 2002, sekarang ini pun masih lagi jalan itu mengikut Yang Berhormat bagi Bachok, tidak mempunyai tanda-tanda yang mencukupi.

Jadi, saya jamin untuk bercakap ringkas, saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Pendang.

4.28 ptg.

Dato' Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepala 03802 Penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan. Tuan Pengerusi, ini lagu lama yang kita hendak dengarkan semula. Keadaan lebuh raya walaupun Bagan, Yang Berhormat bagi Bagan tidak sebut tetapi sebenarnya lebuh raya melalui kawasan Bagan-Butterworth pun keadaannya memang tidak baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Saya hendak bercakap soal penyelenggaraan lebuh raya ini. Daripada Butterworth sehinggalah ke Kuala Kangsar. Saya sekarang memandu, saya ini orang yang pandu laju. Saya dapati bahawa jalan ini, keadaannya memang tidak memuaskan. Kita kena ingat bahawa pengguna-pengguna lebuh raya yang menggunakan motokar, kita bayar tol, kita bayar *road tax* tetapi jalan lebuh raya yang kita gunakan tidak memuaskan sehingga ada tanda-tanda di atas jalan yang kenderaan menggesel kadang-kadang berombak, yang amat tidak selesa.

Jadi ini saya harapkan bahawa kementerian dapat mengambil tindakan mengarahkan pihak penerima konsesi supaya memberikan dan menunaikan janji mereka untuk menyediakan lebuh raya yang baik untuk pengguna-pengguna lebuh raya yang saya hendak ulang sekali lagi membayar tol dan cukai kenderaan, *road tax* kenderaan.

Soal yang kedua juga lebuh raya ialah mengenai plaza-plaza tol yang telah lama disebutkan oleh pengguna lebuh raya supaya plaza-plaza tol yang berada di tengah-tengah lebuh raya ini. Saya rasakan Malaysia sahajalah yang ada pungut tol tengah-tengah lebuh raya ini. Musim perayaan, musim Hari Raya Aidilfitri, musim Hari Raya Cina Tuan Pengerusi, dari 8 hingga 10 jam bertolak daripada Kuala Lumpur hendak sampai ke Pendang, 10 jam.

Seseorang Ahli: Selalunya berapa jam?

Dato' Othman bin Abdul: Selalunya biasanya 4 jam sudah sampai, musim perayaan 10 jam. Menteri kata tidak mengapa kita akan buat *monitoring* dengan helikopter [*Ketawa*] Tuan Pengerusi, apakah boleh *monitoring* dengan helikopter ini dan boleh menyelesaikan jam atas lebuh raya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yalah!

Dato' Othman bin Abdul: Eh! Seputeh jangan ganggu saya. [*Ketawa*]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sokong sahaja!

Dato' Othman bin Abdul: Apakah boleh *monitoring* dengan helikopter ini boleh menyelesaikan masalah kesesakan atas lebuh raya. Saya hendak mencadangkan dua perkara Tuan Pengerusi, pertamanya secepat mungkin apa pun kerajaan negeri Perak punya pendapat dan pandangan, plaza-plaza tol ini harus diubah dengan segera ataupun pihak kerajaan dan pihak kementerian membina laluan khas bagi pengguna yang akan terus ke Utara, supaya mereka tidak perlu membayar tiga, empat kali tol baru hendak sampai ke destinasi di Utara. Jadi ini adalah rungutan lama...

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Menyampuk*] [*Ketawa*]

Dato' Othman bin Abdul: Kuala Kedah pula sudah! Rungutan lama yang dibangkitkan tetapi nampaknya minggu sudah saya balik dengan motokar keadaannya tidak berubah, setengah-setengah tempat kita ada dekat dengan bumbung lima memang kita tahu antara Sungai Petani pun boleh masuk dan telah diperbaiki dan telah didirikan tetapi sebahagian besar, *long stretch* dengan izin Tuan Pengerusi, masih lagi dalam keadaan yang sama jadi saya haraplah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Gajah bangun.

Dato' Othman bin Abdul: Ya, sila.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Pendang, ini lagu lama cerita lama sudah banyak kali bangkitkan, pembangkang sini sana pun ada bangkitkan. Apakah ini ada kaitannya sebab kerajaan yang memimpin negara ini sudah lama....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah!...[*sambil menepuk sokong*]

Puan Fong Po Kuan: Sudah sampai masa untuk tukarlah! Kalau tukar pada masa ini semua yang dilakukan oleh pemimpin Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tukar kerajaan tidak berkaitan dengan butiran. [*Ketawa*]

Puan Fong Po Kuan: Ini tanya sahaja, ini ada kaitan, sudah....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tanyalah Pendang!

Puan Fong Po Kuan: ...kerajaan sudah lama dan sampai masa tukar sudah.

Dato' Othman bin Abdul: Terima kasihlah, tapi nampaknya saya kena jawab soalan ini kita sudah bagi dua negeri Kelantan dan Terengganu, satu kilometer jalan pun dia tidak boleh buat. *[Ketawa]* Kalau hendak bagi juga lagi runtuh lah kerajaan ini, jelas Kelantan dan Terengganu telah dipimpin oleh PAS terus ikut lama tapi tidak ada lebu raya satu kilometer dibuat lagi jadi Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Pengerusi, itu harapan kita bahawa kerajaan mesti memberi perkhidmatan yang terbaik kerana ini saya masih ingat bahawa janji kerajaan hendak bagi para pengguna menggunakan laluan ini dengan yang terbaik jadi soal jalan dan lebu raya yang tidak baik.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Othman bin Abdul: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi Lebu Raya Utara Selatan ini dibuka pada tahun lebih kurang 1987 dan sekiranya berbanding dengan pada mula-mulanya ia dibuka dan dengan keadaan sekarang ia sudah jadi makin buruk tetapi tol semakin tahun semakin tambah. Tiap-tiap tahun tambah 10%, tiap-tiap tahun tambah 10% adakah Yang Berhormat boleh bersama-sama dengan pihak kami di sini supaya mendesak kerajaan oleh kerana lebu raya ini bukan lagi selesa, selamat dan boleh di *travel* maka tolnya pun kena diturunkan setaraf dengan kedudukan jalan raya sekarang ini.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, kalau dalam keadaan sekarang pun keadaan tidak dapat dilaksanakan dengan baik, kurang tol lagi tidak baiklah agaknya. Jadi Tuan Pengerusi tentang itu saya tidak bersamalah dengan DAP, tetapi untuk penyelesaian para pengguna harus diperbaiki jadi ini adalah harapan rakyat dan harapan pengguna lebu raya yang menggunakan lebu raya ini.

Yang ketiganya, dalam perkara yang sama ialah penggunaan - saya pernah bertanya mengenai kad elektronik untuk tol-tol ini. Saya menyokong tentang penggunaan ini untuk kita satukan semuanya, cuma kebimbangan saya kalau sekiranya semua lorong-lorong itu ialah hanya untuk penggunaan kad elektronik ini, bagaimanakah pengguna lebu raya, orang kampung tengah malam apabila dia memerlukan penggunaan lebu raya hendak datang ke Kuala Lumpur ataupun balik jadi sekiranya tidak disediakan lorong yang membolehkan mereka membayar dengan tunai maka deritalah sebahagian daripada mereka ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bagi saya tiga minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada suara wanita sehingga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi tidak bangun mungkin lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada bangun!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah keputusan sudah dibuat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tiga minit, tiga minit!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keputusan sudah buat!

Seseorang Ahli: Sudahlah! Sudahlah!

Seseorang Ahli: Seputeh belum habis cakap lagi!

[Dewan menjadi riuh seketika]

4.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]:

Tuan Pengerusi saya ucap berbanyak terima kasih kepada empat orang Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Bagan, Beluran, Tumpat dan Pendang kerana telah pun membahaskan perkara-perkara di bawah Kementerian Kerja Raya semasa membahaskan Anggaran Belanjawan Pembangunan Keempat 2002. Saya hendak jelas di sini jumlah RM600 juta lebih ini telah diguna dahulu untuk projek-projek dan jalan-jalan yang telah disenarai. Sebab-sebabnya yang diperlukan adalah:

- kemajuan kerja dari pihak kontraktor telah pun membuat kerja lebih awal dan kemajuan lebih cepat dan peruntukan kita mengikut pembayaran kemajuan atau *progress payment* kita perlu bayar;
- kos pengambilan balik tanah pembayaran kos tinggi ini pun menyebabkan kita mohon untuk tambahan; dan
- kita pun mengadakan beberapa jalan baru supaya kita juga perlu yang dilaksanakan hujung tahun lepas, semua ini adalah projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Ada juga di tiap-tiap tahun kita memperuntukkan satu syiling untuk projek-projek ini dan oleh sebab-sebab tadi saya sebutkan ia telah pun melebihi apa yang diperuntukkan dan kita perlu tambahan yang kita pohon berkali-kali ini.

Kebanyakan perkara-perkara yang ditimbul oleh ahli Yang Berhormat adalah sangat spesifik kerana saya adanya beberapa buah jalan di sini, saya perlu juga notis supaya saya dapat jawab. Yang saya cuba jawab dari Yang Berhormat Bagan mengenai Lingkaran Luar Butterworth, total cost adalah RM275 juta lebih dan kemajuan sekarang adalah 36%. Artinya belum siap. Jangan membuat kritikan belum siap lagi, mana tahu standardnya tidak cukup dan biar mereka buatlah sebab 36% sahaja. Lain-lain komen saya minta pegawai ambil perhatian supaya kita akan ambil tindakan susulan. Yang Berhormat Beluran.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Tuan Pengerusi saya ingat Yang Berhormat dia salah faham apa yang saya cakap, saya tidak mempertikaikan mutu jalan atau mutu projek LLB iaitu Lingkaran Luar Butterworth. Apa yang saya mempertikaikan adalah butiran yang lain iaitu butiran 20000 - membina persimpangan bertingkat dan jejambat di Bukit Tengah, bulatan Bukit Tengah ini adalah satu projek Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Persekutuan yang membelanjakan wang untuk membina projek ini. Dan LLB ini dia satu projek penswastaaan. Jadi saya tidak mempertikaikan LLB tetapi saya mempertikaikan mutu kerja di persimpangan bertingkat di Bukit Tengah.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi saya akan ambil perhatianlah.
[Ketawa]

Bagi Yang Berhormat Beluran tadi saya sudah sebut ini adalah projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan sila melalui kerajaan negeri mengemukakan cadangan untuk 70 kilometer yang disebutkan tadi dalam untuk kita mengkajikannya di dalam *mid-term review*, saya dapat bagilah, mesti hendak melalui kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan bangun lagi.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Pengerusi, saya agak ini kita sia-siakan masa kita untuk membincangkan peruntukan ini. Ini ada projek yang spesifik seperti butiran 02000 ini khas kepada Jambatan Sungai Perai.

Puan Chong Eng: Dia tidak tahu!

Tuan Lim Hock Seng: Dan saya telah mengemukakan beberapa soalan mengenai projek spesifik ini tetapi dikatakan tiada maklumat dan projek spesifik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Untuk pegawai tengah sahaja!

Tuan Lim Hock Seng: Tidak dapat apa-apa jawapan apa guna kita bahas di sini.

Puan Chong Eng: Panggil Setiausaha Parlimen marilah, dia tidak tahu!

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, saya memang tidak bersetujulah kalau sikap begini kita membincangkan di sini, kita cari bahan, kita look for all this detail tetapi apabila diutarakan di sini tidak dapat jawapan. Jadi Tuan Pengerusi, saya berharap supaya apa yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini dan di sana boleh dipandang berat dan dapat satu jawapan sekurang-kurangnya kalau tidak 100% pun 50% sekarang 10% pun tiada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ataupun boleh berikan jawapan secara bertulis!

Puan Chong Eng: Esoklah, esoklah!

Datuk Yong Khoon Seng: Apa yang disuarakan tadi kita akan ambil tindakan secara menjawab di sini atau secara membuat kerja di tempat yang dikatakan tadi.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bercakap tanpa pembesar]*

Datuk Yong Khoon Seng: Okey, okey, saya telah jawab kita ambil tindakan susulan, itu betul.

Yang Berhormat Tumpat, membuat projek juga yang telah pun timbulkan khususnya di Pantai Timur di negeri-negeri sana. Ada juga projek besar yang masih dijalankan disambungkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Ada juga Yang Berhormat menyoalkan lampu ini RM30 juta jalan ke KLIA, saya ingat Yang Berhormat Tumpat sudah pun ketinggalan zaman kerana bahan-bahan sudah mahal. Lampu yang ini RM30 lebih juta memang sederhana. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalankah? Lampu jalan daripada Bangi ke Kuala Lumpur itu, saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana menambah keindahan, keceriaan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dekat mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Skudai, kawasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi ini. *[Ketawa]* Itu kawasan yang paling penting di Skudai kerana itu pintu masuk yang ditumpukan oleh rakyat Singapura dan juga negara lain. Gelap gelita!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak termasuk butiran, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak. Pasal Tumpat sentuh tentang lampu jalan. Saya sudah lama dendam tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tentang kawasan saya, saya boleh bincang dengan Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Masa suntuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi *team* lain, dia *team* lain. *[Ketawa]* Biar UMNO masuk. Kalau boleh pasal jalan itu jalan penting. Ia boleh daripada Skudai sampai ke bandar Johor Bahru. Skudai bukan main cantik lagi lampunya ada, bukan panjang sangat. Tuan Pengerusi pun boleh jadi saksi, satu setengah kilometer sahaja lagi. Dan jalan itu jalan empat lorong - dua lorong, dua lorong, ianya indah kerana pokok-pokok yang rendah. Hoh! Kalau malam dipasangkan lampu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukuplah. Ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan jawab...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi tak sukakah kalau kawasan Tuan Pengerusi lebih cantik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Patut Tuan Pengerusi berterima kasih dengan saya, tambah masa saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih banyak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Yong Khoon Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sila mohon supaya kita dapat jugalah.

Yang Berhormat bagi Pendang tadi ada kata plaza-plaza tol telah pun mengganggu lalu lintas, kesesakan lalu lintas berlaku. Sebenarnya kerajaan telah pun berminat untuk mengadakan sistem elektronik untuk seluruh lebuhraya. Lagipun Yang Berhormat bimbang kalau tidak orang kampung pakai kereta tidak ada kad bagaimana. Memang ada lorong yang diberi khusus untuk pengguna yang tidak ada kad. Sekarang kita telah pun berbincang dengan satu syarikat supaya dapat membekalkan kad elektronik ini supaya dapat digunakan di seluruh lebuhraya kita. Juga penyelenggaraan jalan lebuhraya ini memang kita sentiasa memantau pihak syarikat konsesi membuat penyelenggaraan kerap kali supaya jalan-jalan masih seronok digunakan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya tidak dapat jawab seperti mana Bagan tuduhkan, kita akan ambil tindakan susulan. Itu sahaja yang dapat saya jawab, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM672,997,020 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM672,997,020 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud B.34 [Jadual] -

Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Batang Lupar.

4.50 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Ada rasa SARS di sini? Ada? Kita mintalah, berdoa jangan terkena.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.34 Kementerian Kesihatan di bawah Butiran 020100 bersama dengan 020300. Pertama, di bawah Pengurusan Kesihatan Awam - Ibu Pejabat dan Negeri. Yang kedua, Kawalan Penyakit. Satu subjek sahaja Tuan Pengerusi, masalah SARS ini.

Masalah SARS ini telah menggerunkan masyarakat Malaysia. Walaupun kita mengatakan bahawa perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali, keluar dalam surat khabar, apa yang kita lihat dalam surat khabar pada masa sekarang ialah persoalan orang yang kena penyakit. Sekarang ada juga orang dari Singapura mengatakan penyakit ini daripada Malaysia pergi ke Singapura.

Jadi, banyak persoalan yang belum dibangkitkan. Saya setuju perkara ini ditolak dalam usul tetapi kita berpeluang hari ini bagi empat orang bercakap, bangkitkan persoalan-persoalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya yakin Yang Berhormat sudah kemukakan, nanti Menteri akan beri penjelasan, tak payah kita ulang lagi. Sebab perkara ini sebagaimana yang telah kita semua dimaklumkan telah banyak dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya pihak Kementerian Kesihatan

telah memberi jawapan yang cukup panjang. Jadi, Yang Berhormat sudah ada bangkitkan, nanti saya yakin Menteri akan memberi jawapan tambahan. Yang Berhormat boleh alih kepada tajuk yang lain, menggunakan masa peluang inilah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Berapa minit yang Tuan Pengerusi bercakap yang saya boleh diberi tambah *injury time*?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit Yang Berhormat diberi peluang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sepuluh minit tolak yang Tuan Pengerusi bercakap, satu minit begitulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini nasihat saya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tahu dia akan bagi satu minit, dua minit itu. Saya tak cakap panjang, Yang Berhormat Menteri, insya-Allah. Pendek sahaja, tak sampai 10 minit.

Persoalan saya satu, di mana sebenarnya *in so far as Malaysia is concerned*, dengan izin, dari mana mulanya? Sama ada Singapura kah ataupun dari Malaysia? Kena beri penjelasan yang cukup jelas kepada semua masyarakat Malaysia. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya pun sudah tahu macam mana merebaknya penyakit ini di Malaysia dan apakah mekanisme kontrol yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan supaya mententeramkan perasaan rakyat Malaysia ini.

Yang ketiga, saya telah dimaklumkan - saya tak ingat kawan mana yang telah beritahu saya - kalau kita *shake hands* dengan infected person, dengan izin, dalam masa tiga jam kita sudah pun jadi macam orang itu juga. Persoalannya benarkah cerita ini? Ini kerana kita tidak hendak *rumours* keluar daripada mulut-mulut yang tidak menentu, tak mengetahui dan sebagainya. Kita hendak tahu daripada *the horse's mouth (disampuk)* - bukan mulut kuda itulah - [Ketawa]. Mulut Menteri sendiri.

Jadi, kita hendak jawapan daripada Menteri betulkah dan macam manakah keadaan penyakit ini. Kerana benda ini, kalau dipandang dahulu kita dengan masalah SAR - sekolah agama rakyat. Ini macam ada orang mengintepretasi sebagai Sekolah Agama Rakyat Semenanjung" kerana di Sabah dan Sarawak tidak ada. Jadi, ini masalah-masalah yang perlu kita mendapat satu penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Penyakit SARS Singapura tuduh kita. Dia ada muslihat dia kerana dia pun mahu mencemarkan nama Malaysia dan menakutkan pelancong. Kita kena berhati-hati tentang permainan ini. Itu sebabnya saya bersetuju, Menteri telah pun memberi penjelasan, kita jangan riuh sangat tentang penyakit ini. Ianya akan mengakibatkan kesan pelancongan akan takut datang ke negara kita. Jadi, adalah lebih baik tindakan kementerian yang secara bijaksana itu rakyat harus menerimanya, tak payah kita hendak riuh. Itu pandangan saya. Saya pun berpengalaman sangat dengan Singapura ini. Kita sedikit sahaja - dekat Johor Bahru ada denggi - saya jadi Exco kebajikan waktu itu, kesihatan di bawah saya, dia punya riuh surat khabar dia semua siarkan bahawa Johor Bahru ialah tempat merbahaya, *you* datang sahaja kena sakit denggi. Walhal sebenarnya tidak ada apa-apa. Ianya sebagai peperangan untuk propaganda negara dia. Kita kena berhati-hati tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya Tuan Pengerusi, ini perang psikologi. Jadi, dalam keadaan perang psikologi ini kita kena gunakan psikologi informasi kita, terutama sekali orang-orang daripada Sabah dan Sarawak yang tidak dekat dengan pusat. Apa yang Menteri keluarkan, mungkin keluar dalam televisyen, keluar dalam *Straits Times*, tetapi di Sarawak kalau orang *subscribe* Borneo Post dan Tribune sahaja mungkin tidak baca. Jadi, persoalannya perhubungan kita dengan Singapura, mungkin MAS *fly direct* dari Singapura pergi ke Kuching. Jadi, apakah tindakan-tindakan kawalan atas penerbangan ini yang daripada Singapura, daripada Hongkong, daripada China. Apa pemantauan yang wujud di negara kita ini supaya

pembawa penyakit tidak menerusi benteng pertahanan kesihatan awam kita sekarang ini?

Jadi, kita bimbang juga banyak rakan niaga kita dari negeri China, dari Hongkong, mungkin juga dari Taiwan dan Singapura, *our biggest trading partner*. Jadi, kita kena jangan perkara ini menjadi satu masalah, orang kita pergi ke sana susah fikir, apa benda yang akan dihadapi di Singapura, kita kena tahu juga masalah, macam mana merebaknya penyakit ini di Singapura. Apa tindakan-tindakan usahawan-usahawan kita pergi ke Singapura supaya tidak terjebak dan membawa penyakit ini masuk ke Malaysia. Semua perkara ini *very relevant*. Saya cukup yakin ada Menteri boleh memberi penjelasan yang secukupnya.

Tuan Pengerusi, saya memang tak sentuh cerita lain.

Seorang Ahli Yang Berhormat: *What's about* pekerja Malaysia di Singapura?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pekerja Malaysia di Singapura, Tuan Pengerusi. Kalau tidak salah saya, 50,000 orang yang berulang-alik menerusi Tambak Johor dan Jambatan keluar masuk daripada Singapura ke Johor. Jadi, daripada Johor itu semua merata-rata datang ke Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebagainya. Dan ini apa kontrol, apa nasihat yang telah kita beri dengan pekerja-pekerja dari Malaysia yang bekerja di Singapura yang kita lihat pada masa sekarang sebagai satu pusat yang mengeluarkan penyakit ini datang ke Malaysia?.

Jadi, kita bimbang seorang terkena, anak-anak mereka, isteri mereka, rakan dan taulan minum di kedai kopi, minum "kopi anan" dan sebagainya kita tak tahu. Sekarang kopi "O" Malaysia sudah ditukar kepada "kopi anan", kopi "O" sudah buang, "kopi tiam" pun tak pakai lagi dah.

Jadi, Tuan Pengerusi, secara ringkas soal SARS sahajalah yang saya hendak tanyakan dan penjelasan dari Menteri seberapa...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Parit Sulong. Kena kerjasama .

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya juga membangkitkan di peringkat dasar minggu sudah. Saya hendak tanya apakah tindakan proaktif Malaysia untuk melaporkan segala apa *pre-emptive measures* yang dilaporkan oleh Malaysia kepada WHO, kerana WHOlah yang mengkategorikan negara-negara mana yang akan dihebahkan ke seluruh dunia, umpamanya Singapura, Hong Kong telah dihebahkan. Jadi untuk mengelakkan kita ini mungkin dipermainkan oleh badan-badan yang tidak sukakan kita, saya minta Yang Berhormat bertanya dengan menteri, apakah laporan kita kepada WHO?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, kadang-kadang berlaku kalau kita tidak bertegur dengan orang baru buat macam ini, gunakan jambatan, tetapi ini kawan baik dengan menteri pun suruh saya tanya, macam mana...[Ketawa] ..tapi saya tanyalah, apa tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk menguruskan perkara ini supaya Malaysia tidak dihebah, digembar-gemburkan jadi satu pusat mengeluarkan SARS ini. Jadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa Yang Berhormat telah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan habiskan ayat saya ini, mungkin panjang 2,3 paragraf. Saya mintalah – kerana kita bimbang di Malaysia kita ini, pemimpin kita ini begitu lantang dan begitu bersuara untuk menegak kebenaran, jadi mereka kadang-kadang di luar itu tidak senang hati dengan kita, jadi digunakan satu kerenah macam ini untuk memburuk-burukkan Malaysia. Macam dulu dikatakan Malaysia menjadi pusat perhubungan Kerajaan Malaysia dengan terrorise dan sebagainya, sampai kita protes baru itu dibuang. WHO ini pun mesti kena pantau betul-betul jangan mereka memburuk-burukkan Malaysia - minta maaf Tuan Pengerusi suruh saya duduk, saya sebagai Ahli Parlimen yang baik budi dan pekerti mesti akur kepada arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Baik. Terima kasih. Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

5.00 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupa patut tumpukan perhatian dengan sungguh-sungguh jangan hendak berjenaka sahaja. Saya sebelum mengucapkan mengenai perkara yang serius ini saya menyeru supaya Kementerian Kesihatan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas SARS dan setiap hari memberi maklumat yang terkini berhubung penyakit itu. Dengan izin Tuan Pengerusi:

- (i) *the daily nationwide up-dates of SARS or suspected SARS;*
- (ii) *clear guidelines including quarantine measures if necessary, or school closures in the country and whether the people should avoid public places and so on, kawasan-kawasan tumpuan ramai; .*
- (iii) *the situation in Johore Causeway; and*
- (iv) *the facilities in hospitals all over the country particularly in the south should be upgraded to try to deal with the problem sebab untuk 10% atau 20% pesakit SARS memerlukan bantuan pengudaraan mekanikal untuk bernafas. Sebab itulah kita perlu kemudahan yang lebih;*
- (v) *peranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di Malaysia mengenai SARS.*

Tuan Pengerusi, sejak November 2002, sindrom kesukaran pernafasan teruk ini (SARS) telah merebak dari selatan China ke Hanoi, Singapura, Thailand dan Kanada. Setakat ini lebih 806 kes SARS telah dikesan di China yang turut menyebabkan lebih 34 kematian, manakala 12 orang mati dan 470 yang lain menghidapnya di Hong Kong, lebih 100 orang di Utara Amerika, termasuk lebih 40 orang di Ontario.

Jumlah kes SARS di dunia adalah lebih 1,500 dan kematian lebih 54. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, 59 kes disyaki SARS telah dilaporkan dan 19 orang telah di*quarantine*kan di hospital-hospital. Pada 1 April seorang pesakit yang disyaki SARS telah meninggal dunia dan Kementerian memerlukan dua minggu untuk mengesahkan sama ada ini kes SARS ataupun tidak. Setakat ini kementerian sudah menafikan atau menyangkal kematian SARS di Malaysia.

Di sinilah kita perlukan satu kenyataan hari ini daripada Yang Berhormat Menteri yang saya mengucapkan tahniah kerana ini satu-satunya Menteri yang datang pada petang ini. Itu satu perbuatan yang betul. Kita hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri keadaan yang sebenarnya. Saya percaya daripada kesangsian yang ditimbulkan oleh pihak orang ramai, Yang Berhormat hari ini dapat memberikan maklumat yang lengkap sekali.

Para pakar dunia sedang bertungkus-lumus untuk mengesan virus yang dipercayai datang dari Kwangtung di selatan China, sementara itu kerajaan mestilah meningkatkan usaha untuk menangani SARS selain daripada langkah-langkah beberapa bulan ini saya setuju, ada berapa bulan itu pihak kementerian sudah memberi amaran kepada orang ramai dan dipaparkan di muka depan akhbar kita beberapa bulan ini. Itu memang langkah yang betul tetapi sementara itu yang kita perlukan lebih baik seperti yang saya sebutkan tadi, seperti memberi maklumat yang lebih yang terkini tiap-tiap hari.

Di sini saya diberitahu bahawa hanya Yang Berhormat Menteri dan Ketua Pengarah dan Timbalannya hanya tiga orang sahaja yang diberi tanggungjawab untuk membuat kenyataan dan penerangan kepada orang ramai. Adakah ini benar dan apakah yang terjadi dengan Jabatan-jabatan Kesihatan di setiap negeri. Adakah mereka diberi peluang untuk memberi maklumat kepada orang-orang di negeri-negeri sendiri. Ini pun penting juga. Kalau di pihak kementerian di Persekutuan sahaja yang dapat memberi maklumat apakah terjadi dengan negeri-negeri berkenaan. Ini memang kita perlu penyelarasan yang lebih ketat untuk memberi maklumat yang serupa. Jangan seperti demam denggi berdarah, maklumat daripada pusat dan daripada negeri-negeri ada perbezaan sedikit. Ini memang merupakan satu penyelarasan yang lemah.

Sebab itulah hari ini saya menyeru supaya keadaan yang berlaku demam denggi janganlah diulangi dengan SARS, kerana SARS nampaknya merebak lebih bahaya berbanding dengan denggi. Setakat ini adakah benar virus ini adalah *corona virus* ataupun jenis *polymaco virus* dan sebagainya. Ini memang virus yang didapati dengan selesema dan mungkin ada *mutant* dan sebagainya yang kita tidak tahu tetapi sementara itu, walhal kita tunggulah siasatan pakar-pakar itu kita mesti mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali dengan zaman maklumat melalui Internet dan sebagainya, saya menerima satu Internet tadi mengesahkan ada orang yang mati kerana SARS. Tetapi kita tidak boleh percaya dengan begitu sahaja, mesti siasat dahulu sama ada maklumat melalui Internet itu betul atau tidak tetapi Yang Berhormat saya mencadangkan supaya pihak kementerian itu meningkatkan, *up-datekan web site* kementerian ini kerana saya nampak tidak begitu canggih, tidak begitu terkini dengan berita mutakhirnya tidak dapat ditonton di dalam laman *web* Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan mesti mempertingkatkan supaya laman *web* kementerian itu meningkat ke taraf dunia kerana kita pun sekarang hendak dijadikan negara, tidak sampai 20 tahun lagi bertaraf dunia dan mesti kita buat untuk meningkatkan laman *web* kementerian ini bertaraf dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

5.08 ptg.

Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi Assalamualaikum warahmatullahi taala wabaakatuh, selamat petang dan salam sejahtera.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan perbelanjaan tambahan keempat 2002 Kementerian Kesihatan P 34 – Butiran (Projek) 00400 – Hospital Baru. Tahniah kepada kerajaan yang telah pun mengambil perhatian kepada rakyat di seluruh negara dengan membina beberapa hospital di antaranya Temerloh, Cameron Highlands, Sungai Petani dan juga Tampoi.

Tetapi dalam masa yang sama juga saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pada tahun 1997 di kawasan saya yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun mengisytiharkan untuk membina sebuah hospital baru menggantikan hospital yang sedia di Asam Jawa. Tetapi alhamdulillah sampai hari ini belum ada apa-apa yang berlaku walaupun Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Khir Toyo telah berusaha untuk mencari sebidang tanah di kawasan Sungai Terap dan telah pun dikenal pasti dan telah pun diluluskan.

Apa yang berlaku hari ini yang mana kawasan hospital Tanjong Karang tidak mampu lagi untuk menerima pesakit-pesakit yang mana pesakit ini datangnya daripada dua kawasan Parlimen iaitu Parlimen Kuala Selangor dan juga Parlimen Tanjong Karang. Jadi saya mengharapkan kepastian perkara ini dan saya nampak tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Jadi, saya dan juga Kuala Selangor dan Tanjong Karang mengharapkan supaya perkara ini dicari di mana-mana peruntukan tambahan untuk mengatasi perkara ini sebelum pilihan raya akan datang.

Yang kedua, mengenai masalah yang berlaku di Hospital Tanjong Karang ini apa yang saya telah nyatakan di dalam Parlimen ini sejak tahun 2000 lagi mengenai dengan masalah kekurangan doktor-doktor yang ada di Tanjong Karang yang mana terpaksa pada tiap-tiap malam satu doktor yang *on-call* sahaja. Itupun manakala ada berlaku masalah yang bersangkutan dengan hospital maka diutamakan yang masalah *emergency*. Ini menjadikan masalah kepada mereka yang menerima musibah terutama yang meninggal dunia, terpaksa menunggu beberapa jam manakala berlaku perkara ini dan saya mengharapkan supaya ditambah kekurangan doktor yang ada di Tanjong Karang.

Sehubungan dengan itu, yang saya nyatakan di Parlimen ini juga dengan mengenai masalah doktor-doktor pakar yang mana untuk pengetahuan kepada Dewan yang mulia ini bahawa doktor pakar yang dibekalkan di Tanjong Karang, seminggu sekali datang daripada Hospital Tengku Ampuan Rahimah ke Tanjong Karang. Jadi

saya mengharapkan kepada kementerian supaya perkara ini dapat diatasi bagi memperlihatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat khususnya di Parlimen kawasan Kuala Selangor dan Tanjong Karang.

Yang kedua, saya ingin menyatakan dalam Butiran 00301 – Ubahsuai dan Naik Taraf Hospital. Jadi saya sebutkan tadi dalam masalah Hospital Tengku Ampuan Rahimah yang mana terdapat dalam butiran ini ubah suai dan saya semalam tengah hari semasa masa rehat Parlimen saya berkesempatan untuk melihat rakyat di Kuala Selangor yang ada di hospital tersebut. Saya naik lif, lifnya tidak mahu tertutup. Ada sahabat kita tidak tahu daripada mana, tendang baru masuk, baru tertutup.

Kemudian kalau saya melihatkan itu, saya balik naik lif yang lain kemudian lif itu pun kurang berfungsi maka digodak, godak, godak, barulah tutup. Jadi saya mengharapkan supaya lif ini dapat diganti dalam masa ubahsuai Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Silam dan lepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, ini perkara amat penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya fikir Yang Berhormat juga akan membangkitkan perkara SARS. Jadi pihak Menteri dan kita sudah

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, kalau kita baca *Hansard*, usul saya ditolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: Tiada penerangan secara mendalam kerana perkembangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Menteri menjawab. Cukup. Cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: *Termination should be answerable to the House?*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri akan jawab nanti.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, dia hanya bangkitkan sedikit sahaja. Datuk tadi tidak membenarkan dia untuk membangkitkan SARS.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup. Cukup. Yang Berhormat bagi Kepong juga ada membangkitkan perkara ini.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, ini perkara amat serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup. Cukup. *Sit down.*

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi tidak boleh hadkan masa begitu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Menteri sudah menunggu, sudah lama.

Puan Chong Eng: Saya merayu supaya Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah diberi satu peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti, kalau penjelasan tidak faham, perlu minta penjelasan, boleh minta.

Puan Chong Eng: Bukan. Bukan. Saya harap 10 minit sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah membuat keputusan. Cukup.

Puan Chong Eng: Sepuluh minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Silam.

Datuk Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Pengerusi.

Puan Chong Eng: Tolonglah.

Datuk Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Pengerusi, saya ingin.....

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, Parlimen ini berfungsi dengan baik...

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kita ada berapa kementerian lagi?

Puan Chong Eng: Cuma saya kata.....

Puan Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan, jangan, jangan cara macam itu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Membantah] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Railey bin Haji Jeffrey: Tuan Pengerusi, saya ingin Butiran 010400 di bawah Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan.....

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat sebut?

Puan Chong Eng: Apa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta Yang Berhormat tarik balik apa itu tadi cakap apa.

Puan Chong Eng: Tarik balik apa Tuan Pengerusi.

Datuk Railey bin Haji Jeffrey: Apa macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kena hormat sedikit Yang Berhormat, tahu?

Puan Chong Eng: *[Membantah] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk. Sila duduk. Sila duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Kota Melaka. Sila pindah ke tempat Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sidang.

Puan Chong Eng: *[Masih membantah]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Masih membantah]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya kena hormat. Hormat sedikit Yang Berhormat. Saya sudah beri tahu kerana kesuntukan masa dan beberapa perkara tentang SARS telah dikeluarkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Menteri akan jawab. Ahli Yang Berhormat bagi Silam, sila.

Puan Chong Eng: *[Bercakap terus tanpa pembesar suara]*

Datuk Railey bin Haji Jeffrey [Silam]: Saya ingin menyentuh Butiran 010400 Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan khusus berhubung dengan penempatan dokotr-dokotr pakar di Hospital Daerah Lahad Datu yang mana saya difahamkan dalam ucapan jawapan bertulis tempoh hari bahawa akan ada lapan orang doktor pakar di Lahad Datu yang akan datang daripada warga asing dari Bangladesh dan juga dari

India, tetapi pada masa sampai sekarang nampaknya belum ada cerita-cerita apa-apalah, minta kalau boleh dipercepatkan, sebab Lahad Datu ini merupakan daerah yang begituvibrant sekali dan sekarang ini walaupun hospital baru yang umurnya setahun yang sudah digunakan sekarang ini, tetapi sebarang kes-kes kemalangan yang besar masih juga dirujuk kepada Hospital Tawau, Sandakan dan Kota Kinabalu. Saya difahamkan bahawa Hospital Lahad Datu ini sepatutnya menjadi hospital rujuk tetapi sekarang ia masih merujuk di hospital lain.

Saya dapati kelengkapan saya difahamkan memang sudah lengkap, tinggal kakitangannya yang belum cukup, saya difahamkan cuma satu doktor pakar yang ada iaitu doktor pakar sakit dalaman, saya pun tidak fahamlah sakit dalaman, sakit dalamanlah. Dan maklum sahaja rakyat di kawasan, apabila nampak hospital baru, mereka kata hospital sudah siap tetapi doktor tidak ada, kita faham kerajaan memang ada rancangan untuk menempatkan doktor, tetapi sukar hendak memahamkan kepada rakyat bahawa doktor akan ada. Jadi, kalau boleh mintalah dipercepatkan perkara itu, Dato' Menteriilah.

Dan begitu juga halnya dengan hospital yang baru di Kunak, saya harap tidak akan mengalami nasib yang samalah.

Jadi, satu perkara lagi yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan bangunan lama Hospital Lahad Datu, kerana sebelum ini ia digunakan sebagai outpatient department, dan apabila hospital baru sudah siap ia dipindahkan semua dan saya difahamkan hospital lama akan diroboh, adakah ini benar atau tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

5.17 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Batang Lupar atas komen-komen yang telah dikeluarkan tadi dan apa yang dilafazkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain sama ada kawan atau lawan tetapi saya ucapkan terima kasih kepada semua oleh kerana cara mendekati masalah ini adalah satu cara yang amat bertanggungjawab.

Hari ini bukan sahaja Malaysia menghadapi ancaman tetapi sudah ada 17 negara di dunia ini yang telah terjejas dengan jangkitan kuman atau virus yang membawa kepada penyakit SARS ini. Saya hendak maklumkan yang terkini yang telah diliputi dalam *Asian Wall Street Journal* pada hari ini iaitu kalau kita banding dengan 12 Mac tahun ini, bila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) memberikan satu penjelasan, satu pengisytiharan sedunia iaitu amaran kesihatan sedunia mengenai ancaman SARS.

Saya masih ingat pada masa itu hanya beberapa negara yang kena penyakit ini. Pada masa itu hanya 170 kes dilaporkan. Daripada surat khabar yang saya sebutkan tadi, pada hari ini daripada bilangan 170 sudah meningkat kepada 2,290 dengan 78 kematian. Ini memang serius. Bila kita lihat kepada negara rakyat Republik China, jumlah kes yang melanda lima provinsi mereka telah meningkat kepada 1,190 kes dengan 46 kematian.

Inilah butir-butir maklumat-maklumat yang terkini. Hong Kong – SARS, kebetulan nama dia Hong Kong SAR (*Self-Administering Region*), tetapi Hong Kong sekarang dilandakan dengan penyakit yang begitu hebat – 708 kes dengan 16 kematian. Singapura sudah hampir 100 kes dengan empat kematian.

Oleh kerana itu, saya harap semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan mengambil sikap bertanggungjawab. Kita hendak jaga kepentingan rakyat kita supaya tidak ada panik di kalangan rakyat kita, tidak ada khabar-khabar angin dikeluarkan dari satu mulut ke satu mulut yang lain, khasnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat ini.

Saya harap juga semua sudah faham, semua yang perlu dilakukan oleh Kerajaan Malaysia telah dilakukan, sejak pengisytiharan sedunia oleh WHO, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan semua langkah-langkah yang diperlukan, malah kita telah melakukan lebih daripada yang dinasihati oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, *more than is required by the World Health Organization*.

Walaupun belum ada kes yang telah diumumkan berlaku di Malaysia, dan kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa keadaan ini, di Malaysia ini tidak begitu buruk berbanding dengan jiran kita. Saya baru pergi ke Singapura pada 1 April, oleh kerana saya pandang berat mengenai perkara ini, walaupun saya menasihatkan rakyat kita jangan pergi ke negara-negara yang terjejas, yang jadi punca kepada penyakit ini.

Saya pergi ke Singapura pada 1 April, saya berhubung dengan Menteri Kesihatan Singapura, Mr. Lim Heng Kiang, dan beliau menyambut saya dengan baik dan memberikan satu taklimat yang begitu mendalam mengenai wabak yang melanda jiran kita.

Daripada maklum balas yang diberi, taklimat yang diberi, saya dapat makluman iaitu 85% daripada kes-kes yang melanda Singapura adalah kes-kes yang dijangkiti di dalam hospital atau *hospital based infection*. Ini sama dengan banyak negara lain, China, Hong Kong di mana kebanyakan atau majoriti besar pesakit-pesakit terdiri dari *health providers*, doktor dan jururawat.

Di dalam hospital juga dan saya bersyukur oleh kerana pada hari ini tidak ada yang dilaporkan kepada saya mengenai doktor atau jururawat di hospital-hospital kita yang sudah jatuh sakit oleh kerana serangan SARS ini. Ini adalah satu tanda yang menggalakkan bagi saya sebagai Menteri Kesihatan.

Apa yang saya kluatir ialah laporan daripada hospital-hospital sama ada swasta atau kerajaan bahawasanya sudah jatuh sakit, ramai daripada doktor dan jururawat kita yang mendekati orang-orang yang sakit dengan penyakit ini.

Tuan Pengerusi, mengenai cara-cara yang telah kita laksanakan.

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekiranya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah benar, iaitu 85% of *the cases* di Singapura adalah *hospital based infections*, jadi itu bermakna ia bukan di luar hospital, ia bukan begitu bahaya, jadi mengapa Yang Berhormat Menteri menasihatkan bahawa Malaysian yang bekerja di Singapura lebih baik mengambil cuti supaya tidak pergi ke Singapura bekerja, adakah ini nasihat ini di *acquire*, diperlukan. Terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam betul kalau saya kata 100% dijangkiti di dalam hospital tetapi saya kata 85% bermakna ada 15% lagi yang dijangkiti di kalangan orang awam.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading atas komen tadi yang begitu bertanggungjawab, oleh kerana kita tahu, yang pertama kita hendak memastikan tidak ada penyakit di negara ini, tetapi pada masa yang sama kita pun hendak menjaga kepentingan rakyat tempatan negara kita.

Daripada pengalaman daripada negara-negara lain yang telah dilanda dengan penyakit ini, ekonomi mereka terjejas. Terjejas! Dan di dalam keadaan di mana Kementerian Kesihatan belum melaporkan mengenai kes *probable* SARS di Malaysia, saya haraplah tidak diheboh-hebohkan perkara ini.

Saya sudah beritahu Ketua Pengarah saya, kalau ada kes kata ada kes, kalau tidak ada kes, kata tidak ada kes. Tetapi jangan di dalam keadaan di mana tidak ada kes, oleh kerana desakan dan *pressure* daripada orang-orang tertentu, anda mengatakan ada kes. Itu salah juga.

Saya bersetuju kita perlu telus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun. Mana satu? Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat Menteri, biasanya doktor yang membuat rawatan kepada pesakit-pesakit tidak akan mengatakan kalau itu bukan kes SARS, dia tidak akan katakan ini kes SARS sama ada ada tekanan ataupun tidak, itu secara profesional. Dan kalau Yang Berhormat mudah itu ditemui kalau orang tanya Yang Berhormat, kita hendak tahu inilah, sama ada dari DAP, dari

mana-mana pun Yang Berhormat atau dari mana-mana, saya terus terang punya, saya ikhlas dan terus terang, tidak ada hendak sembunyi.

Itu cara untuk memendamkan semua itu memberhentikan semua khabar angin, lebih mudah, seperti saya cadangkan tadi, kalau kita *updatekan* semua laman web kesihatan, kita tidak takut, inilah yang sebenarnya, yang lain tidak. Itu caranya. Itu sikap dan perangai dan tabiat dan tabii kementerian, itu penting sekali untuk mengatasi masalah ini.

Kita bersama-sama, kita bertanggungjawab. Saya tidak menyebarkan khabar yang tidak betul. Saya hendak mengesahkan, termasuklah kita datang ke sini untuk mencari kebenaran daripada kementerian.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bagi Kepong iaitu, satu taklimat diberi setiap hari mungkin hari Ahad tidak adalah. Tetapi setiap hari perlu ada, saya bersetuju.

Perkara ini sudah dibawa kepada Jemaah Menteri, supaya maklumat yang terkini diberi kepada rakyat kita. Ya.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri, saya percaya kerana atas arahan beliau baru Yang Berhormat Menteri mempunyai sikap yang terbuka dan telus di dalam perkara ini.

Sebenarnya kredibiliti kementerian di dalam menangani isu ini telah semakin hari semakin terhakis. Saya ingin maklumkan, *see the latest today, how ministry losing credibility*, ini bukan kenyataan pertama kali. Jadi, hendak kita bertanggungjawab, kementerian haruslah telus, dan orang ramai bekerjasama, bersama-sama menangani kes ini, kerajaan mestilah *transparent*, buat laporan yang tepat setiap hari yang sempurna, *complete report*.

Saya hendak bertanya lagi, mengapakah perbezaan definisi, suspected case and probable case daripada definisi WHO, Pertubuhan Kesihatan Sedunia? Yang Berhormat kata ada contact case, probable case and suspected case. Tetapi saya rujuk WHO hanya ada suspected case dan probable case sahaja, mengapa berlainan daripada apa yang telah digariskan oleh WHO. Saya pohon satu penjelasan.

Datuk Chua Jui Meng: Ya, Tuan Pengerusi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Pengerusi, saya tahu ada beberapa kritikan di dalam surat khabar, saya tahu, saya terima semua ini. Saya sudah minta Ketua Pengarah, setiap hari tengok surat khabar, kalau ada isu, *addressed the issue*. Tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, Yang Berhormat mengeluarkan satu pendapat yang amat negatif terhadap pegawai saya di Kementerian Kesihatan walaupun mereka telah bekerja bertungkus-lumus sejak pengumuman sedunia oleh *World Health Organization*.

Tadi ada satu soalan mengenai laporan kita, taklimat kita kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia, sudah diberi. Saya cuma hendak petik *daripada World Health Organization, Representative, Joe L. Vendenburg*, yang mengatakan:

"I was appreciative of the briefing and most impressed with the preparations made in the event that an outbreak should occur in Malaysia. The preparations made to inform and educate the public, the evasion industry and health care professionals are impressive. More so, these efforts towards protecting the health of the public are greatly appreciated by WHO".

Saya minta maaf Yang Berhormat, yang begitu tegas di dalam komen tetapi perbezaan antara World Health Organization dan pendapat Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam adalah amat jelas.

Beberapa Ahli Yang Berhormat: [Bangun]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengucapkan syabas kepada Menteri Kesihatan dan Kerajaan Malaysia. Daripada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat, menyatakan bahawa, dengan izin, *we have done more than what is required by WHO* adalah satu bentuk tindakan proaktif yang kami alu-alukan.

Tuan Pengerusi, sekadar sebagai penjelasan, kami juga dari Barisan Nasional menyatakan kebimbangan kami di dalam Dewan Rakyat kerana pada suatu ketika, kita berada dalam keadaan seolah-olah teraba-raba. Jadi, untuk melahirkan keprihatinan kita kepada rakyat maka kita mencari solusinya menerusi Dewan ini. Jadi, saya harap mendapat kefahaman daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Saya faham perasaan Yang Berhormat, perasaan orang lain, perasaan orang awam. Mereka takut, ini adalah satu penyakit misteri. Seorang Ahli Yang Berhormat kata, apalah virus yang menyebabkan penyakit dahsyat ini? Saya sudah menerima taklimat daripada Singapura, saya sudah baca majalah-majalah antarabangsa mengenai

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Biar saya jawab dahulu, satu demi satu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Ada yang kata selepas pada permulaannya di bulan November tahun lalu, lepas itu ada pneumonia, lepas itu pneumonia yang luar biasa, lepas itu SARS. Kumannya? Apa kumannya? Yang pertama kata, *paramyxo* virus. Saya faham *paramyxo* virus, oleh kerana itulah satu daripada famili virus yang namanya Nipah virus. Pertama kali ditemui di dunia berlaku di Malaysia., lepas itu dia kata *corona virus*.

Yang Berhormat bagi Kepong tidak ada, dia lebih faham sebab oleh kerana dia seorang doktor pakar. Corona virus saya faham. Apa Corona virus? Corona virus biasanya satu virus yang menyebabkan penyakit yang ringan. Selesema, *common cold, these are the symptoms of Corona virus*. Dia berasal daripada binatang. Dia berlaku di dalam tubuh badan manusia. Tetapi kenapa ini Corona virus, itu adalah satu famili? Tetapi apalah sebenarnya genus [Disampuk] bukan *genie*, [Ketawa] virus ini di dalam famili? Ini famili besar, Corona virus. Yang sebenarnya, apa itu? Belum diketahui lagi. Oleh kerana itu ramai takut.

Oleh kerana kita tidak tahu apalah kuman yang sebenarnya, kita tidak ada ubat yang sebenarnya untuk betul-betul menawarkannya.

Puan Chong Eng: Terima kasih. Itulah soalan yang saya tanya hari itu. Kalau kita tidak tahu apa virus ini, bagaimana kita hendak *confirm*? Kerana selama ini sampai hari semalam, barulah kementerian bertukar bahawa kita – sebelum itu ada mengatakan kita tidak ada *confirmed SARS case*, tidak ada *suspected SARS case*. *We are free from from SARS*. Tetapi sekarang Menteri mengatakan bahawa kita belum tahu *exactly* apa virus itu. Jadi, bagaimana kita hendak *confirm*?

Kalau mengikut apa yang dikatakan oleh WHO, ini adalah satu sindrom. Kalau sindrom kita mengikut *clinical analysis, based on clinical* dan kalau ada *symptoms* ini jadi dikatakan *SARS-related*. Saya hendak tahu sama ada kes di Jerantut itu pun dikatakan perlu dua minggu untuk *confirm*kan. Tetapi, sementara waktu kementerian pun telah mengambil langkah supaya keluarganya jangan di kuarantin.

Jadi, bagaimana kita mengatakan sama ada dia *confirmed* atau tidak *confirmed*. *Is there such a thing that you can say "confirmed SARS case"*. Terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Soalan yang sama yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Sebenarnya tidak ada *confirmed* kes di dunia ini. *According to the WHO criteria, suspect* dan *probable*. *Probable* ialah berkemungkinan pesakit SARS. Itu sahaja. Oleh kerana pengetahuan kita mengenai penyakit ini masih rendah, masih awal lagi.

Tetapi di Malaysia kita juga ada *contacts*, di negara-negara pun ada *contacts*. Kalau satu kes, umpamanya kes yang disebut tadi Jerantut. Jerantut, kita syaki setiap notifikasi adalah kes yang *suspect* kerana dia dirujuk oleh hospital. Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya harap Yang Berhormat serius dalam perkara ini. Ini bukan perkara main-main sahaja. Ini satu perkara yang serius. Jangan ketawa di sana.

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab itu.

Datuk Chua Jui Meng: Saya teruskan.

Contacts - Setiap kes yang kita syaki dibawa dalam hospital untuk diasingkan daripada orang lain. Mereka ada *contacts*, ahli keluarganya yang mendekati beliau, semua itu mesti dibuat kerja susulan. Kita perlu pergi ke rumah mereka, kalau perlu kita kuarantin mereka. Betul atau tidak Yang Berhormat bagi Kepong? Cakap betul.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta laluan.

Datuk Chua Jui Meng: Biar saya habis dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Jangan minta dahulu, dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: So tidak ada *confirmed* kes di dunia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak bercakap lagi.

Datuk Chua Jui Meng: Hanya kita Malaysia, kita kira *contacts*. *Contacts* mungkin menjadi *suspect*. Semua notifikasi dianggap sebagai *suspect* sehingga dia dikeluarkan daripada *list* atau dinaikkan ke kategori *probable* SARS. Lebih baik kita bekerjasama dengan Singapura dalam hal ini dan jangan kita berperang lidah di dalam hal penyakit dan nyawa manusia.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Chang See Ten: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Saya hendak habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habiskan dahulu, Yang Berhormat. Duduk dahulu, Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Saya sebagai Menteri Kesihatan akan terus bekerjasama dengan *colleague* saya di Singapura. Kita akan menukar informasi, oleh kerana dalam hal ini kita perlu beri keutamaan kepada nyawa rakyat kita sama ada di Singapura atau di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih Tuan Pengerusi. Daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri saya dapati bahawa pihak Kementerian Kesihatan dalam kes SARS ini memang ada ambil tindakan pencegahan yang cukup baik. Nasihat Yang Berhormat Menteri kata, jangan jadikan ini, supaya jangan menjadikan orang awam panik dengan kes ini dan saya harap daripada apa yang dikatakan oleh pihak pembangkang tadi, nampaknya ada unsur, ada orang yang cuba mengeksploitasikan jadi isu politik. Itu kita mesti elakkan. Ini kes kesihatan. [Disampuk]

Saya cakap unsur-unsur, saya cakap daripada apa yang dikata oleh mereka. Saya harap kita mesti

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya minta maaf. Saya harap – ini cuma pandangan saya, ini bebas.

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya berpendapat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat , saya ingat jangankait dengan politik. Ia penyakit.

Tuan Chang See Ten: Yalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Saya harap kita mesti bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Kesihatan dalam menguruskan kes ini kerana ini sangat penting supaya kita dapat belajar seperti semasa krisis JE. Pada masa itu kita panik sedikit dan ada kelemahan dalam *crisis management*. Kita sekarang sudah ada pengalaman JE, kita hadapi dengan masalah SARS, kita mesti mewujudkan dengan kerjasama semua pihak supaya kita dapat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:..Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:menguruskan dengan baiknya.

Dan, di sini saya hendak kongsi maklumat dengan Yang Berhormat Menteri. Saya baru-baru ini ada baca, ada dua jenis, dalam bahasa Inggeris supaya sama-sama dengan Kementerian Kesihatan dalam hal ini, *two strains of drug resistant. 'superbugs'*. Ini kuman.

- (i) *Streptococcus Pneumonia* – ini menyebabkan meningitis sinusitis, ear infections and pneumonia.
- (ii) *Staphylococcus aureus* - which spread through skin abrasions, cause abscesses boils and lead to pneumonia or fatal blood poisoning

Mengikut pakar perubatan daripada USA dan *Europe, these two germs are resistant to antibiotics such as penicillin, erythromycin, but not to amoxicillin and fluoroquinones.*

Ini adalah satu maklumat yang saya baca kerana sekarang kita belum tahu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [Menyampuk]

Tuan Chang See Ten: ... hingga sekarang dia punya *detail* sama ada ini virus atau kerana kuman. Sekarang apa yang dilaporkan dalam *59 suspected cases or probable case*, kita pun dapati bahawa pihak *mass media* memang ada kerjasama dengan kita supaya memberikan nasihat yang diberikan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten:oleh Kementerian Kesihatan dalam hal ini. Saya harap dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Sekian, terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Saya ucapkan terima kasih atas maklumat yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi. Saya nampak dia lebih pakar daripada saya oleh kerana semua yang dia kata saya pun tidak faham. [Ketawa] Tetapi pegawai saya ada di sini, saya minta mereka ambil *note* mengenai apa yang dikatakan dan saya menghargailah sumbangan daripada Yang Berhormat.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Biar saya bersetuju dahulu?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak beri maklumat sedikit.

Datuk Chua Jui Meng: Oh, ya, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah itu kalau ada *streptococcus*, ia mesti boleh dikenal pasti dengan cepat. Tidak akan timbul masalah. Ini virus, kita tidak tahu jenis sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Chua Jui Meng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong tetapi dalam usaha kita pada hari ini, bila kita hadapi ancaman besar ini, *we should leave no stone untouched, including* daripada Yang Berhormat tadi.

Beberapa Ahli Yang Berhormat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Saya hendak menjawab dahulu, belum habis, banyak lagi. Saya kasi peluang nanti ya, saya kasi peluang kalau

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri hendak menjawab dahulu, Yang Berhormat Sila duduk belaka, Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong. *I'm in a very agreeable mood with you*, Yang Berhormat, iaitu laman web itu perlu dikemaskinikan. Baru pagi ini saya sudah beritahu pegawai saya, maklumat mesti terkini. Ha, itu mustahak. Walaupun kita memberikan kenyataan akhbar, banyak. Sebelum ini sudah kita beri banyak tetapi banyak kandungan kita tidak diliputi oleh surat khabar. Dia petik apa dia suka sahaja. Dan langkah-langkah yang diambil tidak dilaporkan oleh kerana itu ada satu gap di dalam minda rakyat kita. Apakah langkah? Tetapi sebenarnya banyak langkah sudah diberi.

Untuk pendidikan orang awam, kita sudah mengedarkan banyak risalah, help alert card. Risalah-risalah mengenai SARS kepada pengembara, untuk hospital-hospital, untuk orang awam dan untuk airlines dan untuk orang-orang yang masuk melalui tambak dari Singapura. Semua ini sudah diberi termasuk help alert dari Kementerian Kesihatan. Lebih daripada dua juta risalah telah diedarkan sampai hari ini. Langkah-langkah yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri semalam adalah langkah-langkah yang tegas.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Masih berdiri]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak jawab lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Datuk Chua Jui Meng: Pertama, di semua negeri.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak jawab Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Masih berdiri]

Datuk Chua Jui Meng: Di semua negeri, sebuah hospital iaitu Hospital Umum Negeri akan dipilih sebagai hospital untuk pengasingan suspect atau pesakit disyaki SARS.

Yang kedua, Kementerian Pendidikan terlebih awal telah diberitahu untuk memberikan maklumat kepada guru-guru di sekolah. Semalam, telah diconfirm oleh Kabinet dan juga tadika dan lain-lain di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga, guru-guru, penduduk dilengkapi dengan maklumat-maklumat mengenai penyakit ini, oleh kerana, kalau ada murid-murid yang nampak ada symptom penyakit ini, mereka tidak dibenarkan menghadiri kelas dan perlu dirujuk kepada hospital yang terdekat. Kita sudah gembelngkan tenaga banyak agensi dan kementerian di dalam Jemaah Menteri. Umpamanya, Kementerian Sumber Manusia, perlu memberikan pendidikan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja kepada semua pekerja di negara ini, cara untuk mengelakkan daripada dijangkiti. Apalah SARS, apalah tanda-tandanya dan menasihatkan mereka seperti yang kita menasihatkan kepada rakyat, jangan pergi ke negara-negara Hong Kong, China, Taiwan, Hanoi, Singapura, Toronto di Kanada, enam tempat jangan pergi.

Kementerian Penerangan perlu memberikan keutamaan kepada maklumat yang diberi setiap hari oleh Kementerian Kesihatan. Semua doktor perlu notifikasikan Kementerian Kesihatan, bilik gerakan mengenai kes-kes yang disyaki supaya kita dapat menjalankan tindakan susulan terhadap orang yang disyaki ini. Kementerian Pengangkutan memainkan peranan yang amat besar. Apa peranan mereka?

Puan Chong Eng: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Biar saya habiskan dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar dia habiskan dulu Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: Apa itu peranan? Kita tahu sekarang di Singapura, keadaan nampaknya lebih terkawal jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini. Kenapa? Banyak aktiviti telah dijalankan untuk mengasingkan dan kuarantin suspect-suspect di Singapura. Ini tidak bermakna Singapura selamat, belum lagi. Tetapi, mereka telah melaksanakan tindakan-tindakan yang tegas.

Saya kluatir orang-orang yang datang daripada negara lain di rantau ini di mana ada banyak kes, dan keadaan belum terkawal lagi. Oleh kerana itu, Kementerian Penerangan perlu memastikan seorang penumpang yang berasal daripada negara-negara tersebut, kalau hendak bertolak dari Hong Kong umpamanya, saringan perlu dibuat di airport. Kalau mereka ada tanda-tanda penyakit ini, mereka tidak dibenarkan untuk menaiki pesawat ini, yang datang ke Malaysia, the first control point.

Yang kedua, bila mereka sudah slipped through the net, masuk ke pesawat tetapi menunjukkan tanda-tanda penyakit ini, mereka perlu diasingkan di belakang pesawat dan perlu memakai satu topeng perlindungan pernafasan untuk melindungi orang-orang yang dekat. Dua baris kerusi-kerusi perlu dikosongkan. Bila sebelum mendarat di Malaysia, kapten hendak memaklumkan kepada pasukan kesihatan yang berkhidmat di airport itu, semua entry point airport mesti laporkan supaya kita bersedia untuk menerima mereka. Pesakit akan dibawa terus ke hospital lain, akan dibawa saringan secara fizikal sebelum mereka dibiarkan keluar ke Malaysia. Ini sangat mustahak. Bagaimana dengan airport? Umpamanya KLIA, satu airport yang besar. Jemaah Menteri sudah bersetuju supaya satu wing dikhaskan bagi penerbangan yang datang daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Di Amerika datang, dia mesti sampai kepada pintu masuk tertentu, semua dikumpulkan di dalam satu wing of the airport. First time mereka keluar, mereka dapat disaring. Begitu dengan Tambak Johor, second causeway, tempat-tempat lain. Staff kita sudah ditempatkan di causeway untuk buat saringan secara fizikal. Ini bukan satu sistem yang full proof tetapi sekurang-sekurangnya kita sudah ada sistem untuk menyaring secara fiskal orang-orang datang, pihak imigresen telah memberi kerjasama yang tegas kepada kita. Oleh kerana pegawai di sana bila menerima pasport tanya, ada demam tidak? Ini ialah tanda yang paling mustahak. Demam 38 darjah celcius dan ke atas. This is the first sign, demam. Kita hendak mengesan mereka bila ada

demam. Dua, tiga hari selepas itu, dia akan batuk. Bila dia batuk, ini bahaya, oleh kerana boleh menjangkiti orang lain.

Oleh kerana itu, kita buat lebih daripada yang diperlui oleh WHO. WHO kata, fever dan symptom-symptom lain. Kita katakan fever sahaja, pernah mendekati seorang probable SARS atau pernah pergi ke negara-negara terjejas, mereka balik, straight away ada fever 38 darjah celcius dan ke atas, terus pergi ke hospital yang sudah dikhaskan sebagai hospital pengasingan pesakit yang disyaki. Satu jawatankuasa kebangsaan telah ditubuhkan dan dianggotai oleh.....

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak jawab lagi Yang Berhormat.

Datuk Chua Jui Meng: ...dan dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan dengan penyertaan Kementerian Dalam Negeri, pihak imigresen, pihak polis, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Penerangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain yang akan di co-op ke dalam jawatankuasa kebangsaan ini oleh saya sebagai pengerusi. Jemaah Menteri juga bersetuju. Tadi, Yang Berhormat bagi Kepong kata, peralatan yang mungkin tidak cukup. Jemaah Menteri kata, kita boleh mohon kepada Kementerian Kewangan untuk dapat peruntukan untuk membeli peralatan dan bekalan lain yang diperlukan bagi semua ward pengasingan yang kita tubuhkan di hospital-hospital umum negeri kita. Inilah antara lain-lain perkara-perkara yang kita sudah bersetuju pada semalam dan dengan langkah-langkah yang lebih tegas ini, saya haraplah kita dapat.....

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Chua Jui Meng: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri hendak beri jalan? Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, sebenarnya hari ini, dalam surat khabar, kita pun tidak lihat apa yang dipersetujui oleh Kabinet semalam dan kita merasa lega sekarang kerana sepatutnya banyak perkara yang perlu diambil atau langkah-langkah ini perlu di *put in place earlier, it can be put in place*. Tetapi, Yang Berhormat Menteri belum beritahu lagi, sebenarnya berapa kes yang menyebabkan kematian berhubung dengan SARS. Adakah kes di Jerantut itu dianggap sebagai satu SARS? Ini kerana, pada dua hari sebelum ini ataupun on the 1 atau 31 hari bulan, masih mengatakan tidak ada no suspected cases, no confirm cases dan saya hendak tanya, sekarang Yang Berhormat Menteri mengatakan, memang seluruh dunia tidak ada confirm cases. Mengapa sebelum ini kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri selalu menegaskan no confirm cases. Bukankah ini seolah-olah hendak beri satu jaminan, no confirm cases. Oleh sebab itu tidak ada SARS, seperti denggi yang dikatakan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Kita di sini, hendak cuba memastikan semua yang berlaku ini diberitahu kepada orang ramai. Kementerian Yang Berhormat Menteri mengatakan kita mesti bertanggungjawab. Menteriilah sendiri mesti terlebih dahulu bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Mesti memberi maklumat yang betul, yang cepat ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak paksa Menteri macam mana ini?

Puan Chong Eng: seperti yang berlaku [Disampuk] di Negeri Sembilan di mana virus Nipah....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah. Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: kerana kesalahan analisis ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: berlakunya ramai kematian.

Datuk Chua Jui Meng: Okay, okay.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seolah-olah hendak paksa menteri mengaku. Sudah Yang Berhormat! Cukup Yang Berhormat!

Datuk Chua Jui Meng: Itulah satu bukti di mana dalam keadaan seperti ada satu wabak sedunia, maka fikiran terkeliru. Saya dah katakan dengan jelas tadi Yang Berhormat, di dunia tidak ada *confirmed case*.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Datuk Chua Jui Meng: *Please*. Saya sudah kata banyak kali tidak ada *confirmed case*. Silalah tolong faham. Hanya *suspected* atau *probable SARS, no case so far are confirmed, because what is there to confirm. We don't even know*.

Okay. Kes Jerantut yang ditimbulkan tadi. Pada petang ini, Timbalan Ketua Pengarah, Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab ke atas pembangunan dan penyelidikan, telah diminta oleh Ketua Pengarah untuk mempengerusikan satu jawatankuasa terdiri daripada pakar-pakar patologi, pakar respiratori, pakar-pakar lain untuk menentukan sama ada kes Jerantut ini adalah *probable SARS* atau tidak.

Oleh kerana kita dah tahu, Ketua Pengarah sudah laporkan, *he had an enlarged heart* – dia ada *heart problem, a major heart problem*. Tetapi Ketua Pengarah belum puas hati, dia belum puas hati. Dia masih hendak buat *investigation* yang lebih terperinci mengenai sama ada, mungkin *it is a SARS case – probable SARS*. Dan saya harap, besok pagi saya akan diberi taklimat untuk menentukan sama ada ini bukan SARS atau *probable SARS*. Tunggulah sebentar ya? Saya harap.

Where did it originate from? Tadi, Yang Berhormat bagi Batang Lumar kata. Kes berasal dari Singapura atau Malaysia? Itu soalan. Yang sebenarnya bukan daripada Singapura dan sudah tentunya bukan daripada Malaysia tetapi bermulanya daripada provinsi Kwangtung di negara China. Tetapi mengenai kes itu, yang pernah melawat Sarawak dan selepas balik ke Singapura, jatuh sakit dan lepas itu dimasukkan ke dalam wad pengasingan hospital dan meninggal dunia di Singapura. Saya hendak beri tahu, pihak Singapore, iaitu Menteri Kesihatan Singapore, telah terus terang beri tahu kami yang menghadiri taklimat itu, kes itu bukan berasal daripada Sarawak (iaitu Malaysia) tetapi kes ini balik ke Singapura, pergi ke hospital untuk melawat seseorang, dan lepas itu, yang seorang yang sudah diklasifikasikan sebagai pesakit *probable SARS*, lepas itu dia jatuh sakit dan meninggal dunia.

So Singapore has clearly and frankly told us kes ini bukan berasal daripada Malaysia tetapi di hospital di Singapura.

Tuan Lee Kah Choon: [Bangun]

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka berdiri. Ramai yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi siapa?

Datuk Chua Jui Meng: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri bahawa kita jangan menjadi penyebarkan khabar angin. Itulah sebabnya minggu lalu apabila saya dengar bahawa ada kematian di Hospital Pantai, saya terus cari Yang Berhormat Menteri dan bertanya sama ada satu *cover-up* dilakukan. Yang Berhormat

Menteri bagi jawapan yang telus dan kata, "Tiada". Saya terima. Tetapi saya rasa kita juga pun kena faham bahawa keadaan di Malaysia ialah rakyat suka dengar juga khabar angin. Jadi, bagaimanakah kita sebagai wakil rakyat boleh memainkan peranan yang bertanggungjawab kalau kita tidak diberikan maklumat yang cukup, macam risalah-risalah, saya pun tidak pernah nampak satu.

Jadi, saya pernah meminta Yang Berhormat Menteri memberikan satu taklimat khas bagi semua Ahli Parlimen. Sebenarnya, semua yang telah berlaku tadi, ini kita boleh buat satu taklimat khas. Kalau boleh, kemungkinan hari Isnin hadapan, selepas Persidangan Parlimen kita adakan satu taklimat khas, dan juga berikan maklumat yang lengkap. Maksud saya, saya cakap dengan terus terang bahawa pada pagi ini, seorang kawan yang nyaris mati dalam kes Nipah Virus, dia telefon saya memberi tahu yang dia tidak hantar anaknya ke sekolah hari ini. Saya kata saya akan terus hantar. Tetapi kerajaan mesti faham perasaan rakyat – kena beri tahu bilakah. Kita ada *contingency plan*: bila kita akan tutup sekolah, kemungkinan; *when to hit the yellow button*; *when to hit the red button*. Kalau orang tahu, dia tidak akan panik. Sebenarnya *sense of panic has already started*, dan kita jangan biarkan dia meningkat lagi. Jadi, saya haraplah kita dapat *complete information*. Yang Berhormat Menteri, sila adakan satu sesi taklimat khas untuk semua Ahli Parlimen dan kalau boleh, beri tahulah semua pegawai, "Kalau Ahli Parlimen telefon, bagilah maklumat yang terkini".

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat Yang Berhormat

Datuk Chua Jui Meng: Ini satu cadangan yang amat baik, Tuan Pengerusi, dan saya akan mengatitkan satu taklimat bagi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Lee Kah Choon: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya ingat ini soalan yang akhirlah mengenai perkara ini Yang Berhormat. [Disampuk] Saya benarkan satu sahaja lagi, selepas tak ada, ya.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Menteri, kami semua di sini ingin memberi kerjasama. Kami juga ingin orang ramai memberi kerjasama, tetapi maklumat harus diberi. Apakah kementerian akan lakukan terhadap arahan yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri kepada pihak media yang menyuruh mereka tidak memfokuskan ke atas kes-kes SARS ini, terutamanya kes kematian? Kita kena ada media untuk memainkan peranan.

Kalau kita lawat *web page*, dengan izin, laman *web* di Singapura, dia ada *update* setiap hari. Jadi, kita tidak akan mempunyai laporan yang mengelirukan. Kalau kita tengok, berbeza laporan – ada kata, "*Symptom SARS*", ada kata "Syaki SARS", "*Suspected SARS*" and some cases he says, "*Symptom SARS*" – tak mengakui itu adalah kes *suspected SARS*. Jadi, kalau kita lawat laman web, kita tengok kedudukan setiap orang yang telah dikuarantin, dimasukkan ke hospital, mereka ada beri tahu maklumat, di manakah pelajar ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: ... belajar, di kelas apa? Macam kes di kampung, kampung mana? Dari Ipoh, Ipoh di mana?

Datuk Chua Jui Meng: Saya faham.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Baru kita boleh bekerjasama, ya.

Datuk Chua Jui Meng: Saya faham, saya faham.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang itu juga berlegar lagi, Yang Berhormat. Jawablah, selepas itu pindah kepada yang lain.

Datuk Chua Jui Meng: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, itu perkataan yang dipetik dari mulut Ketua Pengarah, “*No suspects, no probable SARS*”. Salah petik. [Yang Berhormat bagi Batu Gajah menunjukkan keratan akhbar] Wait, wait. Bukan semua yang keluar dalam surat khabar adalah betul. Saya sudah tanya beliau, “*Nonsense!*” oleh kerana kita sudah beri tahu semua notifikasi daripada pengamal perubatan kepada Bilik Gerakan diambil, dianggap sebagai *suspect*. *Every notification is a suspect. So it is not possible for the* Ketua Pengarah to cakap, “Tidak ada *suspect*, tidak ada *probable case*, tetapi bukan tidak ada *suspect*”. So jangan mengeksploitasikan apa yang salah di *quote* oleh surat khabar.

Saya hendak beri tahu ...

Tuan Lee Kah Choon: [Bangun]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Yang Berhormat, ada soalan tak? Dibenarkan tak?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mengenai SARS sahaja Yang Berhormat. Ini tak habis-habis Yang Berhormat. sebab kita hendak beri taklimat ini.

Tuan Lee Kah Choon: SARS.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: SARS.

Datuk Chua Jui Meng: Mengenai SARS ya?

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak minta satu penjelasan iaitu apakah boleh kementerian buat jikalau seseorang itu disyaki ada SARS tetapi dia minta untuk di *discharge* daripada hospital supaya dia boleh balik ke rumah dan ke masyarakat. Apa boleh kita buat?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita tidak benarkanlah Yang Berhormat. Biar duduk hospital.

Datuk Chua Jui Meng: Tidak dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Aaa, ya, saya sudah jawab tu.

Datuk Chua Jui Meng: Oleh kerana Ketua Pengarah ada kuasa [Disampuk] di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit, untuk kuarantin atau buat arahan pengasingan daripada di dalam hospital. So dia tidak dibenarkan.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang *last* lah mengenai SARS ini. Yang Berhormat bagi Shah Alam, ya. Minta benar-benarlah.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih di atas maklumat yang diberi, dan saya bersetuju juga dengan pandangan berapa Ahli Yang Berhormat di sini bahawa, dengan izin, *free flow of information* adalah satu perkara yang cukup mustahak untuk kita bersama-sama menangani masalah ini kerana kalau rakyat tidak mendapat penjelasan yang tertentu, tepat dia akan menimbulkan banyak tanda tanya. Dan saya fikir bahawa sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut bahawa kita dalam *period of uncertainty*. Yang Berhormat sendiri pun tidak dapat menjelaskan punca masalah ini timbul, apakah virus yang melibatkan penyakit ini.

Oleh kerana WHO telah pun mengeluarkan arahan supaya jangan *travel* ke Hong Kong ataupun ke Southern Province of China dan ini tentu akan menjejaskan perkembangan ekonomi kita. Dengan berlakunya peperangan di Iraq dia akan menambahkan tekanan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Soalannya, dengan izin, *under the worth scenario* katakan senario *total outbreak* yang berlaku apakah langkah *safety net* yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menangani masalah ini.

Datuk Chua Jui Meng: Semua infrastruktur telah disediakan saya sudah beritahu secara am tadi hospital-hospital tertentu sudah dipilih, wad-wad pengasingan sudah dipilih juga di dalam hospital itu. Semua doktor kita dan pakar kita sudah diberi garis panduan mengenai cara untuk merawat pesakit kalau terjadi *probable* SARS. Semua telah di buat, *preventive measures* sudah dibuat, nasihat sudah diberi, penyediaan infrastruktur perubatan dan rawatan sudah disediakan.

Dua lagi keputusan Kabinet yang sudah tentunya akan membantu Kementerian Kesihatan untuk mengawal supaya penyakit ini tidak masuk ke dalam negara kita dan merebak secara besar-besaran. Yang pertama rombongan pelancong yang datang daripada negara-negara yang menjadi *fore sight* kepada penyakit ini. Saya sudah sebut beberapa negara dan wilayah. Visa yang dikeluarkan kepada rombongan pelancong ini akan dikurangkan.

Yang kedua, buat sementara Kementerian Dalam Negeri tidak akan mengeluarkan work permit bagi pekerja-pekerja baru yang akan datang daripada negara-negara yang menjadi foresight kepada penyakit ini. Ini adalah over and above apa yang kita sudah jalani dan langkah-langkah yang saya senaraikan tadi iaitu keputusan-keputusan lain yang dibuat oleh Jemaah Menteri, apa yang mustahak kerajaan memandang serius terhadap ancaman ini. Kalau ekonomi terjejas pada pandangan Jemaah Menteri, nyawa rakyat kita lebih penting daripada ekonomi. Tetapi kita cuba juga menjaga kepentingan negara secara bertanggungjawab kita bersama Ahli Dewan Rakyat, kita bersama dengan Kementerian Kesihatan dan kerajaan amnya untuk menangani ancaman ini.

Bagi rakyat Malaysia dengarlah nasihat, kita katakan kalau hendak pergi ke negara-negara yang kita nasihatkan jangan pergi dan elakkan daripada pergi. Tetapi ada orang hendak pergi lagi. Apa yang lebih penting bagi mereka nyawa mereka, mungkin nyawa ahli keluarga mereka.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Chua Jui Meng: Oleh kerana kalau balik mungkin menjangkiti ahli keluarga, kawan-kawan terdekat. Pada pandangan kerajaan nyawa dan tahap kesihatan kita lebih mustahak.

Dr. Tan Seng Giaw: Secara pendek. Penjelasan, adakah Yang Berhormat tadi saya tidak mendengar Thailand, adakah termasuk di dalam senarai.

Datuk Chua Jui Meng: Thailand sudah ada kes. Thailand mengikut laporan yang saya terima yang berdasarkan kepada maklumat 1hb. April sudah ada enam kes *probable* SARS dengan satu kematian. Tetapi belum dimasukkan ke dalam senarai negara-negara yang kita perlu *avoid*. *Because* negara-negara yang kita perlu *avoid* adalah negara yang disifatkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia sebagai *fore sight* kepada wabak penyakit ini.

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukup Yang Berhormat, yang lain pula Yang Berhormat. Bawa yang lain pula.

Puan Chong Eng: Akhir.

Datuk Chua Jui Meng: Akhirlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini akhir betul, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Akhir ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini di dalam 56 *suspected case* ini berapa orang balik daripada negara-negara seperti Hong Kong, China ini, berapa yang tidak pergi ke mana-mana tetapi juga disyaki SARS. Terima kasih.

Datuk Chua Jui Meng: Ini memang satu soalan yang baik, tetapi saya minta maaf hari ini oleh kerana saya tidak ada *breakdown* mengenai perkara ini tetapi itu satu *breakdown* yang saya anggap mustahak. Tetapi sampai ke hari ini saya ada 65 notifikasi yang dibuat oleh pengamal-pengamal perubatan, 52 daripada mereka adalah warganegara Malaysia. Ini bermakna 13 adalah rakyat asing.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil peranan di dalam perbincangan ini. Mengenai hospital ada sedikit anti klimaks, tetapi hospital-hospital ini umpamanya Hospital Kuala Selangor belum dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan saya berharap dapat diperjuangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Mengenai pakar di Hospital Lahat Datu, hospital baru, hospital yang canggih tetapi menghadapi kekurangan pakar, tidak lama lagi pakar-pakar datang daripada negara-negara seperti India, Pakistan, Bangladesh dan Myanmar, Indonesia. Bila mereka datang kita akan sedaya upayanya menempatkan sebahagian daripada mereka di Hospital Lahat Datu.

Itu sahajalah komen saya pada hari ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM212,379,707 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM212,379,707 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM300,000,000 untuk Maksud P.34 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM300,000,000 untuk Maksud P.34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud B.35 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.35 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

6.13 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.35 Kementerian Dalam Negeri. Hari ini kita membahaskan tentang peruntukan bagi penambahan gaji bagi Pegawai Kementerian Dalam Negeri. Dalam perbincangan Menjunjung Kasih yang lepas Timbalan Menteri Dalam Negeri yang lain itu memberi jawapan yang amat tidak memuaskan tentang layanan buruk dalam operasi polis terhadap pekerja IT dari India di Palm Court yang mana beliau menafikan pekerja IT India ini dipukul dan dikasari polis.

Beliau juga menafikan dokumen identiti dalam pasport mereka..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kaitankah ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim: .. diguris oleh polis. Kerana perbincangan ini adalah tentang perbelanjaan emolumen anggota perkhidmatan awam dan juga kenaikan gaji dan juga dalam pengurusan. Jadi ini kita membahaskan tentang kenaikan gaji. Jadi, kita perlu membahaskan tentang apa yang dilakukan di Parlimen dan juga prestasi kerja mereka.

Tuan Pengerusi, jawapan ini langsung bertentangan dengan kenyataan memohon maaf yang dilakukan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Dato' Seri Aseh Che Mat dan juga Pemangku Perdana Menteri. Saya ingin bertanya apakah percanggahan kenyataan ini dilakukan oleh Timbalan Menteri yang lain ataupun kementerian ataupun pegawai kementerian yang menyediakan jawapan untuk Timbalan Menteri tersebut. Saya minta jawapan.

Isu yang kedua yang saya ingin bangkitkan ialah saya telah membangkitkan persoalan saya tentang status ADT Services Sdn. Bhd. yang bercanggah dengan Akta Agensi Persendirian 1971. Dalam perbincangan yang lepas jawapan yang saya terima daripada Encik Nazri bin Muhamad dari Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam ialah kerana syarikat ADT Services Sdn. Bhd. tidak berdaftar di bawah Seksyen

2A dan 2B dalam akta tersebut. Walau bagaimanapun saya masih tidak puas hati dengan jawapan ini kerana syarikat ADT Services Sdn. Bhd. memang menjalankan aktiviti *central monitoring system* yang sama dengan syarikat menjaga keselamatan yang lain. Dengan itu syarikat ini sepatutnya tertakluk di bawah akta tersebut.

Tujuan saya membangkitkan perkara ini kali kedua di Dewan ini adalah kerana pengurusan syarikat ini telah membuli dan menipu ejen-ejenya dengan tidak mengotai janji yang termaktub dalam kontrak dengan mereka. Selain itu syarikat tersebut juga memberi perkhidmatan yang buruk kepada pelanggannya di mana syarikat itu selalunya tidak memberitahu pelanggannya apabila perompak masuk merompak rumah ataupun kedai mereka.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini tidak berkaitan langsung Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, wang yang dibelanjakan oleh pelanggan syarikat ADT Services Sdn. Bhd. adalah sia-sia sahaja kerana mereka langsung tidak dilindungi oleh syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masuk tajuk Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak minta pandangan. Yang akhir sekali yang saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah benar bahawa Kementerian Dalam Negeri telah memberi arahan kepada semua media supaya jangan menyiarkan kes SARS di Malaysia? Apakah rasional bagi kementerian untuk mengeluarkan arahan seperti ini? Apakah dasar *misinformation* ini akan membantu rakyat Malaysia menjaga kesihatan mereka. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab soalan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau berkaitan dia jawablah Yang Berhormat, tidak berkaitan tidak dijawabnya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman. Selepas Kemaman, Bukit Mertajam selepas itu Menteri menjawab.

6.16 ptg.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya hendak memuji polis dalam pelaksanaan undang-undang yang telah dilakukan oleh polis dan sikap profesionalisme dia dalam menjaga keamanan negara. Tetapi dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini kita lihat banyak kegiatan-kegiatan yang haram telah berlaku dalam ekonomi kita dan dalam masyarakat kita. Tetapi yang paling menyedihkan ada beberapa perkara yang telah berlaku di mana polis dianggap sebagai pelindung kepada beberapa kegiatan di dalam kegiatan-kegiatan haram ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Beberapa perkara telah berlaku di kawasan saya di mana polis sepatutnya bekerjasama dengan masyarakat untuk membanteras kegiatan-kegiatan jenayah tetapi di dalam beberapa kes di mana satu kes kita cuba serbu tempat di mana disuspect ataupun disyaki melakukan kegiatan pelacuran apabila GSR di situ cuba menghalang kegiatan tersebut mereka dihalang pula oleh polis untuk memberhentikan operasi kedai tersebut yang melakukan pelacuran di kawasan Kemaman.

Juga beberapa kes berlaku di mana kami hendak mengambil tindakan terhadap kegiatan kuda haram dan apabila kami pergi ke tempat tersebut kami dihalang oleh polis untuk mengambil tindakan ke atas kedai-kedai yang membuat operasi kegiatan-kegiatan haram ini. Jadi, apabila perkara-perkara ini berlaku maka masyarakat memandang serong kepada polis sebagai pelaksana undang-undang negara kita.

Kita lihat bahawa ada jugalah cakap-cakap ini sama ada betul tidak betul tetapi inilah anggapan masyarakat bahawa polis banyak menerima menjadi pengurus ekonomi bawah tanah ini dan ramai di antara mereka yang hidup lebih daripada keupayaan gaji dia. Sebab itulah saya cukup sokong kenaikan gaji dia supaya jangan berlaku perkara-perkara ini dan ada di kalangan mereka ada dapat gaji sampai RM30,000; ada sampai RM100,000 sebulan pun ada dicakapkan. Sama ada kebenaran perkara ini tidak tahulah tetapi banyak orang bercakap pasal ini sebab mereka mendapat imbuhan daripada perlindungan ke atas kegiatan-kegiatan haram. Sekiranya perkara ini tidak dibanteras saya takut imej polis yang sepatutnya mesra rakyat dan sebagainya terjejas dan menjadi serong daripada pandangan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

6.19 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa soalan.

Baru-baru ini kita boleh lihat di dalam surat khabar setiap hari ada banyak kes jenayah seperti rompakan dan juga ragut beg tangan seperti yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan juga Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

Kita juga mendapati bahawa *crime index* untuk Selangor, untuk Kuala Lumpur, untuk Johor dan juga Pulau Pinang adalah jauh lebih tinggi daripada Pahang, Kelantan dan juga Terengganu. Jadi, pada tempoh hari seorang lagi Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa *ratio* polis kepada rakyat ialah seorang polis kepada 292 orang rakyat. Tetapi sekurang-kurangnya di Petaling Jaya yang dikatakan oleh OCPD bahawa seorang polis hendak menjaga lebih daripada 1,000 rakyat. Di Sea Park *ratio* nya ialah seorang polis kepada 3,648 rakyat.

Jadi, saya hendak dapat satu gambaran yang sebenar *on the ground* di Selangor, di Johor, di Kuala Lumpur, di Penang, di mana indeks jenayahnya yang begitu tinggi. Adakah anggota polis juga sama rata *rationya* dengan di Kelantan, di Terengganu. Kita juga dapati bahawa ada tempat-tempat yang *crime index* lebih tinggi daripada tempat yang lain. Adakah *ratio* polis dengan *citizen* adakah sama juga. Yang mana satu yang betul, Tuan Pengerusi? Apakah yang dikatakan oleh Timbalan Menteri ataupun apakah yang dikatakan oleh OCPD kerana OCPD *is on the ground*, Timbalan Menteri tidak ada *on the ground*. Dia keluar masuk dia ada *bodyguard*. Jadi, dia tidak rasa tidak selamat, tidak serupa kami wanita kalau berjalan di jalan raya pun sekarang tidak rasa selamat. Tiap-tiap hari ada kes ragut. Bukan satu, dua, tiga kes, ratusan kes. *The last 26 months* di Malaysia ada 32,000 kes ragut beg. Ini ialah *reported cases* sahaja. Banyak lagi tidak dilaporkan kepada polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Termasuk Yang Berhormatlah. Termasuk Yang Berhormat sendirilah.

Puan Chong Eng: Ya, ya. Bukan saya seorang sahaja ada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 24 jam, dua kali.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat bagi Kapar pun pernah diragut, Yang Berhormat Ng Siew Lai, Adun Bukit Tengah pun pernah diragut. Berapa orang wakil wanita sahaja tetapi berapa orang telah diragut. Ini menunjukkan bahawa kes ini telah begitu berleluasa, ia seperti *cancer*. Jadi, adalah penting saya rasa kami wanita berhak juga merayu supaya kita berjalan di jalan raya beg kita tidak diragut ataupun dirompak seperti Tuan Pengerusi kalau ada di rumah jangan disamun atau dirompak. Sama juga, kita ada di sini Timbalan Menteri, kita ada Yang Berhormat bagi Pendang, di rumah juga tidur tiba-tiba ada orang masuk rompak.

Jadi, ini saya haraplah mendapat satu jawapan yang lebih boleh meyakinkan rakyat supaya apabila dirampas ataupun dirompak mereka akan terus membuat laporan. Ada mereka tidak mahu buat laporan lagilah. Apa gunanya, tidak akan selesai kes tidak akan kembalikan apa-apa barang. Lebih kecewa lagi nanti hendak buat *police report* dia pun hendak minta belanja makan, makan tengah hari, makan

malam. Mengapa polis dulunya saya rasa ia adalah satu pekerjaan yang dihormati, sekarang imejnya telah tercemar.

Saya rasa mungkin ada baik kalau kementerian belajar dari kes di Taiwan. Pada satu waktu polis Taiwan pun tidak ada orang hendak jadi polis kerana begitu *corrupt* dan dia menjadi satu bahagian kepada eksekutif, dia mendengar eksekutif sahaja, apa yang eksekutif suruh dia buat.

Polis sebenarnya mesti mengadili apa yang tidak betul, memberi keadilan tetapi apabila mereka disuruh untuk membuat perkara yang tidak adil kepada rakyat ataupun kepada sesetengah pihak ahli politik khususnya pembangkang, jadi pihak polis pun tidak ada semangat lagi kerana mereka tidak boleh buat apa yang mereka rasa adalah betul. Mereka disuruh buat apa yang tidak betul.

Jadi, adalah penting, mungkin seperti *black gold* ini, kerana apa yang terjadi di Taiwan juga dan dibawa ke dalam MCA. Jadi, mungkin ada baik kita buat satu kajian mengapa sekarang belia-belia tidak mahu menjadi polis. Apakah sebabnya? Kerana ada satu kajian yang dijalankan oleh Transparency Malaysia, mengatakan yang terkorup sekali ialah *police force*.

Kalau imej ini tidak diperbaiki dan jikalau polis tidak diberi kuasa supaya mereka boleh bertindak secara profesional dan tidak selalu menurut perintah daripada pihak eksekutif, jadi mereka tidak akan merasa bangga dengan pekerjaan mereka dan sekiranya mereka tidak bangga dengan pekerjaan mereka, mereka akan buat apa-apa sahaja. Mereka akan turut terlibat dalam kegiatan rasuah ataupun mereka akan melakukan perkara yang tidak baik seperti rogol di dalam kem tahanan.

Seperti juga ada kes di mana rompakkan yang melibatkan ahli polis juga. Ini adalah tanda-tanda menunjukkan bahawa profesion ini telah jatuh ke satu, *has fallen into a very low image or status*.

Jadi, saya harap hari itu Timbalan Menteri Dalam Negeri yang satu lagi yang kata akan memberi saya *crime index*, tetapi sampai hari ini pun belum diberi lagi. Jadi, kalau yang di peringkat Menteri pun kerja seperti ini, kita boleh membayangkan keberkesanan di dalam *police force*.

Sebenarnya saya simpati dengan pihak polis yang *dirank* bawahan itu kerana pekerjaan mereka adalah banyak dan mereka yang berehat di pihak atasan begitu banyak korupsi dan tidak jadi apa-apa kepada mereka. Tetapi kalau mereka lakukan apa yang sama dilakukan oleh pihak atasan ini, mereka akan diambil tindakan.

Jadi, saya harap pihak polis merupakan satu profesion yang begitu penting untuk menjaga keselamatan rakyat dan juga negara. Kalau kita tidak boleh harap kepada polis lagi, di mana kita akan harap? Ia akan menjadi *anarchy* iaitu ia akan jadi seperti di mana

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ...*cowboy town*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

6.29 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya agak berbeza dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya hendak mengambil peluang mengucapkan tahniah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lepas Yang Berhormat bagi Sri Gading, Timbalan Menteri akan menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak ucap tahniah kepada pasukan Polis Diraja Malaysia. Sebenarnya kita berbangga dengan pasukan polis kerana kecekapan dan kepantasannya. Cuma memanglah dalam negara yang mewah seperti Malaysia ini, kejadian-kejadian jenayah berlaku, tidaklah pula bermakna kejadian jenayah itu boleh kita kaitkan dengan kelemahan-kelemahan pasukan polis.

Sebenarnya kita berterima kasih kepada pasukan polis kerana telah menjalankan tugas dan peranannya dengan baik. Memang mana-mana kelompok pun yang 'komeng' ini ada. Mana-mana pun. Soal salah laku ini di mana-mana pun ada. Cuma peratus jenayah begitu kecil dan ia tidak membayangkan ataupun tidak merujuk itu sebagai sifat keseluruhannya.

Ada doktor buat kerja tidak senonoh, tidak bermakna profesion doktor itu hina. Ada guru agama merogol, tidak bermakna seluruh kerjaya guru agama itu hina. Jadi, saya masih mempertahankan pasukan polis yang telah berjasa kepada negara.

Cuma soal penambahan anggota baru, saya rasa harus diusahakan. Mungkin cara-cara yang tertentu bagi ditujukan kepada kumpulan sasaran, bagi menarik mereka untuk direkrutkan menjadi anggota polis – mungkin soal gaji, elaun dan kalau soal keselamatan itu soal keutamaan, saya ingat pihak polis dan pihak Kementerian Dalam Negeri mungkin agaknya boleh membuat kajian-kajian yang baru supaya tangga gaji yang baik dan elaun yang cukup boleh menarik lebih ramai warganegara kita yang layak untuk menyertai polis kerana sebenarnya profesion polis ini sebahagian daripada profesion yang mulia, kerana ia ada kaitan dengan mempertahankan maruah negara, menjaga keselamatan.

Satu pekerjaan yang mulia yang saya rasa ramai orang ingin menceburkan diri dalam pasukan polis. Cara-cara kemasukan agaknya mungkin hendak dipermudahkan. Cara kemasukan dipermudahkan tetapi latihan mungkin agaknya dipertingkatkan yang menyebabkan apabila selepas latihan, mereka menjadi anggota polis yang cekap seperti yang menjadi slogan polis – Setia, Cepat dan Betul.

Jadi, dia benar-benar setia, cepat dan betul. Cepat itu betul. Polis kita saya rasa antara sepuluh yang terbaik di dunia, saya rasalah. Dengan *branch*nya – *special branch*, *e-branch* dan macam-macam *branch* ini, saya tahu. Dan kejayaan-kejayaannya memang telah pun direkodkan yang kadangkala boleh membanggakan negara kalau hendak dibandingkan dengan polis-polis negara lain, kita tidak terasa malu, malah kita ke depan dalam banyak perkara.

Jadi, agaknya mungkin soal ini jika dapat ditambah anggota baru dengan tarikan-tarikan yang boleh menarik. Kementerian Dalam Negeri mesti ada satu keberanian untuk mengubah semua ini. Memang menjadi beban kepada negara dalam soal kewangan, tetapi apakan daya soal keselamatan saya rasa penting, lebih-lebih lagi kita tidak tahu keadaan dunia, kadang-kadang makmur, kadang-kadang merosot dan sebagainya. Jadi, lebih baik kita sediakan payung sebelum hujan.

Kesimpulan cakap saya ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pihak polis kita antara yang terbaik. Jadi, saya ucapkan tahniah dan saya harap mereka terus berkhidmat kepada negara dengan sebaik-baiknya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, pertama kali saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Seputeh, Kemaman, Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai perbelanjaan tambahan Kementerian Dalam Negeri yang sedang dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah pun membangkitkan tiga masalah. Masalah yang pertama adalah mengenai layanan buruk kepada profesional IT dari India. Yang kedua adalah mengenai syarikat ADT, yang ketiga sama ada arahan diberikan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri kepada surat-surat khabar supaya tidak menyiarkan berita mengenai SARS.

Bagi pertanyaan yang pertama, dari segi layanan buruk, pada keseluruhannya selepas satu siasatan dijalankan oleh pihak polis dan selepas satu mesyuarat yang diadakan di mana pihak polis telah pun memberi satu laporan kepada Pemangku Perdana Menteri dan juga kepada saya dan seorang lagi Timbalan Menteri. Kami tiga-tiga dalam Kementerian Dalam Negeri puas hati bahawa tidak wujud profesional-profesional IT dari India ini dipukul ataupun dikasari.

Sebagai satu misalan, sama ada profesional IT ini dikasari atau dipukul adalah satu soalan subjektif. Kadang kala polis mungkin menjerit sedikit kita rasa layanan itu memang cukup biadab. Bagi setengah orang, kalau dipukul pun, mereka ini kata tidak begitu biadab, boleh tahan lagi, kan? So ini adalah satu soalan subjektif tetapi walau bagaimanapun oleh kerana Pemangku Perdana Menteri begitu jelas sekali tidak ingin masalah ini berlarutan, dipanjangkan maka beliau telah pun meminta maaf kepada pihak-pihak berkenaan jika terdapat masalah-masalah seperti yang diadu benar-benar wujud. Dan saya percaya dengan kenyataan Pemangku Perdana Menteri maka masalah ini telah pun diterima baik oleh semua pihak termasuk Duta India yang bertugas di Kuala Lumpur.

Mengenai soalan yang kedua iaitu Syarikat ADT. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kemudahan-kemudahan dan juga servis-servis yang diberikan oleh Syarikat ADT merupakan aktiviti pengawasan secara elektronik dan kegiatan aktiviti-aktiviti ini yang dikendalikan oleh Syarikat ADT memang tidak di dalam kuasa Akta Agensi Persendirian 1971 sebab servis dan aktiviti yang dikendalikan oleh pihak ADT memang berlainan dengan syarikat-syarikat sekuriti yang lain di mana sesetengah tempat khususnya taman-taman perumahan ataupun macam institusi-institusi perbankan, mereka ini memang mengupah supaya syarikat menghantar orang-orang seperti *security guard* dan pengawal ke tempat-tempat untuk membuat rondaan ataupun menjalankan aktiviti sekuriti. Tetapi bagi Syarikat ADT, memang aktiviti mereka ini tidak di dalam bidang kuasa Akta Agensi Persendirian 1971.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Dalam Negeri tidak berhak untuk mencampurtangan. Tetapi saya ingin menasihatkan supaya Yang Berhormat bagi Seputeh untuk membawa aduan ini kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ataupun jika terdapat pelanggan-pelanggan yang telah pun menandatangani surat perjanjian dengan Syarikat ADT ini yang terkilan oleh kerana mereka telah pun mungkir *agreement* maka saya percaya mereka boleh cari seorang peguam dan tuntutan kerugian mereka ini di mahkamah. Ini adalah satu nasihat dari saya sendiri.

Perkara ketiga adalah mengenai arahan sama ada Kementerian Dalam Negeri mengarahkan supaya pihak surat khabar tidak menyiarkan berita mengenai SARS. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri hanya minta pihak media supaya dapat memberikan laporan yang bertanggungjawab dan seimbang terhadap mana-mana isu khususnya mengenai isu SARS supaya laporan mereka ini yang bercorak berita ini tidak akan menimbulkan keadaan tegang atau kekeliruan di kalangan masyarakat. Ini hanya diberitahu oleh pihak Kementerian Dalam Negeri sebab kita tidak mahu laporan yang berbeza-beza dan kemungkinan akan melahirkan rasa tidak senang hati di kalangan masyarakat kita. Ini adalah tanggungjawab oleh Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat bagi Kemaman telah pun bangkitkan masalah kegiatan-kegiatan haram dan kononnya diurus oleh anggota polis ataupun mereka ini tidak bekerjasama dengan masyarakat Yang Berhormat dan kegiatan pelacuran, kegiatan mesin kuda haram berada di Kemaman. Untuk makluman Yang Berhormat, hari ini pasukan polis adalah terdiri daripada 84,000 anggota polis dari bawah hingga ke atas sekali dan dalam 84,000 ini memang saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang ada 84,000 ini Yang Berhormat, memang ada juga seorang dua. Kalau bukan seorang dua pun 50 orang, 100 orang yang tidak begitu betul, memang ada. Seperti kita kata, *in one big basket of apples, definitely there's some, one or two bad ones*. Ini saya tidak menafikan, tetapi yang penting sekali ialah peratusan yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sah ini ataupun bekerjasama dengan *crook-crook* ataupun samseng-samseng ataupun pengusaha-pengusaha kegiatan haram ini adalah amat kecil sekali peratusannya.

Saya sudah cakap beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini bahawa memang ada. Kalau kita tengok laporan Suruhanjaya Polis pada setiap tahun, begitu ramai anggota polis telah pun ditahan, disiasat, dipecat, dibuang kerja dan ada peratusan kecil juga di antara mereka ini tidak mahu ke mahkamah dan mereka ini telah pun banyak menerima hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana polis memainkan peranan yang agak penting iaitu keselamatan dalam negeri adalah satu isu yang cukup agak mustahak bagi kita sebab kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat semua ini bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia.

Pada keseluruhannya, prestasi pihak Polis Diraja Malaysia masih baik. Yang Berhormat bagi Sri Gading memang betul dalam pandangan beliau walaupun Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam agak negatif oleh kerana beliau telah diragut dua kali kan? Itu adalah cukup sial orang kata tetapi saya bersimpati dengan Yang Berhormat, itu tidak mungkin berlaku. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat pakai gelang emas itu banyakkah atau *handbag* itu besar-besar, saya tidak tahu. Tetapi walau bagaimanapun saya bersimpati dengan Yang Berhormat. Saya akan memberi jaminan bahawa balai polis berkenaan dalam kawasan itu akan menyiasat secara mendalam tengok macam mana, kalau ada bukti yang kukuh, kita tarik mereka ini masuk. Okey Yang Berhormat?

Pada keseluruhannya pihak polis pun akan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. PDRM sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk menurunkan kadar kejadian jenayah. Perlu diambil ingat banyak faktor yang menyumbang kepada penglibatan kejadian jenayah selain daripada aspek kemampuan Polis Diraja Malaysia untuk mengawal kejadian tersebut.

Faktor-faktor seperti perkembangan di sesebuah negara yang menyumbang kepada agak kenaikan jenayah. Macam masyarakat Malaysia hari ini agak mewah dan penduduk bertambah setiap hari, maka tidak hairanlah jika kes-kes jenayah agak bertambah. Yang penting sekali ialah keberkesanan pihak polis dalam siasatan dan menyelesaikan kes sebagai satu *yardstick*.

Jika dibandingkan dengan negara yang lain prestasi pihak polis dalam menyelesaikan kes-kes (*successfully solving cases that have been brought and reported*) agak melebihi 37% iaitu melebihi *standard* antarabangsa. Walaupun nisbah seorang anggota polis dan penduduk buat masa ini masih dalam lingkungan 341, tetapi pihak Kementerian Dalam Negeri telah pun membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat, Jabatan Perkhidmatan Awam, supaya bertambah lagi seramai 12,000 anggota polis dalam tahun ini ataupun tahun depan. Tetapi buat masa ini permintaan ini masih di peringkat kajian dan saya percaya tidak lama lagi JPA akan membuat satu keputusan, kalau tak tambah 12,000 pun dia tambah beberapa ribu. Tahun depan sudah tetap 4,000 orang rekrut akan diambil oleh pihak polis di Malaysia. Dari segi gaji mereka juga sedang dikaji. Kemudahan-kemudahan lain juga sedang dikaji sama ada munasabah atau kita tambah.

Kita juga tahu ada banyak kali dalam Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kebajikan pihak Polis Diraja Malaysia telah pun menyuarakan beberapa kali tentang kenaikan gaji. Kementerian Dalam Negeri memang amat peka terhadap pandangan ini. Kita haraplah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa adalah satu sikap dalam Kementerian Dalam Negeri bahawa enggan menerima teguran khasnya kalau dia dari pihak pembangkang secara hati terbuka. Tetapi saya ingin memberitahu satu laporan kepada pihak Timbalan Menteri. Tadi saya kata satu *survey* dilakukan di Selayang. Mereka tanya 1,000 orang, dan di antara 1,000 orang itu 59.5% yang mengatakan pihak yang *tercorrupt* sekali di dalam semua *civil servants* ialah polis. Ini pandangan orang ramai, bukan pandangan saya.

Jadi, yang dikatakan hanya satu, dua itu saya rasa tidak betullah. Saya rasa lebih baik kita kaji betul-betul berapa, kerana baru-baru ini pada Hari Polis, IGP sendiri telah mengakui bahawa kalau kelemahan seperti korupsi, salah guna kuasa, tidak ikhlas, *negligence* dan *involvement in criminal activities* dari pihak polis sendiri kalau tidak ditangani, jadi imej polis akan habislah.

Jadi, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri juga bertanggungjawab (*accountable*) kepada rakyat, seperti kita di sini wakil rakyat, kita *accountable to the rakyat*. Jadi, saya rasa ini adalah perasaan sayalah, Menteri selalu hendak mempertahankan yang tidak boleh dipertahan. *You cannot defend the indefensible*.

Saya hendak minta sekarang adakah pihak kementerian sudi membuat satu kajian yang besar-besaran supaya kita dapat lihat apakah persepsi orang ramai terhadap polis. Juga membuat satu kajian di antara semua *Form V students*, tanya mereka adakah mereka sudi menjadi seorang polis, dan kalau tidak, mengapa. Kita

boleh *survey* ini, kita boleh lihat apakah sebabnya orang ramai mempunyai persepsi seperti ini terhadap polis. Adakah Kementerian akan buat?

Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya gambaran yang diberikan oleh Yang Berhormat sendiri amatlah negatif. Saya tahu, saya juga faham sebab saya pun balik kawasan tiap-tiap minggu, saya pun terima aduan-aduan yang diberikan kepada saya daripada penduduk-penduduk dalam kawasan saya. Memang saya tidak nafi bahawa ada segelintir. Maksud saya kata 'satu, dua' itu bukan seorang, dua orang. Maksud saya ini segelintir seorang, dua itu dalam 84,000 ini seorang dua itu banyaklah, agak-agaklah.

Memang tidak benar kita tidak menerima baik pandangan yang diberikan oleh pihak pembangkang di Dewan yang mulia ini. Kalau pandangan baik dan *constructive*, membina memang kita catit. Kita tak kata, "Oh, itu baik, saya akan terima, saya akan ikut." Ikut buat apa yang diminta oleh Yang Berhormat, tak ada. Kita catit, kita bawa balik, kita kaji sama ada munasabah atau tidak, kita buat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini banyak pandangan telah pun diambil kira oleh pihak KDN. Kita pun banyak ada mengikuti pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan yang bernas. Kita buat tetapi kita tak cerita kata kita ada ikut Yang Berhormat, tak ada. Kita buat sahaja.

Satu lagi, tadi Yang Berhormat sebut tentang ucapan IGP, Ketua Polis Negara pada Hari Polis baru-baru ini. Maksud IGP sama saya juga. Beliau tidak menafikan bahawa wujudnya segelintir ataupun peratusan kecil pegawai polis yang tersabit dengan kegiatan yang tidak sah seperti rasuah dan lain-lain. Maksud IGP, Ketua Polis Negara, ialah kalau ada peratusan kecil ini dalam Polis Diraja Malaysia, tidak kira besar kecil, kecil pun kalau tidak ubah sikap, ini akan menjejaskan imej PDRM. Maksudnya lama kelamaan kalau kita tidak menanganinya, ianya mungkin akan menjadi satu budaya merebak ke anggota-anggota lain. Beliau ingin mengambil tindakan yang tegas. Kita hendak *contain* masalah ini dan ubah sikap supaya masalah ini mulai dari sekarang akan menjadi lebih kurang daripada sekarang. Ini adalah maksudnya.

Sama ada *survey* akan dibuat oleh pihak polis mengenai persepsi orang ramai, saya percaya ini juga tidak. Ada banyak jenis *survey* dibuat banci, tetapi kalau kita buat sesuatu kemungkinan tidak tepat juga kalau kita ikut permintaan ataupun pandangan Yang Berhormat. Tidak mengapa. Walau bagaimanapun, saya akan bawa balik sama ada macam mana sebab *survey* boleh dibuat melalui banyak cara. Kita boleh buat satu, tetapi kalau kita buka satu buat macam ini mungkin tidak betul juga, yang menerima ditemu duga akan bagi fikiran, yang tidak, tidak akan diberikan fikiran, maka ini tidak begitu tepat juga. Walau bagaimanapun, tidak mengapa. Pandangan Yang Berhormat kita ambil kira, kita tengok macam mana kita hendak buat dan sama ada kita hendak ubah persepsi orang ramai melalui cara-cara yang akan diambil oleh pihak kerajaan.

Maka, Tuan Pengerusi, ini adalah beberapa perkara yang saya telah dengar dan pegawai dari Bukit Aman ada di belakang Yang Berhormat, dan kita akan sentiasa mengambil berat dan catat apa yang perlu tentang pandangan yang baik supaya kita dapat mengambil balik untuk mengkaji sama ada ianya

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada yang hendak tanya.

Dato' Chor Chee Heung: sesuai kalau tidak, Yang Berhormat saya ingat cukuplah. Maka lain kalilah Yang Berhormat boleh tanya lagi. Itu adalah semua yang saya ingin menjawab di Dewan ini. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi. *Next time*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM125,545,300 untuk Maksud B.35 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM125,545,300 untuk Maksud B.35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.36 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala P. 36 di bawah Kementerian Luar Negeri, oleh kerana P. 36 adalah token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.36 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud P.38 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala P.38 di bawah Kementerian Pengangkutan, oleh kerana P.38 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.38 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 2002 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 2002.

Maksud B.40 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Larut, Sila.

7.00 mlm.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perkara B.40 Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah butiran 010500, 020100, 020300.

Pertama saya hendak ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang begitu prihatin, projek pun makin turun, peruntukan pun makin turun. Alhamdulillah bertambahnya prasarana, jalan kampung, jambatan dan lain-lainnya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Begitu pun masih ada lagi yang perlu diperbaiki terutama berhubung dengan pentadbiran dan kewangan iaitu KEMAS. Saya minta kalau boleh KEMAS mengisi kekosongan yang berlaku di kawasan-kawasan ekoran daripada berlakunya pelantikan ataupun adanya kes-kes yang menyebabkan pegawai-pegawai KEMAS di kawasan-kawasan Parlimen ataupun di tempat-tempat tertentu terpaksa digantikan.

Umpamanya di kawasan Parlimen Larut, sampai sekarang sudah berbulan, saya minta kalau boleh Penyelia KEMAS di DUN Batu Kurau dan di DUN Selama dapat diisikan segera kerana permohonan telah pun dibuat dan saya minta kalau boleh sebab ini akan menjejaskan pentadbiran, kelicinan KEMAS sebagai agensi kerajaan, mata dan telinga kerajaan di kawasan Parlimen Larut.

Walaupun saya faham permohonan ini menyebabkan ramai yang memohon termasuk mereka yang masih menganggur dan tidak ada pekerjaan tetapi saya mohonlah pihak KEMAS kalau dapat menyegerakan pengambilan sama ada peringkat pegawai mahupun kakitangan biasa termasuk pemaju-pemaju ekoran daripada kekosongan yang berlaku.

Keduanya, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan masalah kemudahan dan kelengkapan di bawah Jabatan KEMAS ini. Kita mengucapkan terima kasih kerana adanya dewan-dewan untuk tujuan kelas-kelas tadika, kelas-kelas asuhan kanak-kanak kecil di luar bandar. Begitu pun masih ada lagi keperluan-keperluan yang tidak begitu lengkap, kadang-kadang bangunan sudah naik tetapi tertinggal disebabkan ianya tidak lengkap di bawah program pembangunan yang dijalankan oleh pihak KEMAS.

Kita mintalah kalau boleh setiap bangunan KEMAS terutamanya kelas-kelas tadika yang didirikan di kawasan-kawasan luar bandar yang telah banyak membantu mengurangkan bebanan pekerja yang bekerja di kilang dan juga kakitangan di peringkat rendah yang menghantar anak-anak mereka ke pihak KEMAS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat melihat perkara atau masalah ini supaya tidaklah KEMAS terpaksa pula memohon peruntukan yang diberikan kepada agensi-agensi yang lain untuk membantu mereka membolehkan kelas-kelas KEMAS atau bangunan-bangunan KEMAS yang didirikan itu dapat dijalankan.

Jadi saya mintalah perhatian daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat memberikan perhatian kerana bimbang sekolah-sekolah tadika ini akan tinggal kosong begitu sahaja sedangkan kerajaan telah membelanjakan banyak peruntukan untuk mendirikan kelas-kelas tadika, bangunan-bangunan tadika, tetapi tidak lengkap. Ini tidak membolehkan kelas-kelas tadika ataupun kelas-kelas asuhan, kelas-kelas bimbingan dapat dijalankan.

Seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah di bawah peruntukan yang dipohon lebih RM29 juta ini ialah tentang masalah yang masih dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar. Kalau boleh saya ingin mencadangkan kepada kementerian berhubung dengan tapak-tapak untuk didirikan bangunan-bangunan dewan orang ramai, dewan serba guna, sekarang ini banyak tanah tapak yang sudah tidak ada lagi, cuma tinggal kawasan-kawasan rizab.

Kalau boleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar mencari jalan peruntukan yang diturunkan itu termasuk boleh dibayar ataupun dibuat pembayaran ke atas ganti rugi tanah-tanah orang yang hendak menyediakan tapak bagi tujuan pembinaan dewan tersebut kerana pada masa ini jika tidak ada tapak bermakna tidak boleh didirikan bangunan-bangunan atau dewan serba guna yang masih banyak diperlukan di kawasan-kawasan di luar bandar.

Jadi saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh memasukkan peruntukan untuk mendirikan dewan termasuk jika ada berlakunya kes-kes membayar pampasan ke atas tanah-tanah yang diperlukan ataupun mungkin pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh duduk semeja dengan kementerian-kementerian yang lain yang mana tanah rizab atau tanah-tanah yang tidak digunakan sama ada Kementerian Pendidikan yang masih banyak tidak dimajukan ataupun tanah-tanah rizab JPS digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut kerana saya merasakan masih banyak lagi kampung-kampung yang memerlukan tempat untuk bermesyuarat, tempat untuk pertemuan. Dahulu, Tuan Pengerusi, dewan boleh didirikan di mana-mana sahaja. Hari ini tidak boleh, dirobah sebab waris sudah tuntutan balik dewan-dewan tersebut. Ini akan merugikan berjuta-juta ringgit wang rakyat.

Jadi saya mohon supaya dapat dikaji semula kalau boleh dewan serba guna ini didirikan di setiap kampung-kampung yang digazetkan di bawah pentadbiran kerajaan kerana persatuan belia memerlukan dewan. Sekarang kita tidak perlukan lagi tetapi di masa akan datang membekalkan khemah-khemah kerana boleh diadakan perjumpaan, mesyuarat dan segalanya di dewan serba guna. Para belia boleh menggunakannya untuk tujuan sukan *in-door*, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya berharaplah kalau boleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar melihat perkara ini dengan lebih serius supaya perjalanan aktiviti di kampung tidak lagi menyebabkan berlakunya masalah sosial yang hari ini semakin membebankan semua pihak terutamanya pihak kerajaan.

Jadi, saya rasa itu sahajalah yang saya hendak sentuh dan saya sekali lagi ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang.

7.05 mlm.

Dato' Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak mengambil sedikit masa sahaja. Bercakap di bawah Kepala 07000 – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kementerian yang terus memberikan peruntukan kepada KEDA ini dan kalau boleh saya memohon supaya peruntukan tambahan boleh diberikan kerana KEDA ini sebagai sebuah badan kerajaan yang memainkan peranan amat penting untuk membantu masyarakat luar bandar bagi mendapatkan beberapa kemudahan masyarakat.

KEDA di Kedah memainkan peranan untuk membina jalan-jalan kampung, membantu masyarakat miskin, menjalankan kelas tuisyen, memberi rumah-rumah, bantuan rumah PPRT, semuanya ini adalah berkait langsung dengan pemberian yang membantu kebajikan masyarakat miskin di luar bandar.

Jadi, KEDA telah pun ditubuhkan dan telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang. Jadi, kita harapkan bahawa kalau boleh peruntukan ini ditambah bagi membolehkan KEDA ini berperanan dengan lebih berkesan dan lebih ramai rakyat yang akan mendapat kemudahan yang akan diberikan oleh pihak KEDA.

Antara lain saya hendak menyebutkan tentang pemberian KEDA termasuklah rumah PPRT ini, supaya dapat dikaji kriteria-kriteria yang khusus, apakah pengertian rakyat miskin yang harus diberikan rumah PPRT ini.

Kerana bagi saya, kalau sekiranya seorang yang baru mendirikan rumah tangga, anaknya baru seorang, masih menumpang di rumah ibu bapa kalau kita takrifkan ini sebagai orang yang boleh menerima bantuan rumah PPRT, sedangkan dia hanya baru memulakan penghidupan, maka sudah pasti jumlah orang yang boleh ditambah, yang boleh diberikan ini akan bertambah setiap tahun. Jadi, kriteria itu setakat mana berapa umurnya, kriteria yang harus digunakan, ini harus ada ketetapan kerana di peringkat daerah ini menghadapi masalah yang agak rumit tentang pemilihan calon-calon untuk memasuki, untuk mendapatkan bantuan-bantuan perumahan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menjelaskan sedikit tentang dakwaan-dakwaan yang telah pun dibuat oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah daripada pembangkang PAS, yang mendakwa bahawa KEDA ini telah menjalankan usaha memilih peserta-peserta PPRT secara pilih kasih.

Saya bukan hendak mencabar tetapi hendak memohon, nasib baik ada seorang daripada mereka pada hari ini, datanglah ke tempat saya, saya boleh tunjuk kumpulan kampung tradisional PPRT, Kampung Tanjung Setol, ada dua kampung di sini, Tuan Pengerusi, kesemua perumahan ini terdapat sebenarnya penyokong-penyokong PAS yang bekas Presiden PAS, Allahyarham pernah masuk ke kampung ini pun, Kampung KEDA Laha Tunjung, Kampung KEDA Tanjung Setol memberikan bantuan hari raya, tetapi sayangnya ADUN-ADUN mereka di Kedah mengkritik hebat, KEDA ini dengan mengatakan melakukan pilih kasih dan mengkritik kepimpinan negeri yang mengatakan membantu untuk memilih calon-calon kerajaan sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pendang tidak fahamkah,[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Pulak!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...kan dah lama kita dengan PAS, kerja dia kan menipu, bohong, putar belit, Yang Berhormat tidak fahamkah kelakuan PAS? Itulah dia punya kelakuan, kalau tak itu, memang orang kalau fahamlah tentang PAS, ini orang Kedah ini kena fahamkan baik-baiklah tingkah laku PAS ini, menipu, bohong, putar belit, Yang Berhormat tidak boleh fahamkah? Kan dah lama?

Tuan Pengerusi: Hmm.

Dato' Othman bin Abdul: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Kalau perbandingan Kedah dan Johor nampaknya saya amat faham dan lebih fahamlah dengan kerenah-kerenah PAS dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mereka ini.

Kerana memang kita tahu, bahawa dakwaan itu tidak adil, bagi menuduh sebuah agensi kerajaan seperti itu yang berat sebelah kononnya, tetapi jelas Tuan Pengerusi, bahawa peranan yang dimainkan untuk keadilan jelas.

Dan ini saya hendak menyatakan di sini bahawa saya mengajaklah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS ini untuk melihat kebenarannya, kebenaran yang berlaku bahawa tidak ada pilih kasih dalam pemberian rumah PPRT ini yang dibina oleh KEDA melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini.

Tuan Pengerusi, ini ialah pandangan-pandangan saya yang saya berikan, sekali lagi terima kasih kepada pihak kementerian yang telah pun banyak memberikan sumbangan lebih-lebih lagi melalui KEDA ini yang banyak fungsi bagi membantu meningkatkan taraf kedudukan sosial masyarakat Melayu bumiputera luar bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bachok.

7.11 mlm.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada peruntukan tambahan yang dikemukakan dalam perbincangan pada petang ini sebanyak RM29,334,800 untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi tujuan menampung kenaikan gaji 10%, serta utiliti, penyelenggaraan pejabat kepada semua agensi ataupun program di bawah KPLB ini.

Saya berpandangan positif kepada kementerian ini kerana ianya membawa suatu pendekatan untuk mengubah nasib rakyat di luar bandar secara amnya. Oleh kerana itu, saya quote kenyataan yang dibuat ataupun yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan bahawa dalam usaha untuk pembangunan ini, kita tidak ada alasan untuk berbalah, oleh kerana itu kemusykilan ataupun keraguan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pendang itu, saya ingat tidak berbangkit kepada kami di pihak PAS kerana itu adalah suatu rasionaliti dalam membela nasib rakyat. Oleh kerana itu saya mengharapkan KPLB ini lebih bertanggungjawab bagi memastikan semua peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen ini dimanfaatkan sebaik mungkin bukan untuk kepentingan partisan ataupun kumpulan parti tertentu.

Oleh kerana itu, saya merujuk kepada program pembangunan sosioekonomi, sebenarnya kita melihat *standard* ataupun ukuran garis kemiskinan nasional yang ada pada kita hari ini, saya ingat KPLB perlu melihat secara lebih realiti lagi, kerana dalam suasana perubahan semasa dan juga perkembangan-perkembangan mutakhir ini kos hidup yang meningkat yang seumpamanya, serta berlakunya kadar pembangunan yang tidak seimbang yang begitu ketara dalam negara kita, sudah pasti garis kemiskinan untuk dilihat kepada golongan miskin dan golongan termiskin ini perlu dibuat suatu pemantauan semula dan dibuat suatu ukuran yang lebih spesifik.

Daripada angka terakhir yang dikemukakan oleh pihak kementerian kemiskinan mengikut negerinya didapati Sabah adalah yang termiskin, mengikut statistik yang saya perolehi yang terakhir 1999 dikeluarkan oleh kementerian ini. Mungkin statistik terkini

Tuan Pengerusi: Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sekejap lagi. Mungkin statistik terkini boleh mengubah

Tuan Pengerusi: Sri Gading, sekejap.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:keadaan ini, Sabah dengan *percent* kemiskinan rakyatnya 20.09% diikuti dengan Kelantan – 18.68% dan Terengganu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berucap atas dasar itu. Cukuplah. Sila berpindah pula.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya di atas tajuk garis kemiskinan Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja, contoh sedikit sahaja.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dasar itu.

Tuan Pengerusi: Bercakap dalam Jawatankuasa di atas butir-butir sahaja ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Dia ganggu Tuan Pengerusi, saya hendak *concentrate*, dia ganggu banyak. Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading, Sri Gading, dia tidak beri jalan lagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Hah, sekejap-sekejap.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Berillah jalan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Yang penting ialah garis kemiskinan itu perlu dilihat semula untuk melihat taraf pembangunan sosioekonomi kita di luar bandar, kemudian yang kedua, saya suka menarik perhatian ialah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya, sila.

Tuan Pengerusi: Point of order bolehlah, Yang Berhormat. Dia bercakap di atas dasar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, terima kasih, terima kasih sahabat saya dari Bachok, dia wakil PAS dalam Parlimen petang ini, yang balik malam ini, semua yang lain, malam Jumaat Tuan Pengerusi, dia orang semua kena balik ke rumah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Itu apa yang hendak tanya itu? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak tanya ini Bachok. Fatwa atau kenyataan rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, dia menyeru rakyat Kelantan terimalah kemiskinan kerana takdir dan takdir itu mesti diterima, jadi kalau itu fatwa ataupun kenyataan rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, untuk apa Bachok hendak memperjuangkan kemiskinan, terima sahajalah.

Saya ingat Kelantan tidak payah hendak dibasmi kemiskinan pasal sudah jadi takdir, so you terimalah kerana ini takdir.

Tuan Pengerusi: Saya ingat kesemua itu dasar Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ha, betul, betul. Saya menyokong Tuan Pengerusi, sebab tidak ada masa hendak mengulas ilmu kitab ini. *[Ketawa]* Sebab kalau saya jawab isu itu panjang juga ceritanya. *[Disampuk]* Yang penting ialah kita orang Islam semua ada akidah sendiri. Akidahnya satu daripada rukun imannya menerima qada dan qadar. Ha, itu satu tidak boleh dipertikaikan. Noktah setakat itu.

Yang kedua saya hendak mempertikaikan perlaksanaan projek di bawah Pembangunan Sosioekonomi, satu daripadanya ialah projek pemasangan lampu jalan kampung di bawah kementerian ini. Kes yang spesifik, kalau Yang Berhormat bagi Pendang bangkit cerita orang PAS, *jealous* dengan Kedah, saya ini *jealous* dengan projek KPLB yang dilaksanakan di Kelantan khususnya.

Saya ingin tahu syarikat yang mengendalikan kontrak pemasangan lampu jalan di seluruh Kelantan ini. Kalau boleh pihak kementerian boleh mendedahkan perkara ini kerana ianya banyak diselewengkan. Semasa kajian dibuat untuk meletak atau memasang lampu-lampu jalan yang simbolnya di atas kepala lampu itu ialah warna merah, dibuat bancia mengikut lojik ataupun *rationality* dipasangkan lampu di tempat gelap dan tempat yang malamnya kemungkinan berlakunya *accident* di tempat yang selekoh tajam, konsentrasi kemungkinan jenayah tinggi.

Tetapi bila pemasangan dibuat oleh syarikat berkenaan ia merujuk semula kepada Ketua Cawangan UMNO dan Ketua Cawangan UMNO mengatur semula tempat-tempat pemasangan ialah di depan tangga rumah Ketua Cawangan, di depan rumah Setiausaha Cawangan, di depan tempat yang ada kepentingan politik UMNO. Apabila perkara ini dibantah secara rasmi

Dato' Othman bin Abdul: *Point of order.*

Tuan Pengerusi: *Point of order, ya.*

Dato' Othman bin Abdul: Di bawah kepala berapa yang ada lampu jalan ini? Saya tidak nampak bawah ini ada lampu jalan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Hmm.

Dato' Othman bin Abdul: Tidak ada lampu jalan di sini

Tuan Pengerusi: Ada atau tidak ada, saya pun tidak tahu itu. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya merujuk Kepala Pembangunan Sosio-ekonomi tadi, Tuan Pengerusi, sebab*[Disampuk]* Ini tidak ikut peraturan ini, macam mana? *[Ketawa]* Ini tidak ikut peraturan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kementerian beritahu adakah berkenaan dengan benda itu Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Di bawah Pembangunan Sosioekonomi, ini

Tuan Pengerusi: Buat apa*[Disampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dan, ada utiliti itu, yang itulah. *[Disampuk]* Tanya, tengok.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Tuan Pengerusi, kalau hendak ikut dia semua tidak ada. Dia ini pasal emolumen.

Tuan Pengerusi: Emolumen. Utiliti itu apa?

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Setiausaha Parlimen pun nampak sudah lari isu sudah. Utiliti dalam penyelenggaraan pejabat, semua itu diurus menerusi kontrak untuk pemasangan jalan, itu berlaku di pejabat.

Ada yang mengaku projek ini dibuat atas nama kepentingan ataupun projek ini ialah projek cawangan UMNO. Ha, itu saya dukacita. Apabila seseorang yang telah pun menerima nasib malang ini, bila depan rumahnya telah ditanda untuk dipasang lampu, tiba-tiba kontraktor ini datang tidak boleh pasang sebab di arah untuk alihkan. Dia telah membuat bantahan. Bila dia buat bantahan, dia pergi kepada pihak yang melaksanakan, dia diberitahu, ini projek cawangan UMNO.

Ha, ini saya hendak menyatakan perasaan tidak puas hati atas sikap mereka yang sepatut menerima projek ini tetapi dinafikan. Ha, itulah Tuan Pengerusi, saya ingat puas hati sudah sebut perkara ini. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Lipis. Lepas itu kementerian menjawab.

7.18 mlm.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana diberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat bagi Tahun 2002.

Ucapan saya pendek sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Iaitu berkenaan dengan emolumen di bawah Maksud B.40 di mana Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diberi tambahan peruntukan sebanyak RM29,334,800 juta. Saya hendak membangkitkan perkara ini kerana memang saya menyokong benarlah supaya ditambahkan peruntukan kepada kementerian ini terutama sekali bagi emolumen, utiliti dan juga penyelenggaraan ini. Kerana saya dapati ada pegawai dari kawasan saya yang telah ditukarkan ke Bentong dengan arahan tetapi mengatakan bahawa tuan ditukarkan ke Bentong tetapi tidak boleh buat tuntutan. Jadi, saya harap supaya kalau di masa akan datang pegawai-pegawai yang ditukarkan itu dapat diberi elaun pertukaran.

Saya telah bertanya kenapa pegawai ini ditukar dan sebagainya adakah sebab dia tidak cekap dan sebagainya. Kemudian saya telah diberitahu bahawa dari segi kerja, dia ini tidak ada masalah tetapi ditukarkan begitu sahaja. Kemudian pertukaran itu ditangguhkan, tetapi baru-baru ini pegawai itu ditukar pula ke Kuantan. Di sana itu tidak ada bangku, tidak ada kerusi untuk dia duduk.

Barangkali kementerian ini tidak cukuplah peruntukan memberi kemudahan-kemudahan kepada pegawai. Tetapi yang saya hendak persoalkan di sini, Tuan Pengerusi, pegawai ini yang begitu cekap tiap-tiap tahun tukar. Jadi, saya ingat tidak patutlah macam itukan? Kalau tidak ada peruntukan jangan tukarkan pegawai-pegawai ini.

Jadi, pendeknya, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan ini supaya pegawai-pegawai kita di kementerian ini kalau ditukarkan diberikan elaun pertukaran dan ada tempat duduk yang berpatutan bagi dia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Setiausaha Parlimen.

7.21 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Bachok dan Yang Berhormat bagi Lipis yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebelum saya menjawab kepada spesifik, Tuan Pengerusi, saya hendak memberitahu sedikit mengenai perbelanjaan tambahan yang dipohon di bawah KPLB ini iaitu perbelanjaan sebanyak RM29,334,800 juta ini adalah untuk melibatkan belanja mengurus iaitu melibatkan bahagian-bahagian di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ibu pejabat, jabatan dan agensi-agensi iaitu untuk membayar gaji.

Bahagian	Pembahagian
Ibu pejabat atau kementerian; KEMAS; Jabatan Hal Ehwal Orang Asli; KETENGAH; KESEDAR; KEDA; dan PERDA	RM 5,174,000 RM15,506,900 RM 4,806,000 RM 1,295,100 RM 1,300,800 RM 1,200,000 RM 250,000

Jadi, kesemua jumlah ini adalah sebenarnya untuk bayaran kenaikan gaji 10% pada tahun 2002 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Parlimen. Lepas itu ia adalah digunakan untuk membayar elaun tetap atau elaun kritikal untuk jawatan-jawatan tertentu di Bahagian Kesihatan dan Perubatan, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli iaitu di Hospital Gombak.

Dan, ketiga adalah untuk pembelian harta modal untuk kemudahan-kemudahan peralatan pejabat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta jawab kepada soalan, ya. Jangan beritahu apa yang sudah pakai. Minta jawab.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, berbalik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Larut iaitu mengenai memohon supaya mengisi kekosongan-kekosongan pelantikan khasnya di Parlimen Larut iaitu penyelia bagi Dewan Undangan Negeri Batu Kurau dan Selama, ingin dimaklumkan di sini kepada Yang Berhormat bahawa memang pada masa ini dijalankan pelantikan-pelantikan, tindakan telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan

secara berperingkat-peringkat pada tahun ini iaitu kekosongan jawatan tetap 550 orang mengikut pecahan yang berikut:

Kategori jawatan	Bilangan
Gred Utama	1
Pengurusan dan Profesional	78
Sokongan	194
Sokongan II	307

Tetapi tadi yang disebutkan iaitu pada bulan yang terdekat ini iaitu dilihat sini dalam bulan April, insya-Allah beberapa jawatan akan diisi termasuk tempat Yang Berhormat, saya hendak memaklumkan iaitu di Perak, keseluruhan Perak. Kita akan mengisi beberapa jawatan penyelia kanan, penyelia dan pemaju masyarakat. Di Perak, penyelia kanan satu jawatan, penyelia – 11, pemaju masyarakat – 40, di mana Perak akan mendapat 52 jawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat tadi, semasa ditanya mengenai kelengkapan kelas-kelas tabika, iaitu ingin dimaklumkan di sini Yang Berhormat, memang KEMAS prihatin dan untuk makluman, di keseluruhan Malaysia, kita ada 8,275 buah kelas, di mana bilangan kanak-kanak ialah 217,090 orang dan bilangan guru adalah 8,218. Jadi pertamanya, sekarang ini kementerian atau KEMAS mengambil satu pendekatan iaitu supaya kita ada bangunan tabika sendiri. Jadi, bila ada bangunan tabika sendiri, memudahkan kita untuk melengkapkan tabika-tabika tersebut.

Jadi, untuk tahun 2003 ini, kita akan membina 66 buah tadika baru dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, memang kita ambil perhatian di mana kita memerlukan masa sedikit, Yang Berhormat, memandangkan peruntukan adalah terhad. Jadi, akan diikuti daripada segi giliran. Jadi insya-Allah Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat telah membawakan perkara ini, kita akan memberi perhatian khasnya kepada tadika yang disebut Yang Berhormat di dalam kawasan Parlimen Yang Berhormat, Larut khasnya, bagi Batu Kurau dan juga Selama.

Mengenai tapak-tapak iaitu memohonkan tapak-tapak supaya dapat ianya didirikan dengan ada pampasan daripada kementerian.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya tambah sedikit cadangan? Selain mengadakan kelas-kelas tadika, bolehkah tidak KEMAS membantu orang kampung yang tidak mampu, yang anak-anak mereka hendak mengambil peperiksaan UPSR, PMR, SPM, mengadakan kelas-kelas tuisyen di bangunan-bangunan KEMAS pada ketika kelas-kelas tadika ini tidak diadakan? Bolehkah tidak?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita ada program ini, bukan dijalankan oleh KEMAS tetapi boleh menggunakan kelas-kelas KEMAS dan juga mana-mana tempat di kampung termasuk balai raya dan sebagainya iaitu di bawah bahagian kemiskinan. Memang kita mengadakan kelas-kelas tuisyen khasnya, kita tentukan untuk kanak-kanak atau anak-anak yang miskinlah Yang Berhormat, iaitu memang dibimbingkan kelas-kelas yang mengambil peperiksaan. Jadi Yang Berhormat, bolehlah kita membuat satu kerjasama, Yang Berhormat memberitahu kepada pegawai-pegawai KEMAS di tempat Yang Berhormat supaya perkara in bolehlah dilaksanakan khasnya di kawasan Yang Berhormat.

Mengenai atau dari segi tapak-tapak, untuk makluman Yang Berhormat, memang kita ada peruntukan khasnya di bawah Program Ameniti Sosial untuk kita membina atau membaik pulih balai. Dari segi pengambilan tanah, insya-Allah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi perhatian mengenai cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat termasuk kementerian akan cuba membuat *networking*, berbincang bersama dengan kementerian-kementerian lain.

Tetapi, di sini Yang Berhormat, tapak projek untuk Ameniti Sosial seperti yang diberikan di dalam garis panduan, iaitu kita memerlukan tapak projek yang disediakan. Kalau dapat pilih daripada antara berikut iaitu tanah rizab kerajaan, tanah yang didaftarkan di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, tanah yang diwakafkan atau diberi izin guna, tanah hak milik yang telah diambil alih oleh kerajaan negeri dan tanah yang dimajukan secara usahasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan awam seperti koperasi, NGO-NGO dan persatuan penduduk. Jadi, ini akan sedikit sebanyak, kita dapatlah orang kata melarikan daripada membayar pampasan dengan adanya kerjasama sebegini, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Baik, terima kasih Yang Berhormat.

Saya difahamkan, di bawah Kanun Tanah Negara, cuma tanah-tanah rizab yang bukan di bawah kementerian adalah di bawah takluk kerajaan negeri. Ini serius, Yang Berhormat, bukan main-main.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya? Kecuali kementerian-kementerian, ia tidak terbabit dengan mana-mana pejabat tanah. Yang saya maksudkan tadi, bukan dibeli. Katakanlah di kawasan itu tidak ada tapak hendak didirikan dewan serbaguna, ada orang sanggup menyediakan sebahagian, cuma bayar pampasan sahaja untuk membolehkan dewan tersebut didirikan, itu maksud saya, bukan beli. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Terima kasih atas cadangan itu. Nanti, kita akan berbincanglah Yang Berhormat dari segi ada cara-cara untuk kita boleh memberi sagu hati kepada tuan tanah dan bukan secara membeli. Tetapi, ini lebih daripada segi pelaksanaan. Jadi, bolehlah Yang Berhormat, kita nanti berbincang, pegawai-pegawai di sini pun ada, boleh memberitahu Yang Berhormat, beberapa cara untuk kita berbincang supaya kita boleh menyediakan kemudahan ini kepada rakyat yang memerlukan.

Kepada Yang Berhormat bagi Pendang, terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kejayaan-kejayaan yang dijalankan oleh KEDA di mana Yang Berhormat telah memohon. Begitu prihatinnya Yang Berhormat supaya KEDA ini diberi tambahan peruntukan supaya KEDA boleh menjalankan program-program yang diamanahkan kepada KEDA. Untuk makluman Yang Berhormat, terima kasih di atas cadangan tersebut. Kita sememangnya sebaik mungkin akan memberi peruntukan yang banyak kepada KEDA, malahan kepada semua agensi atau jabatan yang berada di bawah kementerian. Walau bagaimanapun, peruntukan yang akan diberikan oleh kerajaan itu terbatas oleh siling-siling. Ia ada had-had siling peruntukan yang ditetapkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu kepada KEDA.

Walaupun bagaimanapun kita akan cuba timbangkan atau imbangi siling dengan prestasi perbelanjaan yang dilakukan oleh jabatan di bawah kementerian termasuk KEDA di mana KEDA akan mengemukakan permohonan tambahan dari semasa ke semasa mengikut program-program tertentu sewaktu pemeriksaan bajet dibuatkan setiap tahun. Jadi, masa itu bolehlah KEDA akan memasukkan permohonan-permohonan mana yang diperlukan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat.

Betul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, iaitu ada kampung tradisi PPRT, kampung tradisional PPRT. Ini menunjukkan, Yang Berhormat, bahawa kita di dalam agensi Barisan Nasional, kita tidak memilih siapa sahaja tetapi kita mengikut kriteria orang yang sepatutnya menerima bantuan. Jadi, ini sedikit sebanyak masuk kepada Yang Berhormat bagi Bachoklah. Kita tidak memilih, Yang Berhormat. Kalau

mengikut kriteria, insya-Allah kita akan berikan dan ini telah terbukti diberitahu oleh Yang Berhormat bagi Pendang dan saya sendiri pergi ke kampung itu, Yang Berhormat. Kadang-kadang hairan juga dia orang, tetapi kita kata kita tidak pilih. Kita turun ke kampung, kita beri bantuan yang mana boleh.

Jadi, Yang Berhormat yang rasa itu kadang-kadang adalah sedikit sebanyak Yang Berhormat katakan tadi. Itu manusia, biasalah Yang Berhormat. Yang Berhormat pun, kalau saya kata Yang Berhormat, saya bagi peruntukan dekat Yang Berhormat, saya pasti Yang Berhormat kata buat rumah saya dulu atau bagi kepada penyokong saya dulu. Saya rasa, pasti Yang Berhormat. Itu biasa, itu manusia biasa. Ini semua, kita sama macam ini. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat bagi Pendang, terima kasih.

Jadi, memandangkan Yang Berhormat, peserta ini telah memenuhi segala kriteria untuk menerima bantuan PPRT, oleh yang demikian, mereka menerima. Jadi, peserta yang layak untuk program mendapat bantuan rumah, adalah golongan ketua isi rumah termiskin yang berpendapatan kurang daripada setengah garis pendapatan kemiskinan iaitu pendapatan kurang daripada RM510 di Semenanjung. Tadi, Yang Berhormat menyebutkan kalau baru kahwin Yang Berhormat, dan ada anak seorang tetapi tidak memenuhi syarat ini, mereka tidak layak. Ini bermakna, garis ini mesti ada sebagai *basis*. Itu mesti ada, telah ditetapkan seperti itu, Yang Berhormat. Jadi terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang yang telah begitu prihatin mengenai prestasi KEDA.

Yang Berhormat bagi Bachok telah memberitahu mengenai garis panduan, di mana saya tadi telah menjawab bersekali dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pendang mengenai pelaksanaan pemasangan lampu jalan. Yang Berhormat tadi kata ada berlaku penyelewengan, dan semua lampu dipasang di rumah-rumah orang UMNO. Tetapi Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat, kampung lain, lain pula dia punya cara. Jadi, mungkin Yang Berhormat tengok macam itulah, tetapi pada keseluruhannya Yang Berhormat, program ini adalah untuk kita mencahayakan kampung-kampung.

Sebenarnya memanglah seperti dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, sepatutnya projek itu ialah untuk menerangkan tempat gelap dan sebagainya. Jadi, mungkin tempat yang disebutkan itu satu daripada tempat yang selalu dibuat perjumpaan, mungkin di tangga Yang Berhormat sebutkan tadilah, jadi perlulah diterangkan juga. Ini memang, dan kami kadang-kadang memerlukan jasa baik ketua kampung, ketua JKKK, untuk menentukan di mana hendak dipasangkan sepuluh batang lampu jalan itu – sepuluh sahaja. Sebenarnya ada permohonan untuk kita memasangkan lebih banyak lampu jalan. Memang hasrat kita hendak memasang lebih sebab ada kampung itu besar, tetapi pada masa ini, pada dasarnya hanya sepuluh dahulu. Insya-Allah, mana tahu kalau rezeki negara kita lebih baik, mungkin kita boleh masukkan untuk *second round*, kita tambah lagi. Tetapi buat masa sekarang, hanya sepuluh.

Yang Berhormat bagi Lipis, terima kasih Yang Berhormat sebab Yang Berhormat telah menyebut mengenai seorang pegawai yang efisien, yang asyik ditukar dan di mana tidak ada tuntutan. Memandangkan perkara ini begitu spesifik, mungkin Yang Berhormat boleh berikan kepada kami dari segi nama dan sebagainya. Insya-Allah kami akan lihat apa sebenar masalahnya, supaya kita, seperti juga Yang Berhormat, memang tidak mahu mana-mana pegawai kita yang cekap dianiayai. Jadi, kalau dapat Yang Berhormat bagikan kepada saya segala maklumat supaya pegawai-pegawai atasan KEMAS, yang semuanya ada di sini, akan mengambil maklum. Mungkin mereka boleh buat *research* sebab sudah disebut oleh Yang Berhormat, kecuali Yang Berhormat tidak sebut nama sahaja. Saya rasa dari segi *movement* tadi, mungkin pegawai-pegawai KEMAS saya di sini memang sudah mengetahui, dan mungkin boleh memberi surat dari segi *explanation*, dengan izin, kepada Yang Berhormat.

Jadi, dengan itu Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, dan dengan dorongan dan semangat yang diberikan, insya-Allah kami akan menjalankan kerja dengan baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM29,334,800 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM29,334,800 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.41 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.41 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

7.39 mlm.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam Butiran B.41, sebanyak RM1.4 juta telah diperlukan untuk sambutan Hari Wanita Kebangsaan. Ini adalah untuk tahun lalu. Sungguhpun saya katakan jumlah ini merupakan satu amaun yang sangat besar tetapi kalau amaun ini telah dibelanjakan dengan tujuan untuk membawa lebih kesedaran kepada hak persamaan, *gender*, itu saya tidak bantah. Yang saya kurang setuju ialah tentang tema sambutan Hari Wanita Kebangsaan tahun lalu, iaitu "Ke Arah Generasi Yang Berilmu". Saya rasa tema ini kurang *bergender* – tidak ada unsur *gender* di dalamnya dan ia tidak mencerminkan signifikansi Hari Wanita kerana Hari Wanita ialah untuk mengingat balik perjuangan wanita untuk mendapatkan hak persamaan *gender*.

Oleh yang demikian, saya berharap pada tahun ini tema sambutan Hari Wanita Kebangsaan akan mempunyai unsur *gender* di dalam temanya. Sekurang-kurangnya mencerminkan apakah yang wanita hendakkan – *what the Wanita want?* Apakah hak yang kita hendak perjuangkan? Saya sokong perbelanjaan sebanyak RM2 juta untuk membantu NGO, khasnya NGO yang melaksanakan aktiviti wanita dan keluarga. Saya rasa ini perlu dipertingkatkan kerana kita memang mempunyai banyak NGO wanita yang sangat berkualiti, yang sangat berupaya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan hak wanita.

Smart partnership di antara kementerian dan NGO akan memastikan pelaksanaan untuk mencapai tujuan kementerian. Jadi, saya juga ingin mendapatkan sedikit maklumat mengenai apakah rancangan kementerian untuk mempertingkatkan *smart partnership* antara NGO wanita dengan kementerian? Apakah kriteria untuk memberi bantuan ini? Walaupun saya tahu bukan di dalam kuasa kementerian ini, tetapi saya hendak meminta Yang Berhormat Menteri supaya memberi sedikit perhatian untuk memastikan Akta Keganasan Rumah Tangga dapat dipinda secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Shah Alam. Selepas itu kementerian menjawab.

7.42 mlm.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun minat kepada wanita Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Mustahak Tuan Pengerusi. Apakah lelaki tanpa wanita Tuan Pengerusi, ya? *[Ketawa]* Itulah dia. Syurga pun di bawah tapak kaki ibu, Tuan Pengerusi, ya?

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, perbelanjaan RM1.4 juta untuk sambutan Hari Wanita Kebangsaan ini, adakah perbelanjaan ini hanya untuk *one event* sahaja ataupun untuk menganjurkan satu *event* sahaja memerlukan RM1.4 juta. Saya hendak tanya, apakah keberkesannya tentang mengumpulkan orang, selepas itu untuk satu hari kita berbelanja RM1.4 juta, ataupun mungkin untuk pihak kementerian menilai balik bagaimana kegunaan wang ini boleh mengubah sikap, minda dan mungkin perkara-perkara yang boleh mempertingkatkan lagi kefahaman tentang masalah wanita yang kita hadapi pada hari ini.

Seperkara lagi, saya juga, seperti Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, menyokong peruntukan RM20 juta yang hendak dibelanjakan bagi menggalakkan aktiviti-aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi, kepekaan *gender*, literasi undang-

undang dan kemahiran, seperti dalam masakan, jahitan dan kraf tangan. Tetapi perbelanjaan ini, mekanismenya melalui NGO. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana datang malam Jumaat ini untuk memberi penerangan [*Ketawa*] apakah kriteria pemilihan kepada NGO ini? Tetapi kalau Ahli Parlimen semua, kita memang bersedia - walaupun lelaki kita pun sedia untuk membantu wanita, kalau mungkin melalui maklum balas daripada Ahli-ahli Parlimen – ini untuk kita mengenal pasti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan di peringkat akar umbi, kita bersedia untuk membantu Yang Berhormat Menteri hendak membelanjakan peruntukan RM20 juta ini, supaya keberkesanannya lebih menyeluruh di peringkat akar umbi. Cuma kita hendak tahu, apakah kriteria yang dipakai untuk menentukan bahawa NGO ini disalurkan peruntukan RM20? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tuan Pengerusi: Ya, menteri menjawab.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam dan Shah Alam kerana telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan. Saya ingin menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam dahulu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa

Pertamanya untuk sambutan Hari Wanita, Yang Berhormat, saya mendapat tahu bila orang dengar mengatakan eh! Ini banyak ini, mungkin untuk sambutan Hari Wanita. Sebenarnya program sambutan Hari Wanita bukan hanya ditumpukan kepada acara kemuncak iaitu di mana kita adakan program satu hari suntuk bagi meraikan perjuangan wanita di mana kita kumpulkan lebih kurang 15.000 daripada aktivis dan pejuang wanita, dalam kerajaan luar kerajaan NGO di semua bidang untuk mengatakan setidak-tidaknya Yang Berhormat setahun sekali kita mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana memberikan sumbangan kepada negara.

Di dalam masa itu beberapa program telah diadakan pada hari itu sahaja tetapi yang sama mustahak sempena sambutan ini ialah beberapa program sempena sambutan itu yang diadakan seminggu sebelum. Misal kata kita ada Sidang Kemuncak Wanita 2002. Duit yang digunakan itu, Yang Berhormat, kita ada Konvensyen Usahawan Wanita, kita ada pameran *Womens' World*, kita ada Seminar Wanita Berilmu Negara Maju, Seminar Perancangan Kewangan untuk wanita Malaysia, Program Kesihatan Untuk Wanita, Program Sejahtera dan juga program berbentuk agama iaitu program Norhidayah.

Jadi, kalau kita pukul rata itu Yang Berhormat saya rasa semua boleh bersetuju yang digunakan itu tidak membazir.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, penjelasan

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mengatakan bahawa RM1.4 juta itu membazir. Cuma saya hendak tahu macam mana adakah perbelanjaan itu.....

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: [*Masih berdiri*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri tidak hendak dudukkah? Hendak cepat. Ya. [*Ketawa*]

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [*Ketawa*] Berehat sekejap. Saya dalam punya perbahasan tadi saya tidak pernah menyebut bahawa RM1.4 juta ini membazir. Yang saya hendak tahu adakah perbelanjaan ini, perbelanjaan hangus untuk just one event. Tetapi maklum balas Yang Berhormat beri sebelum grand event ini ada event lain yang create awareness. Tetapi saya hendak bertanya, Yang Berhormat, penjelasan. Akta keganasan dalam keluarga ini di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi Yang Berhormat punya tanggungjawab ialah tentang wanita, kanak-kanak dan keluarga.

Jadi, infrastruktur tidak ada kepada kementerian Yang Berhormat. Jadi, saya ingat yang ini sepatutnya kena *address* dahulu Yang Berhormat, jadi baharu kalau *awareness* itu boleh memanfaatkan. Jadi macam mana hendak menangani masalah itu jikalau infrastruktur bukan di bawah kawalan Yang Berhormat. Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat memang tidak menyangka ia pembaziran tetapi cuma saya tidak mahu ada mana-mana pihak yang mungkin memikirkan ianya membazir sebab program kita sebenarnya dalam masa sebulan, Yang Berhormat.

Untuk menjawab soalan tentang *Domestic Violence Act* ini, Yang Berhormat, sebenarnya Kementerian pada masa ini kita memang tidak ada undang-undang, kita tidak ada *implementing agency* kerana Kementerian, LPPKN dan Jabatan Pembangunan Wanita, namun begitu kuasa yang ada untuk pembangunan wanita dan keluarga terletak sebenarnya di dalam Kementerian-kementerian yang lain.

Jadi, tugas kita ialah misal kata DVA (*Domestic Violence Act*) kita masih ada *auditing*, kita tengok okey, macam mana pelaksanaannya kalau ada apa-apa input ataupun cadangan yang kita terima daripada wanita dan keluarga kita *input* kepada Kementerian, *ministries* yang berkenaan. Sama juga misal kata kalau kita hendak polisi-polisi kerajaan, Kementerian Kewangan jadi kita *input* kepada Kementerian Kewangan. Misal kata kita hendak lebih supaya suami bila isteri bersalin duduklah di tepi dia 44 hari itu tidak sepatutnya tetapi lima hari dapat, misal kata.

Jadi, buat masa ini Yang Berhormat walau pun *Domestic Violence Act* di bawah Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, saya dan semua di Kementerian kita tidak nampak setakat ini, ia menjadi halangan sebab ada satu hubungan yang baik di antara kedua-dua Kementerian di mana kita *input* dan mereka menerima *input* kita dan menjalankan tugas-tugasnya. Sebab apa, Yang Berhormat, sebenarnya yang istimewa tentang Kementerian ini, kita tidak ada apa-apa, tidak ada undang-undang, tidak ada *implementing agency* tetapi kita mampu menjalankan tugas setakat ini kerana mendapat sokongan dan kerjasama daripada Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian yang lain.

Jadi, walau bagaimana pun, saya nampak bahawa mungkin satu hari kelak, dengan izin, *may be sooner than expected* mungkin seelok-eloknya *Domestic Violence Act* itu di bawa ke bawah Kementerian ini tetapi, Yang Berhormat, masalahnya sebab DVA ini dia datang memerlukan *facilities* infrastruktur yang ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau DVA sahaja di bawah Kementerian ini tetapi tidak ada khidmat sokongan pun susah, Yang Berhormat.

Jadi, sebab itu buat sementara ini saya rasa *we are managing*, dengan izin, *quite well*. Wangsa Maju.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Wangsa Maju

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini saya nampak RM20 juta ini untuk bantuan NGO khusus untuk aktiviti wanita dan teknologi maklumat. Soalan atau penjelasan ialah adakah NGO-NGO ini yang ditulis di sini termasuk NGO - IT bukan *Information Technology* tetapi 'Ibu Tunggal', sebab hujung minggu yang lalu ada tujuh lapan ahli Persatuan Ibu Tunggal datang berjumpa saya, mereka pun kirim salam kepada Yang Berhormat dan mereka bertanya kalau ada kriteria atau peruntukan yang boleh diberikan kepada mereka dan apakah cara untuk membuat permohonan ini? Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih, Yang Berhormat, saya hendak menjawab sekali gus dengan apa yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam tentang duit yang diberikan kepada NGO. Sebenarnya Yang Berhormat, saya rasa Malaysia ini adalah di antara kerajaan yang teristimewalah, Yang Berhormat. RM20 juta hendak diberi dekat NGO ini. Saya tidak tahu ada negara lain di dunia ini di mana kerajaan menggalakkan satu pakatan yang bijak di antara kerajaan dan badan bukan kerajaan. Maka eloklah NGO itu memberi sokongan kepada kerajaan yang ada pada hari ini.

Saya hendak memaklumkan buat masa ini untuk peruntukan Perbendaharaan ini kita ada enam bidang yang kita berikan keutamaan:

- (i) literasi undang-undang sivil dan syariah;
- (ii) program-program latihan dan peningkatan kemahiran (*capacity building*);

- (iii) teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) kepekaan *gender*;
- (v) kempen-kempen kesedaran seperti gangguan seksual, keganasan terhadap wanita; dan
- (vi) pembangunan keluarga ataupun kesihatan (*reproductive*).

Yang Berhormat, terutama kepada Yang Berhormat Wangsa Maju, saya rasa Persatuan Ibu Tunggal di sini memang kita memberi layanan yang istimewa. Saya hari-hari berjumpa dengan ibu tunggal sama ada majlisnyakah, persatuannyakah atau orang individu. Kita sudah memberi *briefing after briefing* macam mana hendak *fill up the form*, apa dia kriteria, bukan kita yang meletakkan, Yang Berhormat, Perbendaharaan yang mengatakan dekat kita, okey kalau hendak memberi duit - ini dia, apa dia punya kriteria, di antara lain mesti *registered* dengan ROS, mesti ada bank akaun dan ada lain kriteria-kriteria yang lain. Kita *simplify* lagi *application* tetapi, Yang Berhormat, oleh kerana ini duit kerajaan kita mesti mengikut kaedah-kaedah yang telah pun ditetapkan.

Saya hendak memaklumkan bahawa walaupun kita beri duit ini tetapi kita di kementerian pun kita ada kita punya *auditing* supaya duit itu digunakan dengan baik dan saya hendak memaklumkan ada beberapa cara untuk kita iaitu garis panduan, saya hendak baca, ada sedikit dekat sini. Yang Berhormat hendak balik dah semua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak payahlah.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, saya rasa nampak gaya semua sudah hendak balik, saya rasa insya-Allah sesiapa sahaja mana-mana NGO yang memenuhi kaedahnya, insya-Allah, datanglah ke kementerian, kita akan memberi peruntukan itu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Last, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak balik cepat ini.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya tadi, saya memang menyokong RM20 juta ini diberi tetapi yang sedikit saya gusar ini Yang Berhormat sendiri mengaku bahawa kementerian Yang Berhormat tidak ada mekanisme untuk melaksanakan ini. Jadi, Yang Berhormat terpaksa hendak menggunakan NGO. RM20 juta ini memanglah kerajaan kita kerajaan prihatin, kita minta supaya NGO ada *synergy* kerjasama dengan kita.

Tetapi saya hendak bertanya tentang literasi undang-undang ini, boleh tidak yang RM20 juta ini digunakan untuk kalau ada wanita yang hendak ada *legal report* tentang perkara-perkara yang berhubung kait tentang hak wanita dijadikan sebagai bayaran kepada peguam untuk ini. Kerana saya ingat daripada segi untuk *domestic violence* semua kadang-kadang masalahnya ialah tidak ada *address to the legal* punya dan kadang-kadang salah satu unsur utama ialah tidak berkemampuan. Dia tidak ada dapat *legal opinion* dan *legal help*. Jadi, boleh tidak perkara ini digunakan?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, tidak boleh, sebab apa mengikut kaedah yang telah pun ditetapkan oleh Perbendaharaan perkhidmatan peguam dapat mereka perolehi melalui biro bantuan guaman dan duit yang dia bagi ini hanya untuk aktiviti dan program sahaja.

Jadi, akhir sekali untuk Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam untuk Hari Wanita saya sudah jawab tadi. Kami rasa bahawa tema "Ke Arah Generasi Berilmu" itu tema yang baik sekali sebab tahun sudah tema kita ialah "Ke Arah Kesaksamaan Gender" dan kita berpendapat bahawa wanita yang berilmu itu mampu untuk memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Saya rasa itulah, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana tunggu sampai malam untuk bahas tentang Anggaran Perbelanjaan ini dan terima kasih sekali lagilah kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana sentiasa memberi sokongan kepada kami di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan kepada Yang Berhormat bagi Shah Alam terima kasih kerana selalu ingat bahawa syurga itu di bawah tapak kaki ibu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM21,768,000 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM21,768,000 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.45 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B. 45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas.

Ya, Bachok. *[Disampuk]*

8.00 mlm

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Ada satu isu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila Bachok. Selepas itu menteri menjawab.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Berhubung dengan....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Hendak cepat balik kena siap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, jangan kacaulah Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Berhubung dengan isu yang berbangkit iaitu pembelaan terhadap pekerja-pekerja yang semasa bekerja menghadapi risiko tinggi. Apakah pihak kementerian membuat satu langkah proaktif di antaranya kita ambil kes bila berlakunya peningkatan jenayah di bandar raya sekarang ini kesnya ialah pengawal keselamatan yang selalu terdedah dengan ancaman rompakan. Mereka ini selalu diancam dari sudut nyawanya dan juga terancam dari sudut kemungkinan-kemungkinan apabila berlaku rompakan. Kita dapati bahawa pegawai-pegawai keselamatan yang bertugas di bank ataupun di kedai-kedai emas ada dilaporkan mati, tercedera dan terlibat secara langsung dalam pertarungan dengan pihak penjenayah. Jadi, saya hendak tahu adakah kementerian telah mengenakan beberapa peraturan yang lebih menjamin kepada syarikat yang mengendalikan perkhidmatan pengawalan keselamatan ini? Pertamanya dari sudut insurans perlindungan, adakah kementerian mewajibkan syarikat berkenaan menanggung insurans perlindungan supaya perkara itu dapat mambantu mangsa?

Yang keduanya adakah kementerian berhasrat untuk mengenakan syarat lagi kepada syarikat berkenaan mengadakan elaun tambahan kes senjata api kerana mereka bertugas menggunakan senjata api. Ini satu perkara yang saya ingat boleh memberi suatu semangat baru kalau elaun tambahan senjata api diberi kepada mereka ini.

Kemudiannya berhubung dengan pengendali pekerja asing. Kes*[Disampuk]*

Beberapa Ahli Dewan: Tapi minta penjelasan! *[ketawa]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Kes yang melibatkan pembelaan terhadap pembantu rumah yang diurus oleh syarikat ini kerana ada mereka ini telah diancam

sedikit oleh pihak majikan. Jadi, adakah tanggungan kes ini dikenakan kepada pihak pengendali pekerja asing berkenaan?

Yang terakhir sekali, dasar terbaru kementerian, maksudnya ialah tindakan terbaru pihak kementerian berhubung dengan saranan pihak kementerian kesihatan khasnya menteri Kesihatan sendiri menasihatkan pekerja-pekerja kita yang bertugas di Singapura itu untuk membuat cuti rehat ataupun satu langkah untuk menyelamatkan dari SARS ini.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila jawab.

8.01 mlm.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya tidak banyak Tuan Pengerusi yang hendak disentuh ini. Mengenai pegawai keselamatan ini patutnya Yang Berhormat bagi Bachok tanya kepada KDN kerana semua hal-hal ini di bawah urusan lesen. Semua sekali KDN. Cuma satu sahaja iaitu pasal insurans tadi. Ini budi bicara syarikat. Tetapi sebagai pekerja mereka wajib mencarum di SOCSO. Jika apa-apa berlaku semasa bertugas SOCSO ada *coverage*.

Kedua elau senjata api ini masih tertakluk kepada syarat-syarat yang diputuskan oleh KDN.

Pasal pembantu rumah kalau ada kes-kes spesifik, Tuan Pengerusi, kita akan merujuk dan kita boleh selidik serta boleh ambil tindakan.

Saya ingat itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM41,146 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM41,146 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat 2002 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2002) 2003 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Datuk Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima bilion empat ratus lima belas juta sembilan ratus sembilan belas ribu dan satu ratus ringgit (RM5,415,919,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2002, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 2002 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2003 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan."

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Datuk Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima bilion empat ratus lima belas juta sembilan ratus sembilan belas ribu dan satu ratus ringgit (RM5,415,919,100) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2002, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 2002 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2003 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan."

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan kita pada hari ini. Maka dengan ini saya menanggungkan dewan ini hingga hari Isnin minggu hadapan jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.05 malam.